

قیمتیں قیمتیں

PETIKAN TITAH

"PERLU juga diperbaiki sikap sesetengah orang yang tidak gemar dengan bidang kerjaya di sektor swasta. Sikap ini ternyata merugikan, bukan saja kepada pemiliknya, malahan juga kepada negara." - Titah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-14, pada 23 Februari, 1998.

Pelita برunei دلیٹا BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



TAHUN 46 BILANGAN 40

RABU 3 OKTOBER, 2001/1422 رابعو 15 ربیعہ

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Lawatan kerja Kebawah DYMM ke Malaysia

Hubungan UIAM, UBD harus ditingkatkan

Kerjasama pendidikan diperluas

KUALA LUMPUR, 2 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa adalah menjadi dasar Negara Brunei Darussalam untuk memperluaskan kerjasama dua hala dengan Malaysia dalam bidang pendidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Sains Politik yang dianugerahkan kepada baginda oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Majlis Konvokesyen Khas yang diadakan di kampus UIAM, di sini.

Penganugerahan telah dilakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang Darul Makmur selaku Ketua Perlembagaan UIAM, Profesor Dr. Mohamad Kamal Hassan, Rektor UIAM serta pegawai-pegawai kanan UIAM.

Laporan Haji Jaafar HI
dari Kuala Lumpur

naan telah disambut dan dialu-alukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang Darul Makmur selaku Ketua Perlembagaan UIAM, Profesor Dr. Mohamad Kamal Hassan, Rektor UIAM serta pegawai-pegawai kanan UIAM.

'Citation' khas mengenai Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah dibacakan oleh Rektor UIAM.

UIAM merupakan universiti kedua di Malaysia yang telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Menurut baginda, hubungan rapat antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) haruslah sentiasa dipertingkatkan bagi kepentingan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

"Hubungan sedemikian rapat antara UIAM dan UBD harus dipertingkatkan bagi kepentingan kedua-dua buah negara. Usaha ini adalah selaras dengan dasar Negara Brunei Darussalam untuk memperluaskan kerjasama dua hala dalam bidang pendidikan," titah baginda.

Bertitah di hadapan kira-kira 2,000 jemputan, baginda juga melahirkan kegembiraan apabila mengetahui bahawa matlamat UIAM adalah untuk memperluaskan pengetahuan Islam dan mengembalikan dinamisme Islam dan ummah.

Dalam hubungan itu, baginda bertitah menjelaskan bahwa baginda mempunyai komitmen yang sama seperti UIAM mengenai konsep pembelajaran Islam dan keutamaan Islam dalam semua bidang ilmu pengetahuan.

Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah itu, titah baginda lagi akan menjadi pendorong yang kuat ke arah meningkatkan hubungan dan kerjasama yang erat antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Menurut baginda, penganugerahan berkenaan adalah menjadi kebanggaan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam keseluruhannya.

Terdahulu dari itu, ketibaan baginda di kampus berke-



PERTEMUAN DUA PEMIMPIN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersalaman mesra sejurus sebelum kedua-dua pemimpin itu mengadakan rundingan tahunan dua hala yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri Malaysia di Wilayah Persekutuan Putrajaya. - Gambar oleh Harun HR.

RASMIKAN PAMERAN KAPAL KARAM BRUNEI

Laporan Samle Haji Jait
dari Paris,
Perancis



PARIS, 28 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan merasmikan dan menyaksikan Pameran 'La Memoire, Englotie Du Brunei' atau Pameran Kapal Karam Brunei di Conciergerie, di sini.

Ketibaan baginda di Conciergerie telah dialu-alukan oleh Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwal Warisan dan Kebudayaan, Tuan Yang Terutama Tuan Michel Duffour; Pengarah Monumen-monumen Kebangsaan, Tuan Rennard dan Presiden Syarikat Total Fina Elf, Tuan Thierry Desmarest.

Pameran itu merupakan usaha kerjasama antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

TAHKUKAH AWDA

AKTA Perhutanan telah mula digubal pada tahun 1934 yang dikenali sebagai Forestry Act (1934). Akta ini secara rasminya telah dimasukkan ke dalam Chapter 46 of The Laws of Brunei. Kali terakhir akta ini digubal ialah pada tahun 1984 dan selepas itu Forest Rules (1955) telah digubal dalam tahun 1975 bagi menyediakan garis pandu pentadbiran dan pengurusan hutan di Negara Brunei Darussalam.

ANUGERAH IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Sains Politik UIAM yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang Darul Makmur yang juga selaku Ketua Perlembagaan UIAM. - Gambar oleh Harun HR. (Berita lanjut muka 16).

مانیسنه ایمان

MANISNA IMAN

"DAN katakanlah : Beramaiyah kamu (akan segala yang diperintahkan) maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat apa yang kamu kerjakan, dan kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, kemudian la menerangkan kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan." - Surah At-Taubah ayat 105.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

'Majlis Perniagaan Brunei Darussalam - Malaysia : Meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan

- Muka 2

Hubungan Brunei - Malaysia terus kukuh

- Muka 3

Kebawah DYMM rasmikan Pameran Kapal Karam Brunei

- Muka 4

Prihatin terhadap mangsa kemalangan

- Muka 12

Bandar Seri Begawan terus popular

- Muka 14

Perkhidmatan awam perlu cekap, berkesan

- Muka 3 ANEKA

Hal Ehwal ASEAN

- Muka 7 ANEKA

Kementerian Perhubungan gubal tiga undang-undang baru

- Muka 16 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita_1.htm

e-mel:pelita@brunet.bn

TALIAN PENTING PELITA BRUNEI

02 383941 / 02 383804 / 02 382192

Faks : 02 381004 / 02 380507



دُفْنَ نَامَ اللَّهُ يَعْمَلُهَا
قُمُورَهُ دَانَ مَهَا قِبَاعَهُ

Dari Sidang Pengarang

3 OKTOBER, 2001 BERSAMAAN 1422 ١٥ جُمَّعَةٍ

GURU DALAM ERA GLOBALISASI

ARUS perkembangan teknologi maklumat dan globalisasi yang pesat membawa perubahan dan cabaran yang menuntut semua pihak termasuk para guru meningkatkan kemahiran baru di samping mengemaskinikan pengetahuan dan maklumat yang sedia ada.

Jika suatu ketika dulu, guru hanya berperanan sebagai pihak yang menyampaikan ilmu, kini fungsi itu telah bertambah. Guru juga bertugas sebagai pemudahcara. Maklumat dan bahan pengajaran tidak sahaja dapat diperolehi semasa di sekolah tetapi menjauh ruang masa dan tempat yang tidak terhad.

Pengetahuan dan maklumat mudah diperolehi sama ada melalui internet maupun bahan cetak dan media elektronik seperti akhbar, majalah, televisyen, radio dan bahan multimedia termasuk cakera padat.

Perkembangan tersebut sebagaimana yang ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, membawa cabaran baru dan menguji kebolehan para guru menggunakan kemudahan itu dalam pembelajaran dan pengajaran, menjadikan para pelajar terdedah kepada pelbagai maklumat sama ada positif maupun negatif.

Begitupun, alhamdulillah perkembangan dan perubahan ini, dalam konteks Negara Brunei Darussalam, sentiasa dipantau dan diselia dengan baik meskipun ia sesungguhnya suatu tanggungjawab yang berat. Komitmen pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah jelas sebagaimana terpapar dalam tema Sambutan Hari Guru tahun ini, 'Guru Taqwa Mencorak Globalisasi'.

Kesan teknologi maklumat dan globalisasi perlu ditangani melalui pendekatan pendidikan. Dalam hubungan ini, peranan guru dikenalpasti mampu memberi sumbangan yang bermakna kerana profesion ini merupakan penggerak utama mekanisme pendidikan. Ketokohan, kewibawaan dan komitmen guru merupakan pemangkin kepada perlaksanaan pendidikan yang utuh dan jitu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri dalam titah baginda sempena Majlis Sambutan Hari Guru baru-baru ini telah menyarankan bahawa di samping pendidikan, faktor pimpinan juga tidak boleh diabaikan. Guru-guru di samping mendidik perlu memiliki kepimpinan yang akan dicontoh oleh para pelajar kerana jika pendidikan sentiasa disulami dengan teladan atau kepimpinan hasilnya sudah tentu lebih baik.

Nilai pendidikan dan kepimpinan itu pula akan lebih bernakna jika dihiasi dengan rasa ketakwaan yang tergambar melalui sifat lutan dan taat kepada pemimpin, sentiasa bersedia menghadapi cabaran dan bijak dalam mengatasi setiap masalah yang timbul. Dalam masa yang sama guru yang bertakwa pasti akan bertindak secara wajar tanpa perlu diawasi atau diselia dalam tugasnya mendidik dan memimpin para pelajar ke hala tuju yang bersesuaian dengan aspirasi negara.

Di suatu pihak, kita sebagai sebuah masyarakat yang pemedulian dan 'inda camah mata', hendaknya pula tidak membiarkan peranan dan tanggungjawab sedemikian semata-mata dipikul oleh para guru. Para ibu bapa, penjaga dan setiap ahli keluarga masih tetap mempunyai peranan dalam sama-sama memata-matai dan memantau aktiviti-aktiviti anak dan ahli keluarga mereka masing-masing khususnya di luar waktu sekolah. Tegasnya, masa depan generasi muda dalam era globalisasi ini adalah tanggungjawab kita semua agar mereka menjadi golongan yang berilmu tinggi, berakhlaq mulia, beriman dan bertakwa.

HALUAN ...

Majlis Perniagaan Brunei Darussalam - Malaysia

MENINGKATKAN KERJASAMA PERDAGANGAN DAN PELABURAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmani Rahim

ALHAMDUILLAH Rabbil 'Alameen, Wa-bihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wad-deen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen. Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihie Wasabihie Ajma'en Waba'du.

Beta merasa amat gembira kerana dapat membuat lawatan ke Negeri Sabah atas undangan daripada Kerajaan Sabah.

Beta sukacita mengucapkan terima kasih di atas sambutan dan layanan yang sangat mesra yang diberikan kepada beta dan ahli keluarga serta rombongan.

Perhubungan dan kerjasama di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam adalah di tahap yang sangat baik. Ini adalah hasil dari persefahaman yang telah dijalin sekian lama di antara kedua kerajaan, yang sama-sama mahu melihat kedua negara yang berjiran menikmati keamanan dan kemakmuran bagi rakyatnya.

Negeri Sabah dan Negara Brunei Darussalam mempunyai pertalian sejarah yang sudah pun termaktub. Dilihat dari segi penduduk, ramai orang Sabah mempunyai hubungan persaudaraan dengan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Tidak hairanlah jika sebahagian rakyat Malaysia di Sabah ini bertutur dalam dialek yang sama dengan sebahagian rakyat Negara Brunei Darussalam. Mereka memiliki budaya dan ciri-ciri persamaan yang memperlihatkan hubungan persaudaraan yang erat.

Beta berharap lawatan beta ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan yang ada untuk membolehkan Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah sama-sama meningkatkan lagi kerjasama di bidang ekonomi dan perdagangan bagi pembangunan dan kesejahteraan bersama.

Beta ingin merakamkan rasa puas hati beta dengan adanya kerjasama sektor-sektor pelancongan, teknologi maklumat dan pendidikan juga mempunyai ruang untuk dikembangkan bersama. Beta

BETA yakin dengan adanya perkembangan dan kemajuan dalam bidang pembangunan, ekonomi dan sosial di Negeri Sabah dan juga Negara Brunei Darussalam, ianya akan dapat menyumbang bagi kestabilan dan kemakmuran di rantau sebelah sini.

salam yang membolehkan rakyat Negara Brunei Darussalam menikmati hasil mahsul Negeri Sabah.

Beta penuh percaya bahawa hubungan dan kerjasama dua hala dalam sektor-sektor pertanian dan perikanan akan dapat dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang.

Selain daripada sektor-sektor pertanian dan perikanan, kerjasama dalam sektor-sektor pelancongan, teknologi maklumat dan pendidikan juga mempunyai ruang untuk dikembangkan bersama. Beta



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Jamuan Makam Malam semasa keberangkatan rasmi ke Negeri Sabah.

EAGA yang merangkumi Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina. Seperti yang sama-sama kita maklumi, kawasan pertumbuhan BIMP-EAGA menyediakan pelbagai peluang perdagangan, pelaburan dan perniagaan kepada pengusaha-pengusaha Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah.

Beta yakin dengan kemudahan infrastruktur yang dimiliki oleh Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah serta kerjasama yang padu di antara kita, maka BIMP-EAGA akan betul-betul menjadi satu kawasan pertumbuhan yang memberi banyak peluang bagi pengusaha-pengusaha kita untuk memajukan perusahaan mereka.

Sekali lagi beta dan ahli keluarga serta rombongan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama dan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan juga kepada rakyat Malaysia di Negeri Sabah ini di atas sambutan dan layanan yang baik serta mesra yang diberikan.

Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, akan sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan semoga rakyat dan Negeri Sabah akan sentiasa makmur dan sejahtera. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

an beta supaya hubungan dan kerjasama di kalangan sektor-sektor swasta Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah akan terus dapat diperkukuhkan. Beta sedia maklumi bahawa Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah menujuhkan sebuah majlis perniagaan tidak lama dulu untuk membangunkan kerjasama perdagangan di antara sektor swasta. Dalam hubungan ini, beta berpendapat, pernubuhan sebuah Majlis Perniagaan Negara Brunei Darussalam dan Sabah sebagai salah satu cabang di bawah naungan Majlis Perniagaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan dapat meningkatkan lagi kerjasama perdagangan dan pelaburan di antara kedua negeri.

Beta yakin dengan adanya perkembangan dan kemajuan dalam bidang pembangunan, ekonomi dan sosial di Negeri Sabah dan juga Negara Brunei Darussalam akan dapat menyumbang bagi kestabilan dan kemakmuran di rantau sebelah sini.

Dalam menghadapi cabaran globalisasi yang bermacam rupa, Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah haruslah terus berusaha untuk memajukan rantau ini terutama dalam konteks BIMP-

Adalah menjadi harap-

Sempena lawatan kerja Kebawah DYMM ke Kuala Lumpur, Malaysia

Hubungan Brunei - Malaysia terus kukuh

KUALA LUMPUR. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi mengadakan lawatan kerja selama dua hari bermula 1 hingga 2 Oktober, 2001. Keberangkatan lawatan kerja baginda ke sini adalah bertujuan bagi mengadakan perundingan tahunan antara baginda dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perundingan kali ini merupakan kali kelima diadakan di antara kedua-dua pemimpin. Sebelum itu baginda telah berangkat ke Kuala Lumpur pada tahun 1997 dan 1999. Sementara Perdana Menteri Malaysia berkunjung ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 1998 dan 2000.

Melalui perundingan tahunan itu, hubungan dua hala dan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia terus bertambah erat dan membuka peluang bagi pemimpin kedua-dua negara untuk meningkatkan lagi hubungan kerja serta hubungan dua hala yang lebih rapat di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj ke Negara Brunei Darussalam pada 31 Januari, 2001 antara lain pernah bertitah bahawa baginda sangat menghargai perundingan tahunan dua hala antara baginda dan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia kerana perundingan-perundingan tersebut memberikan peluang bagi meningkatkan lagi hubungan kerja serta hubungan dua hala yang lebih rapat di antara kedua-dua negara.

Semenjak menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1984, hubungan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia terus bertambah kukuh dan erat. Sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, hubungan kedua-dua buah negara telah sedia terjalin. Keakraban hubungan tersebut bukan sahaja ketara dalam konteks dua hala, malahan juga hubungan kekeluargaan di kalangan keluarga diraja, pemimpin serta rakyat juga turut menyumbang kepada hubungan yang baik lagi mesra.

Sehingga ke hari ini, kedua-dua negara telah mengembangkan dan meningkatkan lagi pelbagai kerjasama. Antaranya termasuklah kerjasama di bidang ekonomi, pendidikan, kebudayaan, pertahanan, pengangkuatan, penyiaran dan penerangan, perdagangan, pelaburan, pertanian dan perikanan. Selain daripada itu pertukaran lawatan antara pegawai-pegawai tinggi kerajaan kedua-dua negara juga sedang berjalan.

Negara Brunei Darussalam sangatlah menghargai hubungan persahabatan dengan Malaysia. Sejak sekian lama lagi, hubungan di antara kedua-dua negara adalah amat erat dan kukuh. Rakyat kedua-dua negara juga mendapat manfaat yang besar melalui hubungan persahabatan yang sudah sekian lama terjalin.

Negara Brunei Darussalam memang

Laporan Hj Jaafar Haji Ibrahim dari Kuala Lumpur

sentiasa memperlihatkan keinginan untuk mengukuhkan hubungannya dengan Malaysia dalam semangat persahabatan dan kerjasama yang berdasarkan kepada saling hormat-menghormati terhadap kedaulatan negara masing-masing. Ini terbukti melalui beberapa siri keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, di samping lawatan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kanan kerajaan kedua-dua negara.

Penubuhan Suruhanjaya Bersama kedua-dua negara sejak tahun 1994 telah membawa kejayaan yang membanggakan yang mana secara kolektif telah dapat membantu Negara Brunei Darussalam dan Malaysia mencapai hasil-hasil yang konkret di pelbagai bidang seperti perdagangan, pelaburan, pertahanan, pendidikan dan perhubungan serta bidang-bidang yang berkaitan dengan agama, sosial dan belia.


Negara Brunei Darussalam dan Malaysia juga menikmati hubungan ekonomi yang kukuh. Penubuhan Majlis Perniagaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia merupakan satu mekanisme yang mantap ke arah kerjasama perdagangan dan pelaburan di antara sektor swasta kedua-dua buah negara.

"Kita perlu memperdalamkan lagi hubungan di bidang ekonomi ini dengan menggalakkan sektor-sektor swasta kita untuk saling membuat pelaburan di antara kedua-dua negara. Para usahawan kita perlu berganding bahu untuk merebut peluang-peluang perniagaan yang ada di rantau ini terutama sekalai di kawasan Pertumbuhan Timur ASEAN BIMP-EAGA. Kerjasama dalam kawasan BIMP-EAGA setentunya akan membantu meningkatkan lagi perdagangan di antara negara-negara dalam kawasan BIMP-EAGA pada keseluruhannya," titah baginda semasa meraikan lawatan negara Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj pada 31 Januari, 2001.

Di arena antarabangsa, Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bekerja rapat dengan Malaysia serta rakan-rakan ASEAN yang lain untuk membantu memastikan kestabilan politik akan terus wujud dan ke arah pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing di rantau ini.

"Negara Brunei Darussalam juga akan bekerja rapat dengan Malaysia dalam forum-forum serantau dan antarabangsa yang lain termasuk Sidang Kemuncak Ketua-ketua Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," titah baginda.

Apa yang jelas, hubungan persahabatan yang erat antara kedua-dua pemimpin akan dapat membantu meningkatkan kerjasama dan persefahaman di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Keyakinan juga sudah menanti bahawa Bandar Seri Begawan dan Kuala Lumpur akan terus bekerja rapat untuk



PERJUMPAAN TAHUNAN.... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa mengadakan perbincangan. Gambar tersebut dirakamkan semasa Perdana Menteri Malaysia mengadakan lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Oktober 2000.

mempelius dan memperdalamkan lagi pelbagai hubungan kerjasama bagi kepentingan dan manfaat kedua buah negara yang bersaudara dan berjiran itu. Maka dalam menghadapi cabaran era globalisasi dan abad ke-21 yang penuh dengan pelbagai cabaran dan rintangan, setentunya memerlukan kerjasama yang rapat serta saling persefahaman akan menjadi lebih mustahak.

Perundingan tahunan dua hala antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Perdana Menteri Malaysia bukan sahaja akan terus dapat mengeratkan hubungan tetapi akan terus dapat pula mewujudkan peluang-peluang kerjasama yang baru yang boleh diteroka oleh kedua-dua negara.

Negara Brunei Darussalam begitu optimis dapat mengelakkan persefahaman dan kerjasama dengan Malaysia berdasarkan persefahaman bahasa, sejarah, agama dan budaya yang merupakan aset utama untuk merealisasikan Negara Brunei Darussalam - Malaysia menjadi sebuah negara yang mantap dan dihormati.

MELALUI perundingan tahunan itu, hubungan dua hala dan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam terus bertambah erat dan membuka peluang bagi pemimpin kedua-dua negara untuk meningkatkan lagi hubungan kerja serta hubungan dua hala yang lebih rapat di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

SENYUM BUDIMAN

JANGAN CEMARI JABATAN AWDA DENGAN MEROKOK MEROKOK BOLEH MENGGANGGU KESIHATAN AWDA DAN JUGA ORANG LAIN



Lawatan singkat Kebawah DYMM ke Perancis

PARIS, REPUBLIK PERANCIS, 28 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan lawatan singkat ke sini bagi Majlis Perjumpaan Dua Hala dan Santap Tengah Hari serta Memerasmikan Pameran Kapal Karam Brunei (Brunei Shipwreck).

Keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa Orly, Republik Perancis telah dialu-alukan kawalan kehormatan yang terdiri daripada 14 orang pegawai istana.

Turut menjunjung keberangkatan tiba baginda ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Masrainah binti Pengiran Ahmad dan Duta Besar Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Jean-Pierre Lafosse.

Brunei - Perancis berusaha tingkat hubungan dua hala

PARIS, 28 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Tuan Jacques Chirac bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala dan serantau yang mempunyai kepentingan kedua-dua buah negara.

Kedua pemimpin itu juga membincangkan usaha-usaha untuk mengerakkan lagi hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Perancis.

Perkara itu telah dibincangkan di Majlis Perjumpaan dua hala yang berlangsung di Istana Presiden, Elysee Palace, di sini.

Dalam majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menitahkan penghargaan baginda kepada Kerajaan Republik Perancis di atas kerjasama dan bantuan dalam menjayakan Pameran Kapal Karam Brunei.

Menurut Siaran Akbar Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga membaharu undangan baginda bagi Tuan Yang Terutama untuk membuat lawatan ke Negara Brunei Darussalam.

Kemudian, baginda berkenan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang disembah oleh Presiden Republik Perancis, Tuan Jacques Chirac di Istana Elysee.

Hadir sama di kedua-dua majlis itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka

Oleh Samie Haji Jait
Gambar-gambar oleh
Pg. Hj Bahar PHO

Bersama rombongan baginda ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

Lawatan singkat baginda merupakan undangan Presiden Republik Perancis, TYT Tuan Jacques Chirac. Baginda telah mengadakan lawatan ke sini pada bulan November 1999.

Keberangkatan lawatan baginda yang dijadualkan dengan atur cara yang padat akan terus mengerakkan lagi hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Perancis.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Pameran 'La Memoire, Engouement Du Brunei' atau Pameran Kapal Karam Brunei di Conciergerie, Paris selepas berkenan merasmikannya.



Dari muka 1

Sepanjang menyaksikan pameran, baginda berkenan mendengar sembah taklimat oleh Pengarah Monumen-monumen Kebangsaan, Tuan Remond.

Baginda juga berkenan menandatangani buku lawatan pameran dan disembahtkenalkan kepada kakitangan yang menyertai operasi projek.

Terdahulu dari itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Presiden Total Fina Elf, Tuan Thierry Desmarest, di Concoergerie, di sini.

Hadir di majlis itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja



Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Masrainah.

Juga hadir ialah Vice President (International) of Exploration and Production (Upstream), Tuan Chirspoh de Margerei; Vice President (Asia) of Exploration and Production dan Pengarah Urusan Total Fina Elf E & Borneo B.V. Brunei Branch.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan sebahagian artifak Pameran Kapal Karam Brunei sambil menerima taklimat daripada Pengarah Monumen-monumen Kebangsaan Perancis, Tuan Hennard.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang disembah oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Perancis (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengadap Presiden Syarikat Total Fina Elf, Tuan Thierry Desmarest di Concoergerie.

GAMBAR WAJAH YANG BARU KEBAWAH DYMM, KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI DAN DYTM PENGIRAN ISTERI

ORANG ramai yang berhajat untuk mendapatkan gambar-gambar wajah yang baru Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam bolehlah mengambil gambar-gambar berkenaan di Unit Pengedaran, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas semasa waktu pejabat atau daripada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung masing-masing.

Adalah diingatkan supaya pemasangan gambar-gambar tersebut sama ada di rumah-rumah, kedai-kedai, pejabat dan sebagainya hendaklah di tempat yang bersesuaian dan mengikuti kedudukan yang betul sebagaimana contoh kedudukan yang dipaparkan.

Gambar-gambar edisi terbaru ini dihiasi dengan border yang berasaskan seni reka tempatan yang popular iaitu airmuleh dengan kombinasi abstrak mempamerkan sebahagian seni dan budaya yang masih utuh di negara ini.




KEDUDUKAN gambar-gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam,

REKA bentuk border adalah satu gubahan kombinasi yang diambil daripada sepuput bunga airmuleh dan salah satu seni reka yang terdapat pada wang kertas sepuluh ringgit Brunei.

Reka bentuk ini mengambil kira dari sudut seni reka yang popular di Negara Brunei Darussalam iaitu Bunga Airmuleh. Untuk memperbaiki lagi bentuk yang sedia ada itu, gubahan cuba dibuat dengan mencantumkan sepuput daripada bunga airmuleh hingga menjadikannya terbentuk lapan serangkai. Dan percantuman ini membentuk lakaran dua biji gasing di tengah-tengah sebagai hiasan yang ditakrifkan sebagai satu alat permainan tradisi yang juga popular di Negara Brunei Darussalam.

AIRMULEH lapan serangkai kemudiannya dikombinasikan dengan latar belakang reka bentuk yang diekstrak daripada wang kertas sepuluh ringgit sebagai hiasan yang akan mengisi petak kosong bentuk gasing. Kombinasi ini akan menonjolkan bentuk mata leming dan juga utap apabila ianya bercantum. Reka bentuk daripada kombinasi yang abstrak ini secara tidak langsung mempamerkan sebahagian seni dan budaya yang masih utuh di negara ini.

Border berwarna penuh di atas, kemudiannya ditukarkan menjadi warna keemasan sebagai satu pilihan tanpa mengubah reka bentuk. Ianya berlatar belakang warna hitam bagi menimbulkan warna keemasan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan, berkenan menyaksikan Pameran Pembangunan Negara sejurus berkenan melancarkan Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8) yang berlangsung di Ketol Polo Jerudong sambil menerima penerangan ringkas mengenainya oleh Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Murni bin Haji Mohammad. Juga kelihatan ialah Pemangku Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat. (Berita lanjut di muka 6).

Sambutan Hari Perkhidmatan Awam

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan mengurniakan hadiah pemenang pertama bagi Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) kepada Kumpulan MEDISWAB, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait (gambar atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-8 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. (Berita lanjut di muka 6).

Sikap lalai penyebab kepincangan Perkhidmatan Awam

BERAKAS, 29 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersabda, pengurusan dan pembangunan sumber tenaga manusia memainkan peranan penting dalam mencapai Wawasan Perkhidmatan Awam.

Sejauh mana negara itu bergerak maju ke hadapan sabda Duli Yang Teramat Mulia, ia bergantung kepada kualiti sumber tenaga manusia atau 'human capital'.

"Kualiti sumber tenaga manusia itu pula perlu dibentuk dengan Rukun Akhlak dan Etika Kerja yang murni," tegas Duli Yang Teramat Mulia ketika bersabda di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dalam kesempatan itu Duli Yang Teramat Mulia juga menekankan kepada semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam bahawa kemajuan, perkembangan dan kewibawaan Perkhidmatan Awam di negara ini di masa hadapan adalah bergantung rapat kepada komitmen mereka sepenuhnya dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, sebarang sikap tidak acuh dan lalai oleh mana-mana anggota di dalamnya akan menyebabkan kepincangan dan kelemahan dalam memberikan perkhidmatan kepada para pelanggan dan seterusnya tidak akan mampu berdaya saing.

Oleh yang demikian tambah Duli Yang Teramat Mulia, adalah perlu bagi semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam di negara ini akan sentiasa menunjukkan sikap kerja yang positif, berhemah tinggi serta menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab serta jujur lagi amanah demi kesejahteraan dan kebahagiaan negara di samping menjaga integriti dan kewibawaan Perkhidmatan Awam.

Menyentuh perubahan termasuk mengemas kinikan sistem pengurusan, prosedur dan

peraturan yang ada, Duli Yang Teramat Mulia bersabda mengimbah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda pada tahun lepas yang antara lain berbunyi:

"Kita juga terus melangkah mengemaskin diri menghadapi persaingan global, iaitu dengan melihat dan mengkaji sistem pengurusan yang ada, termasuk peraturan-peraturan lama yang perlu diubah dan disesuaikan, perubahan minda dan sikap positif, usaha untuk mengelekkan pembaziran serta mengurangkan defisit dan meningkatkan pendapatan negara."

Dalam hubungan itu, khususnya dalam usaha meningkatkan lagi prestasi kerja dan tahap pencapaian dalam Perkhidmatan Awam sabda Duli Yang Teramat Mulia, tidaklah salah jika kita melihat kepada kemajuan yang dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai daya maju dan daya saing yang tinggi, baik di dalam maupun di luar negeri.

"Kita boleh mengambil ikutir dari 'best practices' atau amalan-amalan terbaik yang terkandung dalam pengurusan dan pentadbiran mereka, dan menjadikan pencapaian mereka itu sebagai 'bench-mark' bagi meningkatkan pencapaian organisasi kita," sabda Yang Teramat Mulia.

Dalam pada itu, sabda Duli Yang Teramat mulia, kita akan tetap berpegang teguh kepada ajaran-ajaran murni agama sebagai gairah yang terkandung dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 iaitu untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang sentiasa membangun dan sentiasa berusaha dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam dalam persekitaran yang sihat dan selamat di bawah inayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wataala.

Duli Yang Teramat Mulia juga bersabda mengingatkan bahawa sifat statik dan sikap reaktif tidak mempunyai tempat dalam

Perkhidmatan Awam di abad ini kerana keadaan sentiasa memerlukan semua anggota mengambil sikap dinamik dan proaktif.

Walaupun kesan-kesan daripada proses globalisasi dan kemajuan dalam teknologi ICT telah banyak membantu dalam kelancaran tugas-tugas sehari-hari sumber tenaga manusia masih memainkan peranan utama dalam mengendalikan dan mengemudi Perkhidmatan Awam agar menuju dan mencapai matlamat yang dihajati.

Terdahulu, Duli Yang Teramat Mulia bersabda menyentuh mengenai Perkhidmatan Awam Di Abad Ke-21 yang jauh berbeza berbanding dekad-dekad kebelakangan akibat daripada arus perubahan masa dan persekitaran.

Arus perubahan yang dibawa melalui teknologi maklumat dan perhubungan mahupun dari segi pemikiran-pemikiran baru di bidang pengurusan dan pentadbiran sudah pasti meninggalkan kesan yang bukan sedikit terhadap Perkhidmatan Awam di negara ini.

Walaupun banyak perubahan yang dilalui akan tetapi matlamat Perkhidmatan Awam, pada hemat Duli Yang Teramat Mulia, masih pada asas yang sama iaitu membantu kerajaan dalam usaha-usaha pembangunan negara, memelihara keamanan dan ketenteraman serta menjaga kesejahteraan dan meningkatkan taraf hidup rakyat serta penduduk negara ini.

Juga yang perlu diambil kira, sabda Duli Yang Teramat Mulia ialah tuntutan persekitaran yang semakin mencabar dan berubah yang memerlukan setiap anggota melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian untuk menjadikan diri mereka sebagai ejen perubahan yang membawa kepada pembangunan yang diharapkan.

Penilaian semula dibuat secara berterusan

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 29 September. - Penilaian semula secara berterusan telah dibuat ke atas Perkhidmatan Awam dengan melibatkan penelitian ke atas struktur organisasi dan pengurusan tenaga manusia di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Dato Paduka Haji Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menyatakan demikian dalam sebuah al-alaunya selaku Pengurusan Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-8 Tahun 2001 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Tambah Dato Paduka, penilaian ke atas prestasi dan pencapaian oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta semangat kerja berpasukan di kalangan kakitangan perkhidmatan awam juga dilaksanakan melalui penyampaian laporan tahunan oleh semua kementerian dan agensi kerajaan di samping mengadakan kaji selidik semangat bekerja melibatkan 3,000 anggota Perkhidmatan Awam.

"Pada kerita ini kerja-kerja mereview rumusan perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan berdasarkan kepada hasil laporan tahunan dan kaji selidik yang diadakan sedang dilaksanakan," jelas Dato Paduka.

Pada masa yang sama tamaduh Dato Paduka, latihan-latihan dan bengkel juga telah diberikan kepada pelbagai peringkat anggota Perkhidmatan Awam mengenai bidang pengurusan dan pemberian perkhidmatan dengan penekanan ke arah mewujudkan Perkhidmatan Awam yang lebih 'mewujudkan pelanggan' (customer friendly and customer focused).

Juga diberikan penekanan jelas Dato Paduka termasuklah pemindahan daripada ekonomi lama kepada e-econom dan k-econom (knowledge based

ekonomi).

Jelas Dato Paduka, penekanan-penekanan itu dibuat dengan tujuan untuk memastikan perkhidmatan kaunter dan layanan yang diberikan kepada para pelanggan adalah memuaskan dan efisien selaras dengan perkembangan semasa dalam teknologi infokomunikasi atau ICT, di samping menjadikan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam mempunyai daya saing dan inovasi dalam era globalisasi.

Sehubungan dengan itu, tebas Dato Paduka, langkah-langkah bersepadu telah diambil ke arah pembentukan kaedah pengurusan Kumpulan Kerja Cemerlang (KCC) dan pengenalan e-kerajaan di dalam Perkhidmatan Awam yang diharapkan untuk mempertingkatkan lagi kecekapan, keberkesan dan mutu Perkhidmatan Awam dalam komitmen untuk memberikan Perkhidmatan yang terbaik selaras dengan tema Hari Perkhidmatan Awam tahun ini, "Maju Bangsaku Sejahtera Negaraku".

Dato Paduka berkata, untuk mensempurnahkan perkembangan Perkhidmatan Awam dalam arus globalisasi dan era teknologi infokomunikasi, program-program penerapan nilai-nilai dalam pengurusan dan etika kerja yang positif menurut ajaran Islam adalah sentiasa diberikan kepada anggota Perkhidmatan Awam bertepatan dengan matlamat Wawasan Perkhidmatan Awam Di Abad Ke-21.

Menyentuh mengenai KCC Dato Paduka menjelaskan, ia bukan sahaja sekadar untuk pertandingan semata-mata akan tetapi yang lebih penting untuk menjadikan KCC sebagai budaya kerja dalam memantapkan dan memajukan agensi-agensi kerajaan.

RKN KE-8 MEMPERUNTUKKAN \$7,300 JUTA

JERUDONG, 27 September. - Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8) bagi tempuh 2001 hingga 2005 yang dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan telah memperuntukkan sejumlah \$7,300 juta untuk mewujudkan dan memperkembangkan projek-projek utama yang berpotensi boleh membantu menambah pendapatan atau mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan pendidikan dan kemampuan rakyat dan penduduk negara ini.

Pemangku Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat berkata demikian ketika menyembahuc ucapan alu-aluan di Majlis Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8) yang berlangsung di Royal Berkshire, Kelab Polo Jerudong di sini.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majedah Nuurul Bolqiah berkenan menyaksikan pameran sempena pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 yang berlangsung di Kelab Polo Jerudong.

Projek yang tidak termasuk dalam senarai keutamaan juga akan dilaksanakan sama ada melalui perikatan strategik antara kerajaan dengan sektor

swasta atau melalui penglibatan sektor swasta sepenuhnya.

Keutamaan itu dibuat dengan mengambil kira beberapa pertimbangan untuk menyempurnakan penyediaan infrastruktur yang boleh memberikan limpahan ke atas kemajuan perusahaan dan perdagangan, pembangunan sumber tenaga manusia dan keperluan asas bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Pemangku Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat berkata demikian ketika menyembahuc ucapan alu-aluan di Majlis Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8) yang berlangsung di Royal Berkshire, Kelab Polo Jerudong di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pendekatan utama RKN 8 ialah dengan mengutamakan penyediaan infrastruktur yang kritis dan memudahkan kemajuan

Oleh Aliddin HM

sektor bukan minyak yang sudah berkembang dan berpotensi.

Yang Berhormat berkata, antara penumpuan yang diberikan ialah kepada sektor perkhidmatan kewangan yang dipelopori oleh Penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam, pelancongan, teknologi infokomunikasi, pengangkutan dan perhubungan serta pembuatan yang berpotensi bagi menggunakan mutu halal di negara ini.

Dalam konteks ini katanya, kerajaan sedang giat membuat persiapan dari segi rangka kerja undang-undang, dasar dan peraturan bagi memudahkan penglibatan sektor swasta mengendalikan projek-projek kemajuan di bawah Skim Inisiatif Kewangan Swasta (PIF).

Selain itu tambahnya, kerajaan melalui Jabatan Perancangan dan Kema-

juan Ekonomi juga akan melakukan penelitian ke atas bidang-bidang utama bagi mengukuhkan lagi kewangan kerajaan, kemajuan industri hilir minyak dan gas, memperkuatkan sektor swasta, penyediaan kawasan dan infrastruktur strategik perindustrian dan pentadbiran serta peningkatan produktiviti dan kemajuan sumber tenaga manusia yang menepati keperluan pembangunan kompetitif dan berdaya tahan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, RKN 8 juga akan memberikan keutamaan kepada aspek fizikal yang boleh meningkatkan iklim perusahaan dan pelaburan secara am.

"Dengan adanya beberapa instrumen undang-undang yang telah diluluskan oleh kerajaan di dalam bentuk pindaan Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi dan Akta Cukai Pendapatan dan akta-akta baru iaitu Akta Insentif Pelaburan dan Akta Penyebaran Industri, suasana

pelaburan di negara ini setentunya akan betambah baik dan kompetitif," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, satu perubahan yang dijangka positif ialah penempatan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dengan kedudukan ini, perancangan, penyelaras perancangan dan perlaksanaan serta penyediaan dasar-dasar rancangan kemajuan khususnya ekonomi akan lebih mantap dan terjaga dari segi penyelaras dan keberkesan.

Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 adalah fasa keempat dan terakhir dalam rancangan jangka panjang 20 tahun dan masih mengelakkan matlamat yang sama dengan beberapa pembaharuan pendekatan dan penekanan bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memaksimumkan pencapaian sasaran di dalam suasana keadaan ekonomi tempatan dan sekitar yang belum pulih.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majedah Nuurul Bolqiah berkenan menyaksikan pameran sempena pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 yang berlangsung di Kelab Polo Jerudong.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyaksikan pameran sejurus merasmikan Minggu Sains dan Teknologi ASEAN (ASTW) Ke-6 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

SAINS KEJURUTERAAN NADI UTAMA INDUSTRI BARU

BERAKAS, 17 September. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa berkata, tanpa pendidikan yang berkesan, sesebuah negara mungkin akan terjerumus ke dalam bahaya pembahagian digital yang membezakan antara negara celik dan buta komputer.

Menurut Yang Berhormat, sesebuah negara memerlukan gandingan infrastruktur fizikal mantap dan infrastruktur intelektual yang merangkumi pendidikan dan perlindungan ke atas hak cipta intelektual dalam pembangunan ekonomi baru.

"Persediaan ini akan membolehkan sains dan teknologi yang berdaya cipta bagi mengembangkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan berkembang secara berterusan," jelas Yang Berhormat ketika merasmikan Minggu Sains dan Teknologi ASEAN (ASTW) Ke-6 di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Yang Berhormat menambah, ilmu sains dan bidang pengajian kejuruteraan adalah nadi dan asas utama bagi industri baru yang berasaskan pengetahuan.

Oleh Samle Haji Jait

Sebagai tambahan pada industri elektronik, Yang Berhormat berkata, kejuruteraan dan kimia, peluang pekerjaan juga dapat dicipta dan dikembangkan dengan mempergunakan idea, pengetahuan dan ciri intelektual yang baru.

Sementara itu, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria pula menjelaskan ASTW merupakan landasan terbaik bagi mengukuhkan kepekaan masyarakat terhadap manfaat sains dan teknologi, termasuk melalui Kongres Sains ASEAN.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengajur ASTW berkata, salah satu acara penting Kongres Sains ASEAN ialah ceramah umum oleh Presiden Akademi Sains Diraja Sweden yang juga Pentadbir Hadiah Nobel bagi Fizik dan Kimia, Profesor Janne Carisson.

Ini merupakan kali pertama Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada ASTW.




SEMBAHYANG Maghrib dan Isyak berjemaah serta Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesukuran sempena Sambutan Hari Guru Ke-11 yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara. Hadir di majlis itu ialah Menteri Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerja Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku Pengerusi Bersama Sambutan Hari Guru tahun ini. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN - SIJIL KELAHIRAN

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Permohonan diterima dan didaftarkan oleh kerani pendaftaran dengan menyertakan keterangan dan dokumen kelahiran (lengkap).	
2.	Data-data kelahiran dimasukkan ke dalam komputer setelah borang disemak.	4 hari
3.	Sijil-sijil kelahiran dicetak dan seterusnya disemak untuk disahkan.	1 hari
4.	Mengasingkan keratan asal dan salinan kedua ke dalam 'Pigeon Hole' setelah sijil-sijil kelahiran ditandatangani.	1 hari
5.	Penyerahan sijil-sijil kelahiran kepada pelapor.	5 hari dari tarikh melapor tidak termasuk hari-hari kelepasan awam dan cuti awam



MENTERI Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika mengadakan perbincangan dan perjumpaan bersama Menteri Kesihatan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dr. Zhang Wen Kang di Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Harun HR.

Kerjasama di bidang perubatan dan kesihatan terus dipertingkatkan

BERAKAS, 13 September. - Menteri Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz telah menerima kunjungan muhibah rakan sejawatnya dari Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dr. Zhang Wen Kang berserta beberapa orang pegawai-pegawai kanan.

Majlis yang berlangsung di pejabat Yang Berhormat di Kementerian Kesihatan di Jalan Menteri Besar antara lain bertujuan untuk mengeratkan dan meningkatkan hubungan kerjasama kedua-dua negara di bidang perubatan dan kesihatan.

Oleh Abu Bakar HAR

Juga dibincangkan semasa perjumpaan tersebut termasuklah mengenai pertukaran maklumat dan latihan kakitangan, di samping bidang penyelidikan di kedua-dua negara.

Kementerian Kesihatan setakat ini telah merekrut dua orang jururawat dari negara tersebut dan dijangka jumlahnya akan meningkat di masa akan datang.

Hadir sama di majlis tersebut ialah kedua-dua Setiausaha Tetap kementerian berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Guru Berjaya kepada Cikgu Awang Haji Md. Daud bin Serudin (kiri). Sementara gambar kanan, baginda bersama anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah para ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Guru sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Guru Bagi Bidang Pendidikan Khas kepada Cikgu Awang Samihon bin Haji Kachi (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Guru Bagi bahagian Pelajaran Rendah kepada Cikgu Dayang Zaleha bin POJPS Haji Abdul Manan.

PARA guru wanita yang juga berperanan memajukan pendidikan negara sama-sama hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-11 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (bawah). Sementara gambar bawah kanan, persembahan Marhaban Hari Guru menyentuh lagi majlis tersebut.



Pendidikan negara terus berkembang maju

BERAKAS, 23 September. - Pendidikan di Negara Brunei Darussalam terus berkembang maju bagi mencapai matlamat dan falsafah pendidikan negara kepada penguasaan ilmu yang seimbang dan bersepada antara dunia dan ukhwani agar melahirkan generasi calak Brunei yang bertakwa, berkualiti dan mampu bersaing di arena dunia di alaf baru ini.

Sehubungan dengan itu, proses penempatan sekolah-sekolah agama di Kementerian Pendidikan untuk menyatakan sistem pendidikan di bawah satu bumbung mengamalkan dasar pendidikan dan wawasan telah pun dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sehingga pada awal 2002 nanti.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, kementerian berkenaan akan berusaha untuk membentuk kurikulum yang lebih sempurna, bersepada dan mantap dengan mengambil kira dan memuatkan kandungan serta

aspek-aspek pendidikan Islam secara 'parallel' mahupun 'horizontal' yang menitikberatkan pembentukan insan sempurna di bawah kedua-dua sistem pendidikan yang terdahulu.

"Usaha bagi memberikan latihan tambahan peringkat Postgraduate kepada graduan-graduan, terutama lepasan dalam lapangan agama dari Universiti Al-Azhar, Mesir dan UBD ke lapangan lain sedang dijalankan melalui institusi pengajian tinggi seperti UBD dan ITB," ujar Yang Berhormat ketika menyampaikan kata aluan di Majlis Sambutan Hari Guru di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Menteri Pendidikan juga menggariskan beberapa perkembangan yang dicapai termasuk penubuhan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang mengendalikan keperluan infokomunikasi dan teknologi bagi seluruh institusi pendidikan bukan kerajaan dan menjadi focal point di bidang dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di Kementerian Pendidikan.

Selain itu, Skim Perantis, Program Kesedaran Keusahawanan dan Inkubator Perniagaan yang telah diperkenalkan dengan kerjasama swasta semakin berkembang dan berjaya menarik minat lepasan pelajar.

Program meningkatkan Tulisan Jawi yang dirancang dan dilaksanakan sejak tahun 1989 yang melibatkan latihan bagi guru-guru buak pengajar juga diserapkan dengan bersungguh-sungguh.

Sementara itu, pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas telah diwujudkan dan dihasratkan khusus kepada kanak-kanak yang serba kekurangan akan diteruskan dengan seberapa rapinya.

Sebagai usaha pengalak bagi pelbagai program, Yang

Berhomat menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terus memberikan keutamaan untuk membina beberapa buah bangunan sekolah baru sekalipun keadaan ekonomi dalam 'down-turn'.

Projek itu termasuk bagi Sekolah Rendah Berbi/Telana, Rimba I, tambahan Fasa II Institut Teknologi Brunei, tambahan bangunan asrama pe-

nuntut Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam, Lambak Kanan dan pembinaan semula Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

Awal dari itu, Yang Berhormat telah melahirkan kegembiraan di atas peningkatan dari tahun ke setahun dalam semua peringkat peperiksaan awam yang diadu oleh kehadiran pelajar.



BERAKAS
Paduka Seri
Waddaulah
Darussalam
Kali Ke-

Keber-
didikan,
Seri Setia
ma. Yang
Utama D
sama san

Beran-
Pengiran
Billah, D
Wazir Sa
Boikiah
Bendahar
Boikiah,
'Abdul M
Muda 'A

Maple
dikhusus
Saifuddin
kembali

Ayat-
Perintan
Marsal b-

Sele-
berkenan
ma amnu-

Tahau
Cikgu A
Pendidik
bin Haji
Rendah
Abdul M

Maple
iagi den
Pembaca
jiwa pen-

Han
Globalis
menjadi

Guru
punyai il
ilmu Ali
sana stra-

Sami
penghars
perkhidr

Sebe
Maha M
serta gu-

Har-

memilih

mat yang

TAHUN 46 BILANGAN 40

RABU 3 OKTOBER, 2001

رابو 15 ربى 1422

PERCUMA



ASYARAKAT Sabah berketurunan Brunei yang bermastautin di beberapa daerah dan kawasan di Negeri Sabah turut melahirkan kegembiraan kerana berpeluang beramah mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Di Negeri Sabah, terdapat lebih 200 ribu masyarakat dan penduduk berketurunan Brunei daripada keramaian lebih 2,449,389 orang penduduk.

Ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI, Datuk Pengiran Mohd. Hussien bin Datuk Pengiran Mohd.



DATUK PENGIRAN MOHD. HUSSIEN "Kami bukanlah pendatang di Sabah ini, tapi kami adalah asal usul Brunei dan kami merupakan generasi peninggalan daripada sejarah."



HAJI HASSAN BIN HASHIM "Saya sangat gembira kerana dapat bertemu dan bersempena dengan Kebawah DYMM yang terkenal sebagai raja yang berjiwa rakyat."



HAJI YUSSOF BIN KAMALUDDIN "Sebahagian saudara saya menetap di Brunei antaranya di kawasan Tungku dan Delima Satu."

HAJAH SITI ZALEHA BINTI HAJI AWANG TENGAH "Ibu bapa saya berasal dari Kampong Sungai Kedayan dan mempunyai ramai sanak-saudara di kawasan Sumbiling dan beberapa kawasan yang lain seperti Kampong Manggis dan Daerah Belait."

Lebih 200 ribu masyarakat Sabah berketurunan Brunei

Tahir Nasaruddin selaku Yang Dipertua Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) berkata, masyarakat Sabah berketurunan Brunei sudah lama bertapak di sana.

Masyarakat Sabah berketurunan Brunei katanya, juga tidak kurang hebatnya di Negeri Sabah ini bilamana terdapat beberapa besar negeri di sini berketurunan Brunei.

Antara mereka itu ialah Yang Berhormat Datuk Yahya Hussein sebagai Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah; Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Yang Berhormat Datuk Rahim Ismail dan Pembantu Menteri Pelancongan, Yang Berhormat Datuk Karim bin Bujang.

"Kami bukanlah pendatang di Sabah ini, tapi kami adalah asal usul Brunei dan kami adalah merupakan generasi peninggalan daripada sejarah dulu," jelasnya memberikan keyakinan.

Apabila ditanya mengenai keperibadian Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai seorang raja, beliau turut menyifatkan baginda sebagai seorang yang peramah dan berjiwa rakyat dan ianya jelas melalui perjumpaan yang telah diadakan di mana baginda kelihatan sangat senang dan suka berdamping dengan rakyat, katanya.

Sementara itu, Haji Hassan bin Hashim, 65 tahun yang berasal dari Kampong Bongawan ketika ditemui juga melahirkan kegembiraan kerana dapat bertemu secara bersemuka bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang terkenal sebagai raja yang berjiwa rakyat.

Haji Yussof bin Kamaluddin, 68 tahun pula menjelaskan, beliau berhijrah ke Sabah kerana masa itu beliau berjual tembaga pada tahun 1930 di zaman pemerintahan Sultan Jamalul Alam.

"Sebahagian saudara saya di Brunei menetap antaranya di kawasan Tungku dan Delima Satu. Dengan kemudahan sekarang, hubungan saudara terus erat terjalin dan kami sering berhubung dengan saudara-saudara di Brunei melalui talian telefon dan begitulah sebaliknya saudara di Brunei sering juga membuat panggilan ke sini," terangnya.

Hajah Siti Zaleha binti Haji Awang Tengah, 67 tahun pula menjelaskan ibu bapanya berasal dari Kampong Sungai Kedayan dan mempunyai ramai sanak-saudara di kawasan Sumbiling dan beberapa kawasan yang lain seperti Kampong Manggis dan Daerah Belait.

"Suami saya Haji Awang Sahari bin Abdul Latif memang berketurunan Brunei," ujarnya ringkas.

Berasal dari Kampong Ulu Putatan, Hajah Zaleha juga turut melahirkan rasa syukur kerana dapat beramah mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Akhir sekali, Salmah binti Pengiran Tamin, 71 tahun menjelaskan, ibu bapanya memang berasal dari Brunei dan mempunyai ramai keluarga di Kampong Penanjong.

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh
Haji Haranadi HB, Harun HR dan
Masri Osman

"Tiga orang kakak saya lahir di Brunei tetapi saya dilahirkan di Kota Kinabalu. Mengikut cerita ibu bapa yang ketika itu berhijrah ke Sabah kerana mencari kerja," ujarnya lagi.

Beliau yang juga pernah menjadi pemberita di sekitar tahun 1960-an di beberapa buah akhbar setempat menyifatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai seorang raja yang sangat ramah-tamah.

Mengikut sejarah, pada awal abad ke-16, sebahagian kawasan Sabah dan Sarawak adalah di bawah takluk jajahan Kesultanan Brunei. Pada abad berikutnya, sebahagian kawasan Negeri Sabah ini di bawah dua takluk jajahan iaitu Kesultanan Brunei di sebahagian kawasan Pantai Barat dan Kesultanan Sulu di sebahagian kawasan Pantai Timur.

Inggeris mula bertapak di Sabah pada tahun 1763 dan akhirnya berjaya memerintah negeri itu pada tahun 1881 melalui British North Borneo Chartered Company iaitu sistem pentadbiran berhirakan.

Bagaimanapun, Sabah telah berjaya mencapai taraf berkerajaan sendiri daripada British pada 31 Ogos, 1963.



SALMAH BINTI PENGIRAN TAMIN (kiri) bersama anaknya "Tiga orang kakak saya lahir di Brunei tetapi saya dilahirkan di Kota Kinabalu."

BERAMAH MESRA DENGAN MASYARAKAT SABAH KETURUNAN BRUNEI

KOTA KINABALU, 19 September. - Masyarakat Sabah berketurunan Brunei yang bermastautin di beberapa daerah dan kawasan di Negeri Sabah turut berbesar hati menyambut keberangkatan kerabat diraja Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan mengadakan perjumpaan dan ramah mesra bersama Ahli Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS).

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Hajah Abdul Aziz.

Sebelum Majlis Ramah Mesra, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap lima orang Ahli Tertinggi Lembaga Tadbir PMBS yang diketuai oleh Yang Dipertua, Datuk Pengiran Mohd. Hussein bin Datuk Pengiran Mohd. Tahir Nasaruddin.

Sejurus selepas keberangkatan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia di dewan hotel tempat persemayaman baginda, doa selamat dibacakan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Sabah, Datuk Awang Sharin bin Haji Alimin.

Di majlis itu, baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah masyarakat Sabah berketurunan Brunei.

Penubuhan PMBS diasaskan oleh beberapa orang pegawai kanan kerajaan dan didaftarkan secara rasmi pada 27 September, 1993.

Pada 30 Julai, 1995, PMBS melancarkan perasmian bagi pertubuhannya di seluruh Sabah. Antara cawangan PMBS di Sabah yang berdaftar

dan mempunyai penduduk berketurunan Brunei ialah Kota Kinabalu, Bongawan, Kudat, Benoni, Beaufort, Sipitang, Binsuluk, Papar, Menumbok, Weston, Sandakan, Kuala Penyu, Buang Sayang, Kota Klias, Keningau dan Tambunan.

Antara tujuan penubuhan persatuan tersebut ialah untuk mengerakkan lagi silaturahim, perpaduan dan persefahaman antara masyarakat Brunei di Sabah, di samping terus berusaha meningkatkan pendidikan dan ekonomi di kalangan para ahlinya.

Seramai 400 orang daripada lebih 200 ribu masyarakat berketurunan Brunei yang bermastautin di segenap peluis Negri Sabah hadir di Majlis Ramah Mesra tersebut.

Brunei Darussalam - Sabah TERUS TINGKATKAN EKONOMI DAN PERDAGANGAN

KOTA KINABALU, 18 September. - Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah terus meningkatkan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara bagi menambah luas dan mengembangkan usaha itu dalam menghadapi perubahan sistem ekonomi dunia tanpa sempadan.

Ini dibuat agar kedua-dua negara tidak jauh ketinggalan daripada bangsa dan negara-negara maju yang lain dan tetaplah masanya bagi kedua-dua negara untuk meningkatkan kerjasama yang ada, mencari dan mengenal pasti peluang-peluang kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan yang baru demi kepentingan bersama.

Demikian dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya ketika berucap sebelum Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dan Perjanjian antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah di Hotel Magellan Sutera dan SPA di sini.

Perjanjian itu ditandatangani sempena lawatan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam terhadap Negeri Sabah.

Menurut Yang Dimuliakan, persaingan ekonomi global pada masa ini banyak dipengaruhi oleh kecanggihan teknologi maklumat. Langkah Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah untuk menjalin kerjasama yang rapat dalam bidang tersebut sangatlah tepat.

"Saya berharap apa yang ditandatangani hari ini tidak akan menjadi dokument rujukan saja yang tidak memberi sebarang makna kerana apa yang lebih penting adalah bagi kedua-dua pihak memikul tanggungjawab untuk melaksanakan apa yang telah disepakati itu agar harapan kita untuk mencapai tahap pembangunan ekonomi akan menjadi kenyataan," jelas Yang Dimuliakan.

Tambahnya, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kesepakatan yang dicapai adalah sebagai pembuka jalan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam dan masyarakat Negeri Sabah untuk meningkatkan kerjasama di pelbagai bidang khususnya bidang ekonomi dan perdagangan.

Liputan
Abdullah Asgar dan
Siti Muslihat HS

Sementara itu, dalam ucapan balas oleh Timbalan Ketua Menteri/Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah, Yang Berhormat Datuk Tham Nyip Shen antara lain berkata, pembangunan industri pelancongan memang merupakan satu daripada sektor ekonomi yang diberi keutamaan oleh Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

"Usaha untuk mempromosikan tempat-tempat pelancongan itu sebagai satu pakej destinasi akan mendatangkan banyak faedah. Kerjasama sedemikian akan membantu menjimatkan sumber-sumber dalam usaha promosi, mahupun dari segi kewangan ataupun tenaga manusia. Kerjasama ini juga memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu untuk memberi tumpuan khas terhadap bidang kekuatan masing-masing," katanya.

Jelas Yang Berhormat, satu lagi bidang yang diberi keutamaan oleh kedua-dua kerajaan ialah pengeluaran barang-barang pertanian yang mempunyai nilai tambah yang tinggi.

"Saya yakin bahawa kedua kerajaan dalam industri pemprosesan makanan mempunyai potensi yang luas dan laman, terutamanya bagi meneroka pasaran BIMP-EAGA serta pasaran negara-negara Islam khususnya bagi makanan halal," menurut Yang Berhormat.

Tambahnya, seperti yang kita sedia maklum di era ini kita tidak dapat mengelakkannya daripada penggunaan ICT dalam penghidupan harian kita.

Justeru itu, kita perlu sentiasa berusaha untuk berkongsi pengalaman dan bekerjasama rapat supaya dapat mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kebolehan dalam bidang itu.

"Selain daripada bidang ekonomi kerjasama dalam bidang pendidikan juga boleh diadakan di masa akan datang. Kita percaya pihak Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Malaysia Sabah sudah mewujudkan perhubungan di antara satu sama lain. Terdapat banyak perkara yang dapat diadakan ataupun dijalankan secara usaha sama. Ini termasuklah pertukaran tenaga akademik, penyelidikan bersama, pertukaran pelajar, pertukaran kakitangan bukan akademik," tegasnya.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya ketika hadir menyaksikan Majlis Menandatangani MOU antara PDS Group Brunei dan Empor Group Sabah.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya menyaksikan Majlis Menandatangani MOU antara Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dan JPH Sendirian Berhad bersama FACB Resorts Berhad dan Karambunai Resorts Sendirian Berhad.

Tujuh MOU ditandatangani

KOTA KINABALU, 18 September. - Beberapa organisasi Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah telah menandatangani empat Memorandum Persefahaman dan tiga Memorandum Perjanjian untuk meningkatkan bidang-bidang pelancongan, penerangan dan teknologi maklumat di antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah.

MOU pertama ditandatangani ialah di antara Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Brunei (BITC) bersama Majlis Maklumat Teknologi Sabah (SITC).

MOU tiga tahun ini membolehkan Negara Brunei Darussalam dan Sabah bekerjasama dalam pembangunan telekomunikasi, kemudahan dan aplikasi yang berkaitan dengan internet yang bertujuan untuk memenuhi Wawasan Teknologi Maklumat Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah, Malaysia.

Skop kerjasama merangkumi konsultasi dan pembangunan kerperluan setiap pihak dan juga pembangunan dan perubahan rangkaian, sistem dan keseluruhan infrastruktur, pusat data, rancangan pemuliharaan bencana, pasukan gerak balas kecemasan komputer, kunci infrastruktur awam dan tundatangan digital, aplikasi kerajaan online dan latihan sumber tenaga manusia.

Sabah ITC ditandatangani oleh Pengarah Unit JT, Encik Bruno Vun, manakala BITC pula diwakili oleh Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Awang

Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud yang juga selaku Setiausaha BITC.

Majlis Penandatanganan MOU ini berlangsung di Hotel Magellan Sutera Hotel and SPA sempena lawatan rasmi tiga hari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri ke Negeri Sabah.

MOU kedua ialah di antara Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dan JPH Sendirian Berhad bersama FACB Resorts Berhad dan Karambunai Resorts Sendirian Berhad.

Dalam perjanjian ini, keempat-empat pihak bersetuju bagi menuju 'smart partnership' bagi mempromosikan dan memasarkan aset-aset pelancongan setiap pihak di bawah konsep 'Brunei As The Hub of Borneo'.

Tiga objektif persetujuan 'smart partnership' iaitu membangunkan satu destinasi peranginan ekopelancongan bersepadu yang bertaraf dunia serta boleh memberi sumbangan kepada pertumbuhan secara berkekalan, keuntungan dan peningkatan nilai modal. Projek-projek ekopelancongan ini akan memberi penekanan kepada keunikan Borneo yang kaya dari segi alam semula jadi, kebudayaan dan tradisi.

Lihat muka 5

PERKHIDMATAN AWAM PERLU CEKAP, BERKESAN

MARILAH kita sama-sama meningkatkan rasa ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan jalan mengerjakan apa-apa yang disuruh serta menjauhkan dan seterusnya meninggalkan apa-apa jua yang dilarang. Semoga dengan cara ini kita akan sentiasa berjalan di atas landasan yang lurus dan bukannya landasan bagi mereka yang dimurka dan mereka yang sesat. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu pada sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya daripada kamu.

Tarikh 29 September merupakan sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. Perkhidmatan awam adalah nadi utama atau jentera penggerak bukan sahaja mengenai program pembangunan negara, bahkan juga segala dasar dan peraturan kerajaan bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat, negara dan seterusnya bagi mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan.

Bagi melaksanakan dengan jaya dan sempurna segala usaha untuk membangun sebuah negara, kita amat memerlukan kepada kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam. Jika perkhidmatan awam tidak cekap dan berkesan adalah sukar bagi kita untuk menjadikan negara ke tahap pembangunan yang lebih tinggi dan berjaya.

Justeru itu Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah yang berterusan ke arah menerapkan nilai-nilai keislaman dalam pentadbiran dan menjadikan Al-Quran sebagai pegangan dan panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Ini telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mempertingkatkan imej dan kualiti perkhidmatan di semua agensi atau kementerian dari masa ke semasa serta sentiasa mengambil perhatian yang serius terhadap perkem-

bangsan dan kemajuan perkhidmatan awam di negara ini, kerana perkhidmatan awam adalah pemangkin pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat.

"Jadi selaras dengan hasrat kita untuk menghayatinya, maka suakah beta menyarankan di sini supaya semua pihak dalam kerajaan beta akan segera dapat melihat bahawa mana-mana juga ajaran Al-Quran yang boleh diterapkan dalam pentadbiran negara hendaklah dipakai dan dijalankan."


Jelaslah kepada kita bahawa setiap ajaran yang terdapat dalam Al-Quran hendaklah diterapkan dalam pentadbiran negara.

Kesejahteraan sebuah negara itu bermula dari majunya bangsa itu

di Majlis Nuzul Al-Quran 1414 Hijrah/1994 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 28 Februari, 1994. Di antara lain titah baginda:

Dalam mencapai kualiti dan kedudukan yang baik dalam suatu aspek kehidupan, kita dilatih supaya mendisiplinkan diri, menjaga peraturan, menghormati masa, berlaku sabar dan tekun, bekerja dan beramal salih dan seterusnya mempunyai semangat dan daya tahan yang kental dalam mengatasi sebarang cabaran dan rintangan.

Oleh itu sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah kita



bersikap iltizam, amanah dan pemedulian dalam tugas dan tanggungjawab supaya kita dapat melaksanakannya dengan sempurna, bukan sahaja untuk kepentingan diri, masyarakat dan negara malahan lebih utama mencapai keredaan Allah Subhanahu Wataala. Mudah-mudahan khidmat yang kita curahkan itu suatu ibadat dan mendapat paha-la daripada-Nya.

Biar di mana kita bertugas baik dalam kerajaan atau sektor swasta, maka yang perlu kita seba-

OLEH itu sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah kita bersikap iltizam, amanah dan pemedulian dalam tugas dan tanggungjawab supaya kita dapat melaksanakannya dengan sempurna, bukan sahaja untuk kepentingan diri, masyarakat dan negara malahan lebih utama mencapai keredaan Allah Subhanahu Wataala. Mudah-mudahan khidmat yang kita curahkan itu suatu ibadat dan mendapat paha-la daripada-Nya.

وقت سمبیغ، امساك، شوروق دان ضھی

وقت سمبیغ، امساك، شوروق دان ضھی باکی دایرہ برunei داری رابو، 15 ربیع الاول 1422 برسان 3 اوکتوبر، 2001 هیجک کھاری ثلاٹ، 21 ربیع الاول 1422 برسان 9 سپتیمبر، 2001 اداله سفرت جواہر این :-

میہجی	ضھی	شوروق	صح	امساك	عنان	مغرب	عصر	ظہر	محضہ
لوكفورد	6.30	6.07	4.51	4.41	7.21	6.12	3.23	12.11	15
3	6.30	6.07	4.51	4.41	7.21	6.12	3.23	12.11	16
4	6.30	6.07	4.51	4.41	7.20	6.11	3.23	12.10	17
5	6.30	6.07	4.51	4.41	7.20	6.11	3.23	12.10	18
6	6.30	6.06	4.50	4.40	7.19	6.10	3.24	12.10	19
7	6.30	6.06	4.50	4.40	7.19	6.10	3.24	12.10	20
8	6.29	6.06	4.50	4.40	7.19	6.09	3.24	12.09	21
9	6.29	6.06	4.50	4.40	7.19	6.09	3.24	12.09	

وقت سمبیغ باکی دایرہ توتوغ دعیہ سانو مینیت دان حابر بلایت دعیہ تیک مینیت، سمبیغ فرض جمعۃ دسلورو نکارا برunei خارالسلام دمولای دری فرکل 12.45 نتمہری

gai seorang mukmin dan seorang Muslim mestilah mempunyai hati yang

At-Taubah ayat 105 yang tafsirnya:

"Dan katakanlah: Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan) maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat apa yang kamu kerjakan, dan kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, kemudian la menerangkan kepada kamu apa yang telah kamu ker-

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Ujian Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Peringkat Kementerian Pertahanan yang berlangsung di Dewan Pahlawan, Berakas Garrison (stas). Sementara gambar bawah, Yang Berhormat menyampaikan plaka kepada johan bahagian qariah kepada Dayang Noraini binti Haji Abdul Latif, wakil Kumpulan Bolkiah Garrison/Perkhemahan Muara/Sungai Akar. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPMH.



HAKIKAT PERANG ADALAH JIHAD

PEPPERANGAN secara umumnya bererti pertikaian di antara dua buah negara atau lebih di mana pihak-pihak yang terlibat menggunakan kekuatan senjata dengan maksud untuk mengalahkan pihak lawan atau untuk mengenakan syarat-syarat perdamaian ke atas pihak yang kalah mengikut kehendak pihak yang menang. Peperangan dalam Islam adalah dikenali dengan jihad. Di dalam Islam, jihad mempunyai pengertian yang tersendiri dan sekali-kali tidak boleh disamakan dengan perang biasa yang berlaku di dalam masyarakat manusia.

Jihad tidak boleh disamakan dengan perang biasa atau 'war' sebab perang biasa itu tidak bersih dari keinginan diri atau keinginan perseorangan yang objektifnya ialah sama ada objektif berbentuk individu ataupun objektif berbentuk kemasyarakatan. Peperangan yang dibenarkan oleh Islam tidak mempunyai objektif seperti itu. Islam tidak melihat kepentingan

sesuatu umat tertentu dengan menindas umat lain dan Islam tidak bermaksud untuk mengangkat sesuatu bangsa dengan menjajah bangsa yang lain. Apa yang dipentingkan oleh Islam ialah kebahagiaan dan kejayaan manusia se luruhnya.

Untuk kebahagiaan dan kejayaan manusia, Islam mempunyai teori dan manajah yang tersendiri. Mananya teori dan manajah yang bercanggah dan cuba menghapusnya akan ditentang oleh Islam. Islam mahukan bumi, tapis bukan untuk menakluki, menjajah dan memeras kekayaannya. Tepati apa yang dikehendaki oleh Islam ialah supaya manusia yang berada di atas bumi ini dapat menggalakkan kemuliaan mereka sebagai makhluk yang dimuliakan oleh Allah Subhanahu Wataala seperti firman-Nya yang tafsirnya:

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda

yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan." (Surah Al-Isra' ayat 70).

Jadi untuk mencapai objektif yang agung ini maka Islam bersedia menggunakan seluruh kekuatan dan pelbagai cara serta usaha. Perjuangan yang berat ini adalah di kalini sebagai jihad.

Jihad dalam Islam iaitu jihad untuk memberikan kebebasan yang sempurna lagi setiap manusia di seluruh dunia, jihad membebaskan manusia dari memperhambakan diri ('ubudiyah) kepada sesama manusia untuk digantikan dengan pengabdian yang sebenar iaitu memperhambakan diri semata-mata kepada Allah, Penyapaan Alam Yang Maha Esa. Inilah alasan untuk jihad. Inilah satu-satunya alasan yang terdapat dalam jiwa setiap pejuang Muslim.

"Dan sesungguhnya Kami telah menggunakan berbagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda

yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan." (Surah Al-Isra' ayat 70).

Apakah tujuan kamu ke mari?" Mereka menjawab: "Allah mengutuskan kami untuk mengeluarkan siapa yang mahu, dari memperhambakan diri kepada manusia, kepada memperhambakan diri kepada Allah Yang Esa. Mengeluarkan manusia dari kesempitan dunia ini kepada keluasan-Nya (dan akhirat). Mengeluarkan manusia dari kezaliman agama-agama kepada keadilan ini supaya Rasul itu mengajar makhluk-Nya (Allah) dengan agamanya. Sesiapa yang menerima cara hidup ini maka kami akan kembali dan memulangkan kembali negerinya kepadanya. Tepati sesiapa yang enggan maka kami akan terus memeranginya sehingga kami syahid ataupun menang."

Selain daripada itu jihad adalah untuk mengekalkan keadilan dan keimanan di atas muka bumi ini. Ayat berikut ada menyatakan hal ini seperti firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 251 yang tafsirnya:

"Dan kalauallah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang penyerobahan setengahnya yang lain, nescaya rusuhluh tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani) dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi) dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya

manusia (yang ingkar dan derhaka) dengan setengahnya yang lain (yang beriman dan setia) nescaya rosak binasalah bumi ini, akan tetapi Allah sentiasa melimpah kurnia-Nya kepada sekalian alam."

Dalam ayat ini perang dibenarkan dengan tujuan untuk mengelak 'kesrosakan bumi', di mana jika perang tidak dilakukan maka muka bumi akan menjadi rosak akibat perbuatan orang-orang yang zahid. Atau dapat dikatakan juga bahawa perang itu perlu sebagai cara untuk menyelesaikan masalah-masalah kemaslahatan.

Firman Allah Subhanahu Wataala lagi dalam Surah Al-Hajj ayat 40-41 yang tafsirnya:

"Dan kalauallah Allah mendorong setengah manusia menentang penyerobahan setengahnya yang lain, nescaya rusuhluh tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani) dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi) dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya

dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya (agama Islam), sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa, laiu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan merintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, menyuruh kepada kebaikan dan melaung dari kemungkaran dalam masyarakat. Atau dengan kata lain membolehkan manusia bermunajat kepada Allah, tidak tunduk kepada pengaruh kebenduan dan dapat menegakkan keadilan di kalangan masyarakat. Hanya dengan merealisasikan jihad sahaja kita akan dapat membela agama Islam dari dicabuli oleh musuh-musuh Islam dan juga untuk mempertahankan keamanan bumi dari berlakunya kerosakan."

Dalam ayat ini pula jihad itu diperlukan untuk mempertahankan dan mengekalkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala. Jika perang tidak dilakukan dan tidak dibenarkan, maka keimanan akan pupus dari muka bumi kerana tempat-tempat

Al-Quran pedoman capai kesejahteraan

Oleh Abu Bakar HAR

Dayang Noraini memungut markah sebanyak 81 peratus dengan membawakan bacaan Surah An-Anfaal bermula dari ayat 58.

Terdahulu Pengurus Jawatankuasa Kerja, Kolonel Pengiran Haji Azmansham menjelaskan ujian tersebut diadakan bagi menggalakkan anggota dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta ahli keluarganya supaya mempelajari, mendampingi dan memahami ayat-ayat suci Al-Quran di samping mengamalkan pengaruhannya.

Ujian tahun ini bertemakan 'Keberkesan Pertahanan Bagi Kesejahteraan Ummah' adalah sesuai bagi mendukung wawasan ABDB ini ABDB Di Abad 21 Ke Arah Keberkesan Pertahanan.

Majlis merupakan sebagai pendorong kepada pembinaan pertahanan rohani yang menghendaki kita untuk menanam perasaan tanggungjawab, akauntabiliti dan komitmen dalam menanai kesetiaan dan ketiauan kepada raja, agama, bangsa dan negara.

AJARAN-AJARAN yang terkandung di dalamnya sangat luas meliputi segala aspek kehidupan manusia sama ada dari soal kenegaraan, pertahanan, kemasyarakatan serta pergaulan sehari-hari.

منوجو كريستان الله
Menuju Keredaan Allah
 كلولان قوسة دعوه اسلاميه

pat ibadat dimusnahkan oleh musuh-musuh Allah Subhanahu Wataala. Seterusnya ayat ini menyatakan bahawa objektif jihad juga ialah untuk membolehkan orang-orang mukmin menjalankan ibadat mereka kepada Allah, bersembahyang, menuanakan zakat, menyuruh kepada kebaikan dan melaung dari kemungkaran dalam masyarakat. Atau dengan kata lain membolehkan manusia bermunajat kepada Allah, tidak tunduk kepada pengaruh kebenduan dan dapat menegakkan keadilan di kalangan masyarakat. Hanya dengan merealisasikan jihad sahaja kita akan dapat membela agama Islam dari dicabuli oleh musuh-musuh Islam dan juga untuk mempertahankan keamanan bumi dari berlakunya kerosakan."

IT dan rangkaian telekomunikasi penting untuk telekesihatan

Oleh
Haji Ahmad HS

JERUDONG, 14 September. - Menteri Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengakui sistem teknologi maklumat terdahulu dan rangkaian telekomunikasi dan perkhidmatan adalah tulang belakang pertumbuhan masa hadapan.

Kerana itu kita perlu komited terhadap maksimumkan potensi seperti telekesihatan bagi memperbaiki penjagaan pesakit dengan kemungkinan penjimatan kos di dalam jangka panjang.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu di Majlis Persaraan Persidangan Telekesihatan yang dilangsungkan di Kelab Polo Jerudong di sini.

Menurut Yang Berhormat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi projek telekomunikasi dalam menyertai rangkaian RAGAM 21, yang mana disalurkan di Rumah Sakit Kuala Belait, Daerah Tutong dan Temburong dan juga Rumah Sakit RIPAS di ibu negara.

"Ini tidak mustahil para pesakit di Rumah sakit Kuala Belait, Tutong dan Temburong dapat bertemu para pakar di tempat-tempat seperti Rumah Sakit RIPAS, Pusat Perubatan Subang di Malaysia, Rumah Sakit Gleneagles di Republik Singapura, Rumah Sakit Guy's di Great Britain atau Rumah Sakit John Hopkins di United State tanpa meninggalkan daerah mereka," jelasnya.

Yang Berhormat seterusnya berkata kita berharap Negara Brunei Darussalam boleh menjadi sebagai pelopor di dalam rantaunya dalam perkembangan yang berpadu dan menyeluruh dan bekerjasama dalam sistem penjagaan kesihatan, mengambil peluang mengenai teknologi yang terbaru.

Ke arah itu jelasnya, orang-orang Brunei sendiri sudah bersedia menerima cabaran tersebut.

Persidangan Telekesihatan berjalan selama tiga hari dengan sesi pleno termasuk mengadakan ceramah, belajar secara tunai dalam beberapa bidang melalui teleperhubungan dan telekesihatan, telependidikan, isu-isu dan dasar pengurusan e-kesihatan, operasi para perubatan dalam e-kesihatan, serta membincangkan beberapa topik antaranya visi kesihatan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam, pengalaman-pengalaman kesihatan negara-negara rantaui Pasifik Barat, dan sebagainya.

Dalam persidangan itu seramai 20 penceramah telah diundang dari Amerika Syarikat, Australia, Eropah, Asia dan Afrika. Sebuah ini pihak pengajur telah menerima pendaftaran sejumlah 270 orang bagi menyertai persidangan tersebut.



MENTERI Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika merasmikan Persidangan Telekesihatan. Majlis berlangsung di Kelab Polo Jerudong. - Gambar oleh Masri Osman.

Tujuh MOU ditandatangani

Dari muka 2

Di samping merangsang peluang-peluang pekerjaan dan pendidikan bagi Brunei dan Sabah selain membantu dalam merealisasikan Bandar Seri Begawan sebagai satu pusat perhentian bagi Borneo dan BIMP-EAGA.

RBA diwakili oleh Pengarah Eksekutifnya, Pengiran Ali Ahmad dan JPH Sendirian Berhad, Pengarah Eksekutif Hajah Norhayati.

Manakala FACB Resorts Sendirian Berhad pula ditandatangani oleh Ketua Pegawai Kewangan/Ketua Pegawai Operasi, Encik Eric Tay, sementara Karambunai Resorts Sendirian Berhad oleh Timbalan Pengurus Eksekutif, Encik John Lo.

MOU seterusnya ialah di antara Borneo Eco-Tours Sendirian Berhad, Sabah dengan Sunshine Borneo Tours and Travel, Negara Brunei Darussalam.

MOU ini Borneo Eco diwakili oleh Pengarah/Pengurus Am, Encik Baton Bijamin, sementara Sunshine Borneo ditandatangani oleh Pengarah Urusan, Awang Anthony Chieng.

Di bawah MOU tersebut kedua-dua syarikat telah bersetuju bagi membentuk satu strategi di bawah Borneo Travel Konsortium, bergabung menjalankan promosi pelancongan di luar negeri dan mempromosikan Borneo sebagai destinasi pelancongan yang unggul.

Sementara MOU seterusnya ialah di antara Inno Travel & Tour Services Sendirian Berhad, Sabah dengan Mas Sugara Travel Services Sendirian Berhad, Negara Brunei Darussalam.

Kedua-dua syarikat diwakili masing-masing oleh Pengarah Eksekutif Inno Travel, Dayang Vicky Leong, manakala Dayang Ling Ai Ming menandatangani bagi Mas Sugara Travel.

Sementara MOU yang terakhir ialah di antara PDS Group Brunei Darussalam bersama Empor Group Sabah. PDS diwakili oleh Pengurusnya, Pengiran

Dato Paduka Haji Sharifuddin, manakala Empor Group ditandatangai oleh Datuk Dr. Richard Gungting.

Di bawah MOU ini tiga perjanjian ditandatangani, dokumen pertama adalah merupakan perjanjian penggredan di antara PDS Group dan Empor Group yang mana PDS melantik Empor Group sebagai pengedar eksklusif produk keluarannya seperti daging dan ayam halal di Negeri Sabah.

Dokumen kedua perjanjian penggredan di antara Empor Group dan PDS Group yang mana Empor Group melalui anak syarikatnya Desa Hatchery Sendirian Berhad ini mengesahkan perlantikan PDS Group sebagai pengedar eksklusif keluarannya seperti daging ayam halal di Negara Brunei Darussalam.

Sementara dokumen ketiga adalah MOU untuk menjalankan usaha sama komersil di antara Empor Group dan PDS Group yang merangkumi mengembangkan perniagaan kedua-dua pihak dengan Empor sebagai pengedar tunggal produk keluaran PDS di Republik Indonesia dan Republik Filipina dan PDS sebagai pengedar tunggal produk halal keluaran Empor.

Selain itu di bawah MOU itu juga menggabungkan perniagaan daging lembu dan ayam kedua-dua pihak dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada untuk tujuan domestik dan eksport.

Di samping aktiviti perniagaan secara usaha sama terutama sekali di kawasan BIMP-EAGA dan menjalankan usaha sama pelaburan dalam bidang umum yang mendatangkan, kepentingan strategik kepada kedua-dua pihak berkenaan.

Menyaksikan kesemua penandatangan MOU tersebut ialah Timbalan Ketua Menteri/Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah. Yang Berhormat Datuk Tham Nyip Shen bersama Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

Tahlil sempena Hari Guru

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 September. - Sambutan Hari Guru Ke-11 dimulakan dengan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit oleh kakitangan Kementerian Pendidikan dan Universiti Brunei Darussalam, di Kubah Makam Diraja.

Hadir menyertai majlis itu ialah

Setiausaha-setiausaha Tetap kerementerian berkenaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar dan Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim.

Hari Guru tahun ini bertema 'Guru Taqwa Mencorak Globalisasi' dan diraikan pada 23 September lalu di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Tafsiran tema Hari Guru Tahun 2001

'GURU TAQWA MENCORAK GLOBALISASI'

GURU adalah penggerak utama mekanisme pendidikan. Ketekunan, kewibawaan serta komitmen guru adalah pemangkin kepada perlaksanaan pendidikan yang utuh dan jitu. Oleh yang demikian, guru mestinya mempunyai keperibadian luruh dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab agar mereka sentiasa di landasan yang betul dalam merealisasikan hasrat negara. Kemuncak bagi pegangan tersebut adalah sifat taqwa di dalam menjalankan kewajipan sebagai seorang guru.

Guru taqwa bermaksud pengamal profesional keguruan dengan mempunyai sekurang-kurangnya empat ciri utama :

1. Berilitzam, berkeazaman yang kuat dan kental serta sentiasa beristiqamah untuk meletakkan Allah di atas segalanya.

2. Berkeyakinan terhadap ilmu Allah serta terus-menerus gigih menimba ilmu pengetahuan untuk dijadikan landasan dan pemikiran menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

3. Berkefahaman yang jitu tentang matlamat pendidikan dan berusaha mencapainya semaksima mungkin.

4. Berkebijaksanaan merancang strategi perlaksanaan pendidikan mengikut lunas-lunas ajaran Islam.

Globalisasi merujuk kepada penghubungan aktiviti-aktiviti intra dan trans-negara. Ia manifestasi tiga perkara iaitu penghapusan atau pengurangan halangan-halangan antara masyarakat dengan negara; bertambahnya kehomogenan antara masyarakat dengan negara dan bertambahnya jumlah interaksi antara negara dari segi perdagangan, kapital, jumlah mata wang yang didagangkan atau pergerakan pelancong dan pendatang. Kepentasan komunikasi melalui internet telah mempercepatkan proses globalisasi. Ia mampu menyampaikan maklumat audio dan visual sekali gus dengan kos yang rendah atau percuma kepada pengguna.

Globalisasi meliputi semua bidang peradaban telah membawa kebaikan dan keburukan. Di situ sudut, globalisasi tersebut mampu mengurangkan kemiskinan dan mewujudkan pekerjaan dalam sebilangan negara, meningkatkan mobiliti sosial dan memberi peluang yang lebih luas untuk mendapat maklumat dan menyebarkan ilmu. Kemudahan-kemudahan komunikasi juga menjadi lebih mudah dan murah, lalu menghasilkan interaksi di antara berbagai-bagi kumpulan yang lebih luas.

Namun globalisasi juga telah mengundang keburukan, di antaranya kerana terlalu mementingkan keuntungan, faktor-faktor lain seperti kepentingan nilai-nilai kerohanian dan moral yang murni serta alam sekitar yang berkualiti telah dialaikan. Penyebaran budaya-budaya yang tidak bersesuaian dengan budaya setempat begitu berleluasa kerana ada kecenderungan pembentukan suatu budaya sejagat yang homogen, terutamanya budaya-budaya yang hanya 'menyegarkan panceina tetapi mematikan roh'. Globalisasi yang telah menghasilkan persejatahan ilmu dan maklumat dengan pantas

juga telah mengakibatkan pembanjiran maklumat yang tidak berguna dan berbahaya.

Globalisasi yang pada asalnya lebih menunjukkan gerakan untuk memobilisasikan ekonomi global semua negara di dunia ini, telah menghasilkan pengaruh dan kesan yang penuh cabaran terutama di dalam bidang-bidang pendidikan, sains, kebudayaan dan komunikasi. Di sinilah dilema dan cabaran yang dihadapi oleh negara, dan para guru adalah terlibat secara langsung untuk menentukan corak dan hala tuju arus globalisasi berkenaan melalui pendidikan.

Kehadiran gelombang globalisasi tidak akan dapat dihalang, namun pengaruh dan hala tuju yang dapat dikawal dan dibentuk mengikut calak Brunei agar tidak menjadikan pegangan hidup yang berlandaskan agama Islam dan budaya bangsa kita. Maka di sinilah peranan guru amat besar, kerana mereka bertanggungjawab mendidik para pelajar mereka mengikut aspirasi negara.

Mereka sudah pasti tidak berdiam diri membiarkan para pelajar mereka hanyut disalaharhan oleh arus deras globalisasi. Mereka juga perlu mempersiapkan diri dengan berbagai-bagi kemahiran ICT dan bidang-bidang lain yang berkenaan, kerana gejala globalisasi tidak terhad kepada satu-satu bidang sahaja. Oleh sebab itu, para guru perlu berfikir selangkah lebih jauh ke hadapan mendahului arus globalisasi, agar tidak ketinggalan dan tenggelam oleh kepentasan globalisasi.

Berbagai-bagi strategi, pendekatan dan cara terbaik boleh dirancang dan diusahakan oleh para guru, misalnya memupuk daya tahan, daya saing dan daya maju di dalam diri para pelajar. Para pelajar yang berdaya tahan, berdaya saing serta berdaya maju akan mampu menghadapi apa jua hambatan gelombang globalisasi, dan bijak memilih bahan yang sesuai dengan citra budaya bangsa, serta mempergunakanannya demi mencapai kemajuan hidup, bangsa dan negara tanpa merosak elemen budaya sendiri.

Segala usaha guru yang murni ini perlu disertai dengan kesungguhan dan keyakinan untuk menuju kebenaran dan keredaan-Nya juga, sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wataala yang bermakna :

"Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan ucopkanlah perkataan yang benar. Allah nanti akan memperbaiki pekerjaanmu dan mengampuni dosamu. Dan siapa yang mematuhi Allah dan Rasul-Nya, sesungguhnya dia akan memperolehi keberuntungan yang besar." (Surah Al-Ahzab, ayat 70-71).

Demi keharmonian bernegara dan bermasyarakat, para guru perlu bijak mengatur langkah secara berterusan bagi membantu kerajaan memastikan kebaikan globalisasi dapat dimakmurkan dan dimanfaatkan, manakala keburukannya dapat dihindari, dibendung dan diantasi sebijaksana yang mungkin.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Bandar Seri Begawan Pesat Membangun Dalam Masa 30 Tahun'. Tarikh tutup 6 Oktober, 2001.

2. 'ASEAN Hadapi Cabaran Baru'. Tarikh tutup 13 Oktober, 2001.

3. 'Kerjasama Ekonomi Baru Kalangan Anggota ASEAN Penting'. Tarikh tutup 20 Oktober, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah diantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunei.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunei.bn

Tanamkan semangat bekerjasama

MENYEDIAKAN pelbagai perkhidmatan kepada rakyat, penduduk dan orang ramai merupakan matlamat dan perkara yang menjadi perhatian kerajaan. Menyalurkannya melalui agensi-agensi kerajaan adalah lanjutan tindakan untuk memastikan segala bentuk perkhidmatan dapat dinikmati secara bersama dan menyeluruh. Perkhidmatan-perkhidmatan yang dibularkan bukan saja memperjelas dasar dan peraturan kerajaan bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan negara, bahkan menjadi nadi penggerak ke arah melaksanakan program-program pembangunan negara seterusnya bagi mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan.

Memperjelas perkhidmatan awam sebagai tonggak dan jentera utama kerajaan melalui media massa dan sesi pernegeran adalah langkah bijak ke arah menyebarkan peranan dan tanggungjawab perkhidmatan awam. Selain menjadi pengetahuan umum, ia dapat memudahkan urusan

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Perkhidmatan Awam Tonggak dan Jentera Utama Kerajaan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

yang melibatkan pengguna atau pelanggan. Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) sebagai contoh adalah strategi dalam memeduli dan menangani keperluan orang ramai yang mahukan perkhidmatan awam yang cekap dan efisien. Ia dapat dijadikan garis panduan dan mengukur keberkesanannya dan mengemaskinikan jentera pentadbiran kerajaan dalam perkhidmatan awam.

Peranan Pegawai Perhubungan Awam bagi setiap jabatan dan kementerian juga penting sebagai jurucakap dan rujukan bagi sebarang pertanyaan, aduan, sungutan, pandangan, mahupun penghargaan atau isu-isu yang dibangkitkan. Urusan-urusan perjumpaan secara bersemuka dengan orang ramai dapat menjalin hubungan baik dalam mencari keberkesanannya dan mengetahui kecekapan pengurusan dalam perkhidmatan awam. Peranan perkhidmatan kaunter dan penyambut tetamu sebagai misal dapat menjadi fokus pengenalan dan cermin utama akan kedudukan pengurusan sesebuah agensi perkhidmatan. Layanan yang baik dan profesional juga akan menjadi kredit, memenuhi keperluan dan meneplat sasaran pelanggan-pelanggan yang berurusan. Dalam hubungan ini, usaha menghayati dan mengamalkan ciri-ciri Rukun Aqliak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara seperti yang digariskan dalam buku tersebut menjadi benteng terbaik ke arah menyumbang perkhidmatan yang benar-benar cekap, berkesan, bersih lagi amanah.

Ketelusan perkhidmatan awam juga menjadi penilaian dan penelitian yang dapat menggambarkan kepentingan dan keutamaan setiap agensi perkhidmatan awam. Proses-proses perlaksanaan permohonan atau projek yang sememangnya memakan masa perlu dilihat keberkesanannya dan kebijaksanannya pengurusan serta yang melibatkan aspek sosioekonomi dan keselamatan. Ciri-ciri seperti pengiktirafan, mengikut piawaian atau mematuhi peraturan-peraturan akan menambah kecemerlangan perkhidmatan awam dalam usaha mewujudkan iklim pembangunan infrastruktur, ekonomi dan sosial negara serta contoh terbaik untuk diteladani oleh pekerja-pekerja di sektor swasta dan orang rakyat.

Hari Perkhidmatan Awam yang disambut pada setiap 29 September akan lebih bermakna dan bermanfaat untuk menilai peranan setiap individu yang berkhdimat dalam perkhidmatan awam. Di samping menghargai mereka yang berjasa dalam perkhidmatan awam, usaha meningkatkan imej perkhidmatan awam sebagai tonggak dan jentera utama kerajaan patut diteruskan demi mencapai kecemerlangan yang diharapkan. Usaha menjalin hubungan baik dan menanam semangat bekerjasama sesama anggota perkhidmatan awam dan antara agensi-agensi perkhidmatan awam akan menjadi strategi terbaik dan penyumbang berkesan ke arah pembangunan negara keseluruhannya.

**Awang Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21G, Kampong Burung Pinggai Ayer, BM 1126.
No. k/p : 058132**

Tingkatkan hasil kerja tanpa memperhitung pulangan

SETIAP 29 September, Negara Brunei Darussalam merayakan Hari Perkhidmatan Awam. Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam telah pun dimulakan pada 29 September, 1993. Di antara objektif Hari Perkhidmatan Awam pada umumnya adalah untuk menghargai dan mengenang jasa bakti yang telah dicurahkan oleh semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sama ada di peringkat atasan, pertengahan dan bawahan, di samping memperbaharui tekad dan azam untuk mempertingkatkan lagi usaha dan perlaksanaan tugas dengan lebih gigih, titah dan lutan bagi mencapai hasil yang lebih baik, kreatif, berkualiti dan produktif.

Perkhidmatan awam merupakan institusi utama negara dan masyarakat yang memainkan peranan penting dalam membawa peralihan paradigma dan perubahan minda serta sikap yang positif dalam menghadapi arus perkembangan dan kesan globalisasi dewasa ini. Ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya perkhidmatan awam, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam mestilah mempunyai peranan dan memikul amanah kerajaan bagi melaksanakan program-program pembaharuan dan pembinaan dengan lebih berkesan lagi sebagai jentera penggerak pembangunan negara.

Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya pada 1 Januari, 1984, hampir keseluruhan kementerian dan jabatan kerajaan telah pun dipimpin dan diterajui oleh anak-anak tempatan sendiri. Begitu juga dengan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam pentadbiran kerajaan yang mengamalkan dasar 'Bruneisation'. Ini menandakan keupayaan dan kemampuan anak-anak tempatan adalah diiktiraf untuk menggerakkan jentera awam kerajaan di samping memiliki kelulusan-kelulusan profesional, kepakaran dan kemahiran dalam pelbagai bidang serta mempunyai daya tahan dan daya saing.

Menyentuh mengenai Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang telah diasaskan dan diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri adalah suatu yang kena pada masa dan tempatnya bagi menuju dan mencapai kecemerlangan

perkhidmatan awam. Ini adalah kerana segala urusan perkhidmatan awam sudah barang tentunya berjalan dengan baik, sempurna, teratur, lancar dan bersistematis. Melalui TPOR sesuatu urusan dapat dijangka kelamaannya demi kebaikan perkhidmatan awam dan orang ramai. Oleh yang demikian TPOR hendaklah sentiasa dipantau dan diikuti dengan menepati tempoh masa yang telah digariskan dan adalah lebih baik dipercepatkan urusan yang dilaksanakan.

Imej sebuah jabatan atau kementerian sama ada positif atau negatif adalah banyak bergantung kepada sejauh mana komitmen dan perlaksanaan tugas mengikut ketentuan TPOR. Jika perlu TPOR hendaklah sentiasa diperkemaskinikan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan keutamaannya.

Selain daripada itu bagi kecemerlangan perkhidmatan awam TPOR hendaklah disertai atau digandingi dengan sifat dan sikap sopan santun, berbudi bahasa, pemedulian dan prihatin terhadap orang ramai sesuai dengan amalan masyarakat Brunei yang terkenal dengan nilai-nilai murni dan luhur. Mengamalkan keperibadian atau sifat yang terpuji ini bukan sahaja mencerminkan keluhuran dan kehalusan budi pekerti seseorang malahan juga akan melancarkan lagi segala urusan yang mana orang ramai sentiasa ditegur sapa dan dibantu dalam urusan dan tujuan mereka mendapatkan perkhidmatan.

Bagi merealisasikan perkhidmatan awam itu sebagai tonggak dan jentera utama kerajaan yang cekap, efisien dan efektif adalah amat penting dan mustahak setiap pekerja atau penggerak sentiasa mempertingkatkan hasil kerja tanpa memperhitung masa, tenaga dan pulangan daripada pihak-pihak tertentu. Bekerjalah dengan jujur, amanah dan ikhlak kerana Allah Subhanahu Wataala demikian untuk mendapatkan keberkatan di dunia dan akhirat. Janganlah tanya apa bakti negara kepada kita, tanyalah apa bakti kita kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

**Awang Mohd. Salleh bin Haji Daud,
No. 19 Jalan 1, Rancangan Perumahan Negara
Lambak Kanan BC 2715.
No. k/p : 054965**

DALAM sebuah negara, perkhidmatan awam merupakan tonggak terpenting dalam jentera kerajaan untuk melincinkan segala urusan pentadbiran kerajaan. Perkhidmatan awam juga adalah lambang keberkesanannya dan jentera se-sebuta pentadbiran dalam kerajaan. Ia memikul tanggungjawab yang dipulih oleh perkhidmatan awam sangat berat dan mencabar. Ia memerlukan ketelitian, kesabaran, keberkesanannya, proaktif dan berdaya saing untuk memajukan dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

Jentera perkhidmatan awam bukan saja untuk melincinkan dan menggerakkan polisi kerajaan, ia juga berperanan serampang dua mata, di atas pihak kerajaan, di bawah pula rakyat jelata. Sementara untuk urusan di luar negara, mereka menjadi cermin kepada negara luar dalam membentuk dasar luar negara ia harus dilihat sebagai wadah untuk berbaik-baik dengan negara-negara jiran dan juga masyarakat antarabangsa.

Walau bagaimanapun terdapat kekuatan dan kelebihan dalam sebarang jentera yang dilaksanakan terutama dalam berurusan dengan orang ramai. Tapi semua itu sentiasa dalam perhatian dan pengawasan supaya kelincinan jentera itu tidak tersekut dan terbantut.

Perlaksanaan dasar dan polisi kerajaan akan diterjemahkan dalam perkhidmatan awam bila melaksanakan pembangunan negara seperti dasar politik, kewangan, sosial dan kebudayaan.

Usaha pihak kerajaan terutama kemampuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa peka dan prihatin mengenai sebarang masalah sentiasa memberi tumpuan supaya tenaga kerja dalam perkhidmatan awam sentiasa berkesan dan disenangi oleh orang rakyat.

Bagi kakitangan kerajaan harus selari dan memahami hasrat kerajaan supaya mereka meningkatkan daya usaha dan khidmat cemerlang mereka dalam pekerjaan sehari-hari. Kecemerlangan dan kejayaan perkhidmatan awam melibatkan kerajaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada rakyat.

Namun begitu kita harus beri pujian kepada kakitangan kerajaan yang begitu gigih dan peka serta prihatin terhadap dasar kerajaan dalam memeduli dan berurusan dengan orang ramai. Syabas anggota perkhidmatan awam, tanpa mu negara kaku. Kemajuan negara terletak di bahu bistikta.

**Dayang Ainul Balqiah binti Haji Kassim,
No. 13A, Simpang 236,
Kampong Sinarabu,
Jalan Bengkuron Masin BF 2120.
No. k/p : 291572**

Menteri PSSU hadiri ASEAN-EMM Ke-3, AEM Ke-33

BANDAR SERI BEGAWAN. Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman telah bertolak ke Hanoi, Republik Sosialis Viet Nam bagi mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi - Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM-EMM) Ke-3 dan juga Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-33 yang diadakan pada 10 sehingga 11 September, 2001 dan 12 hingga 16 September, 2001.

Menurut siaran akhbar Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN antara lain akan membincangkan hal-hal ekonomi antarabangsa seperti isu-isu Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) khususnya Pelancaran Pusingan Perundingan Baru dan Mesyuarat Peringkat Menteri-menteri WTO yang akan diadakan di Doha, Qatar pada bulan November 2001. Di samping itu mesyuarat juga akan meneliti perlaksanaan program-program ASEAN seperti Pelan Tindakan Pemudah Perdagangan (TFAP) dan Pelan Tindakan Promosi Pelaburan (IPAP).

Beberapa mesyuarat dan konsultasi yang berkaitan juga diadakan sepanjang Mesyuarat AEM itu termasuk Mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA); Mesyuarat Majlis Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA); Mesyuarat bersama Republik Rakyat

China, Jepun dan Republik Korea; Mesyuarat bersama Majlis Perniagaan Amerika Syarikat dan ASEAN (AFTA); Konsultasi bersama Pakatan Perhubungan Erat Ekonomi Australia dan New Zealand; Konsultasi dengan Persekutuan Eropah; Konsultasi dengan Dewan Perdagangan Antarabangsa ASEAN dan Konsultasi dengan Menteri Perdagangan dan Industri Jepun.

Mesyuarat Majlis AFTA telah menumpukan perbincangan terhadap rancangan meliberalisasikan perdagangan bagi barang teknologi maklumat dan perhubungan ICT di bawah rangka kerja Perjanjian E-ASEAN dan juga Perlaksanaan Pemberian Skim Keutamaan Am di bawah inisiatif integrasi ASEAN juga dibincangkan.

Mesyuarat Majlis AIA pula membincangkan program-program yang dilaksanakan di bawah Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) seperti hasil Forum Pertama Majlis AIA bersama sektor perniagaan serta inisiatif Promosi Pelaburan ASEAN.

Manakala Mesyuarat AEM pula menumpukan perbincangan terhadap persefidaan bagi Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan pada bulan November 2001 di Negara Brunei Darussalam, perlaksanaan program-program di bawah AFTA dan AIA, isu-isu ekonomi antarabangsa dan serantau serta membincangkan perlaksanaan Perjanjian E-

SEKTOR SWASTA PERLU LIBAT DIRI SECARA AKTIF



HANOI, 11 September. - Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi bagi Mesyuarat Asia-Eropah (EMM ASEAN) Ke-3 telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tuan Phan Van Khai. Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat berkemara.

Mesyuarat telah dihadiri oleh menteri-menteri ekonomi 10 negara rantau Asia dan 15 negara dari Eropah serta perwakilan Pesuruhjaya Eropah dan juga Pengurus Forum Perniagaan Asia-Eropah (Asia-Europe Business Forum - AEBF).

Ketika menjelaskan per-



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Perjanjian E-ASEAN yang ditandatangani semasa Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ke-4 di Republik Singapura pada November 2000, Mesyuarat Majlis AFTA telah mengenal pasti 1,986 barang teknologi informasi dan perhubungan (ICT) yang akan diliberalisasikan menjelang tahun 2005. ASEAN dijangka akan dapat menarik pelabur ICT, di samping juga mengembangkan industri-industri berkenaan ke rantau ini.

Yang Berhormat bersama Majlis AIA juga bersempena perlunya bagi mengadakan kajian secara komprehensif mengenai daya saing Asia Tenggara di sebalik Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), Kesatuan Eropah (EU) dan Kawasan Perdagangan Bebas Negara-negara Benua Amerika (FTAA).

Dalam mesyuarat itu,

Demi untuk menarik jumlah pelaburan asing yang lebih besar, Yang Berhormat menjelaskan bahawa Majlis AIA tersebut untuk mengawalkan tarikh bagi merealisasikan AIA kepada semua pelabur asing dari tahun 2020 kepada tahun 2010 bagi negara ahli asal ASEAN dan kepada tahun 2015 bagi negara ASEAN yang baru bagi sektor pembuatan, pertanian, perhutanan, perikanan dan perlombongan.

Majlis AIA juga bersempena perlunya bagi mengadakan kajian secara komprehensif mengenai daya saing Asia Tenggara di sebalik Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) seperti yang dijadualkan pada tahun 2002. Tahun ini mereka telah pun melaksanakan komitmen mereka dalam Skim CEPT dengan sekurang-kurangnya 90 peratus barang di dalam senarai 'inclusion' mereka dengan kadar tarif 0 - 5 peratus. Mesyuarat Majlis AFTA juga telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Integrasi Keutamaan ASEAN (AISP) yang mana negara-negara ahli asal ASEAN akan memberikan keutamaan pengeluaran tarif kepada negara-negara ahli baru ASEAN.

Dalam mesyuarat itu, Yang Berhormat bersama Majlis AIA telah menandatangani protokol untuk meningkatkan Rangka Kerja Perjanjian AIA. Protokol itu akan memendekkan tarikh akhir Senarai Pengecualian Sementara (TEL) dari 2010 kepada 2003 dan mengembangkan skop Perjanjian AIA untuk merangkumi sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan perlombongan dan sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor-sektor tersebut termasuk sektor pembuatan.

Menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam bersama negara-negara ahli asal ASEAN akan merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) seperti yang dijadualkan pada tahun 2002. Tahun ini mereka telah pun melaksanakan komitmen mereka dalam Skim CEPT dengan sekurang-kurangnya 90 peratus barang di dalam senarai 'inclusion' mereka dengan kadar tarif 0 - 5 peratus. Mesyuarat Majlis AFTA juga telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Integrasi Keutamaan ASEAN (AISP) yang mana negara-negara ahli asal ASEAN akan memberikan keutamaan pengeluaran tarif kepada negara-negara ahli baru ASEAN.

Dalam mesyuarat itu, Yang Berhormat bersama Majlis AIA telah mengadakan perjumpaan dengan sektor perniagaan Amerika Syarikat dan Jepun. Mereka telah berbincang-bincang mengenai isu-isu pelaburan seperti iklim pelaburan global dan trend perkembangan pelaburan asing serta status perlaksanaan Perjanjian AIA.

Selaras dengan provisi di bawah Rangka Kerja

bincangan Mesyuarat ASEMEMM Ke-3, Yang Berhormat memaklumkan bahawa mesyuarat memberi tumpuan utama terhadap peningkatan kerjasama ekonomi di antara Asia dan Eropah khususnya mengenai Perlaksanaan Pelan Tindakan Pemudah Perdagangan (TFAP) ke atas bidang keutamaan yang meliputi antara lainnya Perolehan Kerajaan Prosedur Perkastaman, Pemudah Perdagangan dan Perdagangan Elektronik dan Pelan Tindakan Promosi Pelaburan (IPAP).

Sehubungan itu, mesyuarat telah bersepakat untuk meneruskan tempoh khidmat Kumpulan Pakar Pelaburan (IEG) selama dua tahun bagi terus mengenal pasti halangan-halangan pelaburan lain dan membentuk langkah-langkah ke arah mengatasinya dan seterusnya meningkatkan aliran pelaburan di antara Asia dan Eropah.

Mesyuarat juga telah membincangkan kerjasama Ekonomi dan Perdagangan ASEAN. Dalam pada itu, mesyuarat mengambil kesempatan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai bidang-bidang bagi negara-negara Asia dan Eropah dapat meningkatkan kerjasama ke arah meraih kemanfaatan dan keuntungan darinya.

Yang Berhormat dalam kenyataannya telah menekankan pentingnya sektor swasta

melibatkan diri secara aktif dalam usaha itu memandangkan sektor tersebut adalah pemandu industri dan seterusnya meraih keuntungan daripadanya.

Semasa membincangkan mengenai peningkatan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SME) terutama dalam menyertai peluang perniagaan di rantau Asia dan Eropah dan sesi interaksi bersama AEBF, Yang Berhormat menyatakan perlunya hubungan rapat di antara pihak SME dengan pembuat dasar dalam kerajaan masing-masing supaya dapat membentuk langkah-langkah yang praktikal dan realistik ke arah kemajuan SME.

Mesyuarat juga bertukar-tukar pandangan mengenai persediaan ke arah Persingkat Menteri WTO di Doha, Qatar pada bulan November tahun ini.

Ke arah ini, menurut Yang Berhormat, negara Eropah telah meyakinkan bahawa mereka telah bersetuju untuk mengambil kedudukan yang fleksibel dalam menerima beberapa isu yang dicadangkan oleh negara-negara membina seperti pertanian dan 'antibusang'. Manakala pihak negara Jepun pula menyatakan kedudukan yang fleksibel dalam isu seperti pelaburan. Pada keseluruhannya, mesyuarat bersepakat perlunya kesemua

ahli WTO mengambil kedudukan yang positif serta bertolak ansur dalam isu-isu bagi agenda perundingan pusingan baru dalam menjamin terlaksananya pelancaran pusingan tersebut nanti di Doha.

Terdahulu Menteri-menteri Ekonomi Asia dan Eropah telah mengadakan mesyuarat bersasingan bagi meneliti isu-isu yang akan dibentangkan dan seterusnya mengambil kedudukan bersama. Yang Berhormat bersama menteri ekonomi lainnya telah menghadiri Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Menteri Perdagangan Viet Nam selaku Pengurus ASEMM-EMM Ke-3.

Yang Berhormat juga telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) bersama Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun (METI). Mesyuarat AEM bersama perwakilan Republik Rakyat China, Republik Korea dan Negara Jepun (AEM+3) dan juga Konsultasi AEM bersama Kesatuan Eropah (EU).

Turut hadir di mesyuarat ASEMM-EMM Ke-3 ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Viet Nam dan beberapa orang pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

ASEAN, EU, AEM+3 setuju tingkat kerjasama ekonomi

HANOI, 12 September. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Haji Awang Abdul Rahman bersama rakan sejawat ASEAN lainnya menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) bersama para menteri dari Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea (AEM+3) Kali Ke-4; Konsultasi Ke-8 AEM bersama Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun dan Konsultasi Kedua Tidak Rasmi AEM bersama Kesatuan Eropah (AEM-EU).

Para menteri dalam Konsultasi Tidak Rasmi AEM-EU juga telah bersepakat untuk meningkatkan usaha dalam mengerakkan lagi kerjasama ASEAN-EU melalui skim-skim kerjasama yang sedia ada dan seterusnya menyuarakan sokongan padu untuk meneruskan kerjasama dalam mengurangkan halangan-halangan bukan tarif demi untuk memudahkan aliran perdagangan dan pelaburan di antara kedua-dua rantau.

Sementara itu, Mesyuarat AEM+3 meneliti perlaksanaan beberapa projek kerjasama ekonomi yang telah dipersejuaui di Mesyuarat AEM+3 lalu. Di samping itu mesyuarat juga telah meneliti laporan Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja ASEAN+3 yang merupakan landasan kerjasama bagi Teknologi Maklumat dan Perhubungan (ICT) di antara ASEAN dan rantau Timur-Laut (North-East) Asia (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea) ke arah mengurangkan jurang digital di antara rantau berkenaan.

Dalam Konsultasi AEM bersama Menteri Perdagangan dan Industri Jepun (AEM-METI), mesyuarat telah menyokong bidang tugas Kumpulan Pakar Rakan Ekonomi Erat ASEAN-Jepun ke arah membuat kajian terhadap integrasi ekonomi di antara ASEAN dan Jepun. Usaha itu menurut Yang Berhormat bertujuan untuk mengenal pasti bidang-bidang yang dapat diperingkatkan kerjasama bagi mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan di antara ASEAN dan Jepun.

TARIKH REALISASI AIA UNTUK PELABUR ASING DIAWALKAN

HANOI, 14 September. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman meneruskan mesyuaratnya dengan Mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) Kali Ke-4 dan Mesyuarat Majlis Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN Kali Ke-15. Mesyuarat-mesyuarat berkenaan telah dipengerusikan oleh Menteri Perancangan dan Pelaburan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tuan Tran Xuan Gia dan Menteri Kewangan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tuan Nguyen Sinh Hung.

Menurut Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis AIA menumpukan perbincangan kepada isu-isu pelaburan, suasana pelaburan global, trend dan perkembangan peraliran pelaburan asing di rantau ASEAN, kajian semula perlaksanaan Perjanjian AIA dan aktiviti-aktiviti Pelan Tindakan Hanoi yang telah dipersejuaui oleh Ketua-setua Negara ASEAN tiga tahun lalu.

Demi untuk menarik jumlah pelaburan asing yang lebih besar, Yang Berhormat menjelaskan bahawa Majlis AIA tersebut untuk mengawalkan tarikh bagi merealisasikan AIA kepada semua pelabur asing dari tahun 2020 kepada tahun 2010 bagi negara ahli asal ASEAN dan kepada tahun 2015 bagi negara ASEAN yang baru bagi sektor pembuatan, pertanian, perhutanan, perikanan dan perlombongan.

Majlis AIA juga bersempena perlunya bagi mengadakan kajian secara komprehensif mengenai daya saing Asia Tenggara di sebalik Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) seperti yang dijadualkan pada tahun 2002. Tahun ini mereka telah pun melaksanakan komitmen mereka dalam Skim CEPT dengan sekurang-kurangnya 90 peratus barang di dalam senarai 'inclusion' mereka dengan kadar tarif 0 - 5 peratus. Mesyuarat Majlis AFTA juga telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Integrasi Keutamaan ASEAN (AISP) yang mana negara-negara ahli asal ASEAN akan memberikan keutamaan pengeluaran tarif kepada negara-negara ahli baru ASEAN.

Dalam mesyuarat itu, Yang Berhormat bersama Majlis AIA telah menandatangani protokol untuk meningkatkan Rangka Kerja Perjanjian AIA. Protokol itu akan memendekkan tarikh akhir Senarai Pengecualian Sementara (TEL) dari 2010 kepada 2003 dan mengembangkan skop Perjanjian AIA untuk merangkumi sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan perlombongan dan sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor-sektor tersebut termasuk sektor pembuatan.

Menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam bersama negara-negara ahli asal ASEAN akan merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) seperti yang dijadualkan pada tahun 2002. Tahun ini mereka telah pun melaksanakan komitmen mereka dalam Skim CEPT dengan sekurang-kurangnya 90 peratus barang di dalam senarai 'inclusion' mereka dengan kadar tarif 0 - 5 peratus. Mesyuarat Majlis AFTA juga telah bersetuju untuk melaksanakan Sistem Integrasi Keutamaan ASEAN (AISP) yang mana negara-negara ahli asal ASEAN akan memberikan keutamaan pengeluaran tarif kepada negara-negara ahli baru ASEAN.

Bidang kemahiran asas syarat lulus sijil

SERIA, 28 Ogos. - Dalam usaha untuk melahirkan manusia atau generasi yang memiliki kemahiran-kemahiran asas yang selaras dengan keperluan pasaran dan industri, Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Negara Brunei Darussalam telah menetapkan bidang-bidang kemahiran asas sebagai sebahagian daripada komponen kurikulum pendidikan teknik dan vokasional.

Sehubungan itu, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar menekankan setiap pelajar diwajibkan atau diperisyaratkan lulus bagi mendapatkan persijilan Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional (MPTV).

Yang Dimuliakan menekankan perkara itu di Majlis Konvensyen Ke-4 Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah di sini.

Sejarah dengan pasaran pekerjaan yang semakin kompetitif, Yang Dimuliakan menasihatkan para pelajar supaya meningkatkan ilmu dan membuat perubahan minda dan sikap, di samping sentiasa berazam ingin maju dan cemerlang.

"Di samping pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada bidang pengajaran masing-masing, para pelajar perlu mengasah kemahiran asas meskipun dalam konteks kehidupan sosial kemahiran-kemahiran tersebut mungkin dianggap sebagai satu proses biasa, remeh dan tidak ada nilai dalam pasaran pekerjaan, tetapi natijahnya kemahiran-kemahiran itu sangat diperlukan," jelas Yang Dimuliakan.

Menurut Yang Dimuliakan, kemahiran asas bagi sebilangan industri terutamanya industri perkhidmatan merupakan kemahiran wajib yang ditekankan oleh majikan-majikan dalam proses pengambilan pekerja dan dalam pekerjaan.

Oleh itu, Yang Dimuliakan menasihatkan para pelajar supaya terus menimba pengalaman bagi meningkatkan kemahiran asas, kemahiran praktikal dan mengamalkan belajar sepanjang hayat dengan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan



TAHNIAH ... Pelajar Sekolah Rendah Panaga menuai plia rebutan Peraduan Kuiz PCE 2001 peringkat akhir. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

sukarela atau persatuhan-persatuhan dan memanfaatkan sebaik mungkin peluang-peluang penempatan industri yang ditawarkan oleh pihak-pihak swasta dan awam.

Kemahiran itu, jelas Yang Dimuliakan, bukan sahaja berguna sebagai kualiti nilai tambah untuk mendapatkan pekerjaan, malahan yang lebih penting sebagai persediaan mereka menempuh kehidupan sepanjang masa.

Yang Dimuliakan seterusnya menyatakan penghargaan kepada pihak swasta yang selama ini memberikan kerjasama dalam mengungkayahkan penempatan industri dan melaksanakan skim perantis jurusan teknikal dan vokasional.

Yang Dimuliakan berharap, lebih banyak syarikat swasta akan membuka peluang dan menyertai skim itu di masa depan untuk memastikan para pelajar yang menamatkan latihan penempatan industri memperoleh kemahiran, sikap dan etika kerja yang diperlukan demi untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran, produktif dan menyumbang sepenuhnya kepada pembangunan ekonomi negara.

Di samping itu, Yang Dimuliakan berkata, Kementerian Pendidikan menerusi Jabatan Pendidikan Teknik mulai tahun ini telah menawarkan Program Inkubator Perniagaan bagi memperkembangkan bakat keusahawanan para pelajar yang dikenal pasti bermotivasi dan berpotensi untuk memulakan perusahaan sendiri.

"Bagi lepasan-lepasan yang berjaya menamatkan program keusahawanan ini dan akan memulakan perniagaan sendiri, terokalah bidang-bidang yang mempunyai ruang pasaran dan memang diperlukan negara. Kebijaksanaan dalam menganalisa peluang-peluang perniagaan yang sesuai, insya-Allah dapat membantu melanjutkan usaha berkenaan," tambah Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan seterusnya mengingatkan bahawa dalam apa juu bidang yang diceburi dan dalam apa juu keadaan sikap, semangat dan kemahiran yang kental merupakan kunci utama dalam mencapai kejayaan.

"Tanpa sikap, semangat dan kemahiran untuk sentiasa berjaya, apa pun yang diusahakan tidak akan memberi kesan," ujar Yang Dimuliakan.

Seramai 143 graduan menerima sijil dan diploma mereka di majlis itu. Sekolah itu telah mengeluarkan sejumlah 328 graduan sejak ianya ditubuhkan.

Mereka berjaya mengikuti kursus di bidang masing-masing di peringkat Sijil Perdagangan Kebangsaan Tingkat 2 dan 3; Sijil Vokasional Kebangsaan dalam bidang Pengajian Perkeranian dan Pra Diploma Kebangsaan dalam bidang Pengajian Komputer dan Perniagaan dan Kewangan.

Jumlah pelajar yang diterima masuk ke sekolah itu bertambah daripada 15 orang pada tahun 1996 kepada 310 orang pada tahun ini begitu juga dari satu kumpulan kepada 27 kumpulan.

Antara kursus yang ditawarkan di sekolah itu Sijil Perdagangan Kebangsaan, bidang Kejuruteraan, Pembuatan Baju dan Jahitan, Sijil Vokasional Kebangsaan di bidang Perkeranian, Pra Diploma Kebangsaan, Diploma di bidang Pengajian Komputer dan Perniagaan dan Kewangan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Mahareja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar menyampaikan hadiah kepada graduan terbaik Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah dalam bidang Sijil Perdagangan Kebangsaan Tingkat 2, Awang Lee Koi Min. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Gunakan kemudahan, khidmat secara maksima

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

SERIA, 27 Ogos. - Pemangku Penolong Pengarah Peperiksaan, Jabatan Kenaziran Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Donnaliza binti Abdullah Puasa berkata, guru-guru dan ibu bapa serta penjaga berfungsi sebagai pembimbang, pendidik dan pemangkin pelajar-pelajar sekolah.

Oleh itu, katanya terpulanglah pada diri pelajar-pelajar itu menggunakan kemudahan dan khidmat yang disediakan secara maksima bagi kemanfaatan mereka.

Beliau berucap demikian di Peraduan Kuiz PCE peringkat akhir sekolah-sekolah rendah Daerah Belait yang diadakan di Sekolah Rendah Panaga di sini.

Beliau menambah, setiap ibu bapa dan penjaga mahukan anak mereka berjaya. Oleh itu usaha dan kerjasama dengan pihak sekolah harus terus ditingkatkan dalam menggalang keperluan fizikal, material, rohani, jasmani dan mental anak-anak mereka.

"Berunding dan bermuafakat dengan pihak sekolah demi memperluaskan lagi kesempatan dan ruang pendidikan anak-anak, berkesanggupan dan bersabar dalam sama-sama

mencari penyelesaian pada masalah pembelajaran anak-anak jika ada," tambah beliau.

Di samping keputusan

boleh belajar untuk mereka," katanya.

Mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan, tambah beliau, menjadi salah satu matlamat setiap yang terlibat dalam pendidikan, baik pihak sekolah, guru-guru, pelajar-pelajar sendiri apatah lagi ibu bapa atau penjaga serta masyarakat amnya.

"Matlamat itu hendaklah menjadi titik permulaan dan bukan titik penamat kerana banyak lagi yang perlu dilaksanakan termasuk komitmen terhadap bissnes pendidikan, keutuhan dalam menjana program pengajaran yang berkesan dan kepercayaan yang kukuh terhadap potensi hasilannya kepada anak didik," ujar beliau.

Peraduan itu merupakan projek tahunan Unit Akhlak Jabatan Ko-Kurikulum bertujuan antara lain sebagai salah satu strategi untuk membantu pelajar-pelajar mengulang kaji pelajaran sebelum menduduki Peperiksaan PCE.

Di samping itu bagi mengembangkan keyakinan diri dalam suasana peraduan, mereka juu diuji kecekapan berfikir dalam masa yang dihadkan serta diharuskan bagi memupuk semangat kerjasama dalam berpasukan dan mengratkan silaturahim di antara pelajar dan guru.

Sebanyak 13 buah sekolah rendah kerajaan di daerah itu menyertai peraduan tersebut dengan menghantar empat orang wakil termasuk seorang simpanan bagi setiap sekolah. Peringkat satringan telah diadakan pada 26 Julai lalu dan hanya tiga buah sekolah saja yang berjaya ke peringkat akhir.

Di peringkat akhir itu, setiap pelajar dikehendaki menjawab soalan dalam mata pelajaran wajib, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Geografi dengan secara bertulis. Setiap subjek disediakan 20 soalan mudah, sederhana dan susah untuk dijawab dalam tempoh 10 minit.

Johan telah disandang oleh Sekolah Rendah Panaga; naib johan, Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof dan tempat ketiga, Sekolah Rendah Muhamad Alam.



SEMANGAT berpasukan dan memiliki minda yang cerdas membolehkan para pelajar Sekolah Rendah Panaga berjaya menjual Peraduan Kuiz PCE 2001. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.



BILANGAN 40

RABU 3 OKTOBER, 2001

رابو 15 ربى 1422

PERCUMA

**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI
KETUA KAMPONG TELISAI, TUTONG**

PENDUDUK-PENDUDUK Kampung Telisai dan sekitarnya yang mempunyai kelayakan adalah dipelawa untuk menjadi calon bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Telisai dengan syarat-syarat berikut :

Kelayakan Calon Ketua Kampung :

1. Setiap calon Ketua Kampung hendaklah :
 - a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding denganannya;
 - c) Bermastautin di kampung yang akan dikeluainya tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikenakan di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut;
 - d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun pada tarikh pencalonannya;
 - e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjasakan kepentingan atau keselamatan negara;
 - f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya dilakukan oleh masyarakat kampung berkenaan;
 - g) Mempunyai perwatakan, ketekunan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemudahkan; dan
 - h) Tidak pernah dilisytiharkan muflis di bawah undang-undang yang dikuatkuasaikan di negara ini dalam tempoh 2 tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh mahkamah.
2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersaraikan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah daripada jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
4. Seorang pencadang dan 2 orang penyokong yang mencalonkan Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke U nit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Tutong.
5. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Sijil Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

Tanggagai : C. 1 EB. 2 iaitu \$1,280.00 hingga \$1,930.00

CARA MEMOHON :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati di Jabatan Daerah Tutong melalui Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung pada waktu pejabat dibuka dan hendaklah disisik mengikut apa yang dikenakan dalam borang tersebut dan borang yang tidak disi dengan lengkap tidak akan diterima. Dan Borang Pencalonan hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Tutong (UP : Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung tidak lewat 8 Syaaban 1422 bersamaan 25 Oktober, 2001 (Hari Khamis) jam 2.00 petang.

**JABATAN PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

Bilangan Tarawan : JPE/LTN/BPB/81/2001 : Tajuk Kerja : MEMBINA SEMULA MAKTAB SAINS PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA - ELECTRICAL INSTALLATION.

Tarikh tutup : 22 Oktober, 2001 hari Isnin jam 2.00 petang.

Harga Tarawan : \$1,000.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen dan Lukisan : \$162.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Kotak Tarawan, Lembaga Tarawan Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat Lapan, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8720.

Kelayakan : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas IV, V atau VI (kategori 7a & 7b) sahaja.

Dokumen-dokumen tarawan dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Perhatian : Sila bawa Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**SEKOLAH VOKASIONAL SULTAN BOLKIAH, SERIA
KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI SESI JANUARI 2002**

Bil	Nama Kursus	Kelayakan Masuk	Cara Kursus	Peringkat Kursus	Lanjutan Kursus
1	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Motor Vehicle Mechanic.	Tamat Tingkatan 3	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraf	BDTVEC Grade 2 in Motor Vehicle Mechanic.
2	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Vehicle Body Repair.	Tamat Tingkatan 3	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraf	BDTVEC Grade 2 in Vehicle Body Repair
3	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Machining.	Tamat Tingkatan 3	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraf	BDTVEC Grade 2 Machining
4	BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 in Refrigeration and Airconditioning.	Tamat Tingkatan 3	Sepenuh masa 1 1/2 tahun	Kraf	BDTVEC Grade 2 Refrigeration and Airconditioning.

PERHATIAN :

1. Pemohon-pemohon yang sedang dalam perkhidmatan sama ada dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau syarikat-syarikat swasta mestilah mendapatkan kebenaran dihadapkan melalui dan dengan sokongan Ketua Jabatan/Majikan masing-masing.
2. Borang permohonan dan keterangan lanjut bolehlah didapati daripada Pendaftar, Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Seria atau Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan, Blok C, Simpang 347, Gadong BE 1310.
3. Semua borang mestilah dikembalikan ke Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Seria tidak lewat dari jam 4.00 petang pada 5 November, 2001.
 - a. Salinan sijil-sijil persekolahan (BJCE/PMB/GCE 'O'/'N' Level and lain-lain).
 - b. Salinan Kad Pengenalan/Surat Beranak/Surat Akuan/Surat Kerakyatan.
 - c. Dua (2) keping gambar ukuran pasport.

**LEMBAGA MELESEN
PENGANGKUTAN BERMOTOR
JABATAN PENGANGKUTANDARAT**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor akan mengeluarkan kebenaran atau francais (Franchise) untuk mengusahakan perkhidmatan bas-bas sekolah seperti berikut iaitu khas untuk disewa kepada Kementerian Pendidikan bagi pengangkutan penuntut-penuntut maktab/sekolah :-

- 1.1 Daerah Belait
 - 1.1.1 Satu (1) buah jenis 45 muatan duduk
 - 1.1.2 Tiga (3) buah jenis 22 muatan duduk
- 1.2 Daerah Temburong
 - 1.2.1 Dua (2) buah jenis 22 muatan duduk
 - 1.2.2 Empat (4) buah jenis 14 muatan duduk
 - 1.2.3 Satu (1) buah jenis 8 muatan duduk
2. Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat dan koperasi-koperasi yang memenuhi syarat-syarat berikut untuk mengusahakan semua perkhidmatan bas-bas sekolah ini menurut daerah masing-masing (Syarikat-syarikat dan koperasi-koperasi dari Daerah Belait bagi perkhidmatan 1.1, daripada Daerah Temburong bagi perkhidmatan 1.2) :-
 - 2.1 Ahli-ahli syarikat/koperasi yang berkenaan hendaklah terdiri dari warga Negara Brunei Darussalam.
 - 2.2 Ahli-ahli syarikat (dikecualikan ahli-ahli koperasi) hendaklah tidak memegang sebarang jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, syarikat-syarikat atau firma-firma, sama ada bergaji bulan atau bergaji hari.
 - 2.3 Berpengalaman dan mempunyai sumber kewangan/kemampuan untuk mengendalikan perkhidmatan bas-bas sekolah seperti yang disebutkan di atas.
 - 2.4 Mempunyai pejabat dan
 - 2.5 Bengkel yang diiktiraf oleh Jabatan Pengangkutan Darat.
3. Syarat-syarat umum adalah seperti berikut :-
- 3.1 Pihak syarikat/koperasi hendaklah memberikan perkhidmatan bas sekolah menurut tempat dan kawasan yang akan ditentukan oleh Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan dan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang lainnya yang akan ditetapkannya nanti. Penerangan lanjut tentang perkara ini boleh didapati di Pejabat Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.
- 3.2 Dalam pengendalian perkhidmatan bas sekolah ini, pihak syarikat/koperasi hendaklah memastikan keselamatan dan keselesaan penumpang-penumpang (penuntut-penuntut) dan lain-lain pengguna jalan raya serta menurunkan dan menaikkan penumpang-penumpang di perhentian bas yang telah disediakan dan juga di tempat-tempat yang selamat (jika perhentian bas belum ada atau disediakan).
- 3.3 Pihak syarikat/koperasi hendaklah memastikan bahawa bas-bas sekolah itu akan dipandu oleh permandu-permandu yang berkemahiran dan mempunyai kelayakan memandu yang dilakukan sah oleh Jabatan Pengangkutan Darat dan memastikan permandu-permandu itu sentiasa bertolak ansur dan memberi perkhidmatan dengan perlu sopan santun.
- 3.4 Pihak syarikat/koperasi hendaklah menyediakan kelendong (bas conductor) yang cepak dan berbudi bahasa bagi setiap bas yang digunakan.
- 3.5 Pihak syarikat/koperasi hendaklah menggunakan jenis bas yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dari jenis 8, 14, 22 dan 45 penumpang. Bas tidak dibenarkan menggunakan 'folding seats'.
- 3.6 Bas-bas itu hendaklah berhawa dingin (airconditioned).
- 3.7 Bas-bas itu hendaklah berwarna yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat sebagai warna khusus bagi bas sekolah.
- 3.8 Pihak syarikat/koperasi hendaklah memastikan perkhidmatan bas-bas sekolah itu berjalan dengan lancar dan teratur termasuk penyediaan perkhidmatan 'back up', yang serta-merta jika bas-bas sekolah itu tidak dapat menjalankan perkhidmatannya disebabkan oleh kerosakan dan sebagainya.
- 3.9 Pihak syarikat/koperasi adalah bertanggungjawab dalam memastikan semua basnya dalam keadaan selamat dan berkelayakan mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.
- 3.10 Pihak syarikat/koperasi hendaklah mematuhi syarat-syarat pengeluaran francais bagi perkhidmatan bas-bas sekolah ini yang akan ditetapkan oleh Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor nanti dan Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor adalah berhak untuk mengadakan syarat-syarat.
- 3.11 Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor berhak menarik balik francais yang telah diberikan tanpa memberi sebarang tempoh atau notis jika berlaku sebarang kejadian di pihak syarikat/koperasi terhadap syarat yang disebutkan di atas dan
- 3.12 Tawaran-tawaran untuk mengusahakan perkhidmatan bas-bas sekolah ini hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor, ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Kampong Berbi Jalan Gadong, BE 1110, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 24 Oktober, 2001 jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
4. Tawaran-tawaran hendaklah disertakan dengan perkara-perkara berikut :-
- 4.1 Borang MTLA 6 'Permohonan untuk mendapatkan permit bas sekolah' yang boleh didapati di ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Kampong Berbi Jalan Gadong. Borang itu hendaklah diisi dengan lengkap dan catatkan juga dengan jelas di No. 7 dalam borang itu tentang perkhidmatan yang dikehendaki misalnya perkhidmatan 1.1 atau 1.2 dan seterusnya. Selain daripada itu, catatkan juga kod pengeluaran tawaran '39/MTLA/6/98'. di muka 1 sebelah atas kanan borang yang berkenaan.
- 4.2 Salinan sijil pendaftaran "Business Names Act (Section 16)" dan "Business Names Act, Cap 92 (Section 17)" atau "Memorandum and Articles of Association" dan "List of Directors" (bagi syarikat) atau sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerajanan Koperasi (bagi Koperasi).
- 4.3 Salinan kad-kad pengenalan pemilik-pemilik/pemegang-pemegang saham. Sebagai syarat tambahan bagi koperasi, seratakan juga senarai ahli-ahli yang mana hendaklah mengandungi nama dan alamat, nombor kad pengenalan dan umur mereka.
- 4.4 Bukti kemampuan kewangan.
- 4.5 Satu kertas kerja yang komprehensif menunjukkan pengendalian perkhidmatan bas-bas sekolah yang ditawarkan dan Bayaran cagaran sebanyak \$100.00 semasa menghadapkan tawaran.



JAWATAN KOSONG DI WORLD INTELLECTUAL PROPERTY ORGANIZATION (WIPO)

No	Jawatan	Tempat	Gaji Setahun	Tarikh Masuh Permohonan
1	Editor	PCT Legal Publishing Section PCT Legal Division Office of the PCT	US \$49,756	24 Oktober, 2001
2	Head	WMO Building Project Section Buildings Division	US \$49,756	24 Oktober, 2001
3	Senior Patent Classification Officer	International Patent Classification Section Office of the PCT	US \$59,255	24 Oktober, 2001
4	Translator	PCT Translation Section I PCT Administration Department Office of the PCT	US \$49,756	22 Oktober, 2001
5	Translator	PCT Translation Section II PCT Administration Department Office of the PCT	US \$49,756	22 Oktober, 2001
6	Translator (4 posts)	PCT Translation Section II PCT Administration Department Office of the PCT	US \$49,756	22 Oktober, 2001
7	Assistant Translator (3 Posts)	PCT Translation Section II PCT Administration Department Office of the PCT	US \$49,756	18 Oktober, 2001
8	Senior E-mail Administrator	Network Services Unit IT Infrastructure Section IT Services Division	US \$59,255	24 Oktober, 2001
9	Assistant Publication Officer	PCT Publication Section PCT Operations Department Office of the PCT	US \$41,253	18 Oktober, 2001
10	Assistant Officer (Public Relations)	Office of Global Communication and Public Diplomacy (Television and Multimedia Production).	US \$41,253	18 Oktober, 2001

Syarat Asas:

- Mempunyai kelulusan, ijazah atau sijil di bidang berkaitan.
- Berkbolehan bercakap dalam bahasa Inggeris dan Perancis adalah satu kelebihan.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

Jabatan Ekonomi Berbagai Hala, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan BD 2710, Negara Brunei Darussalam.

No. telefon: 02-261177 sambungan 176/221, No. faks: 02-262480, atau hubungi langsung kepada Engagement Section WIPO 34, Chemin des Colombettes, 1211 Geneva 20, Switzerland. Faks: +41-22-739.57.72 WIPO website : www.wipo.int

PERSIDANGAN ANTARABANGSA DALAM KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI BRUNEI 2001

Bermula 9hb hingga 11 hb Oktober 2001
Bertempat : Centrepoint Hotel, Gadong



BEIJING INSTITUTE OF
ENGINEERING AND TECHNOLOGY

Bersiaran pendaftaran untuk BICET 2001

Peserta Tempatan

**Pendaftaran Awal	Pendaftaran selepas 15 hb September 2001	Pendaftaran
BND\$ 100	BND\$ 120	BND\$ 60

- Dikurangkan sebanyak 20% bagi setiap kumpulan peserta sejumlah 10 orang.
- Bayaran pendaftaran ini termasuk bilangan dan maklum tentang hasil.
- Bayaran pendaftaran ini termasuk juga perlindungan insurans. Bayar selepas peserta.

• Sila hubungi untuk maklumat dan pertanyaan lanjut.

BICET Secretariat
Institut Teknologi Brunei
Tungku Link, Gadong BE1410
Brunei Darussalam
Tel: 249020 ext. 1230/1 & 1225/6
Fax: 249036



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/RC/79 VOL III : PERKHIDMATAN BAGI PEMELIHARAAN SISTEM KOMPUTER APPLE MACINTOSH (KONTRAK 3 TAHUN). Bayaran Tawaran : \$10.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 22 Oktober, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran, Jabatanan Kewangan dan Perbekalan Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 22 Oktober, 2001, hari Isnin jam 10.30 pagi.
 a) Wang bayaran tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatanan Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
 b) Wang bayaran "Tender Fees" pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.
 c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
 d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan nombor dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan.

BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : (68) BKN/S/65/95 J. 5

Tajuk : MEMBEKALKAN SEBUAH BOT

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan di dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 15 Oktober, 2001.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan bolehlah diperoleh dari pada Unit Pentadbiran Operasi, Bahagian Pentadbiran, Biro Kawalan Narkotik, Jalan Tunku Gadong, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh tersebut di atas tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.

No. 161/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dayang Hajah Radiah binti Haji Abd. Rauf @ Rauf kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Awang Haji Harun bin Haji Abd. Rahman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati. Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Oktober, 2001 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 25 September, 2001.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesila yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

DI DALAM
MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN

No. 206/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mahmood bin Mumin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Mumin bin Baha yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Oktober, 2001 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 25 September, 2001.

PERATURAN PENGIKLANAN
DI PELITA BRUNEI

- Iklan hendaklah dalam bahasa Melayu dengan menggunakan ejaan baru.
- Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca. Saiz font yang digunakan ialah antara 9 hingga 12 point.
- Penghantaran iklan dalam disket komputer adalah sangat dialu-alukan dan disyorkan menggunakan Microsoft Word. Disket yang sudah selesai penggunaannya boleh diambil semula.
- Iklan hendaklah sampai ke alamat seperti di-nyatakan di bawah ini sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki (bagi yang tidak menggunakan disket).
- Mana-mana kementerian atau jabatan yang menghantar iklan mereka dengan menggunakan disket, disket tersebut hendaklah sampai kepada alamat di bawah seminggu sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki.
- Rang iklan hendaklah dialamatkan atau dihantar kepada : Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510, Negara Brunei Darussalam. Tel : 02-383804, Faks : 02-381004 atau 02-380507.
- Walau bagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
- Iklan-iklan yang tidak mematuhi peraturan ini tidak akan dilayan.

- PENGARAH PENERANGAN.



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 60/1999
BUTIR TRANSPORT SDN BHDPemilutang Penghakiman/Pemetsiyen
LAWAN
MOHD. ZAINI BIN ABDULLAH @ PIUS (BGIC NO. 175925).....Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 19 Ogos, 1999.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Mohd. Zaini bin Abdullah @ Pius, No.7, Simpang 238, Kampong Sinarbai, Jalan Bengkukong Masin, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Permohonan : 28 Jun, 1999.
- Semua si piutang-si plutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.
- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 11 September, 2001.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 170/1999

THE ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHADPemilutang Penghakiman/Pemetsiyen
LAWAN

HAJAH SERINAH BINTI ISMAIL @ YANAK (BYIC NO. 021640).....Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 Oktober, 1999.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Hajah Serinah binti Ismail @ Yanak, No. 33, Simpang 74-55, Kampong Mata-Mata, Gadong, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Permohonan : 6 September, 1999.
JABATAN IMIGRESEN - Borhan Bin Haji Abdul Kadir, k/p 263621 K; Ak Sunny Bin Pg Haji Ahmad, k/p 277132 K; **JABATAN KERJA RAYA** - Awg Shamsul Binti Haji Chuchu, k/p 121091 K; Hj Mat Zin Bin Haji Tuah, k/p 059304 K; Hj Mohd Ramlee Bin Hj Duraman, k/p 076457 K; Mustapa Bin Yakub, k/p 064953 K; Zaraini Bin Abd Kahan, k/p 128679 K; Siti Jamilah Binti Haji Lamit, k/p 122827 K; Haji Roslan Bin Haji Omar, k/p 077910 K; Nor Azizah Binti Haji Ibrahim, k/p 250895 K; Norzaini Bin Haji Muhammad, k/p 125658 K; Hj Bogabang Bin Hj Mayalin, k/p 110959 K; Hajah Siti Rahmah binti Haji Zainal, k/p 071411 K; Haji Takong Bin Haji Mahrop, k/p 045302 K; **JABATAN PERDANA MENTERI** - Muhammad Fahmi Bin Husin, k/p 258821 K; Haji Osman Bin Haji Mohd Jidin, k/p 256713 K; Sharin Bin Awang Haji Duraman, k/p 270663 K; Shahrinah Binti Haji Samsudin, k/p 252907 K; Hj Hadijah Binti Awg Md Nor, k/p 264798 K; Awang Azis Bin Mat Ali, k/p 275063 K; Awang Azme Binti Haji Jalilah, k/p 251778 K; **KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN** - Md Abu Sofian Bin Md Ali Noordin, k/p 114754 K; Md Idris Bin Damit, k/p 005342 K; **KEMENTERIAN PERTAHANAN** - Ahad Bin Uda, k/p 061686 K; Fadzil Bin Haji Mohammad Yaakub, k/p 125949 K; **JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI** - Haji Zuklipi Bin Haji Abidin, k/p 255232 K; Ak Samsul Rezaiz Malek Faesal bin Pg Hj Merali, k/p 258843 K; Azahari Bin Ahmad, k/p 262485 K; Koh Nai Wei, k/p 318868 K; **KEMENTERIAN KEWANGAN** - Haja Jurina Binti Haji Lamit, k/p 078157 K; Hajah Juruanah Binti Damit, k/p 250197 K; **JABATAN LAUT** - Nordin Bin Haji Besar, k/p 123854 K; Haji Moddin Bin Ibrahim, k/p 075404 K; Awg Ladi Bin Haji Jali, k/p 250271 K; **JABATAN PERANCANGAN & KEMAJUAN EKONOMI** - Junidah Bin Haji Othman, k/p 119782 K; Rosmaya Binti Mohammad Yacob, k/p 253058 K; Rorita Binti Hj Ja'afar, k/p 111088 K; Azarina Bte Saleheen, k/p 282948 K; **JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK** - Ak Muhammed Amir Bin Pg Hj Tahir @ Pg Hj Besar, k/p 266885 K; Mohamad Riza Bin Ahmed, k/p 257929 K; Awang Rudy Amsyari Bin Awg Haji Bujang, k/p 277877 K; Sahri Bin Saban, k/p 112875 K; Mohd Said Bin Daud, k/p 070290 K; **JABATAN MUSIIMUZJUM** - Dyz Hj Nor Kamar Bte Awg Hj Murah, k/p 128689 K; Awang Abdulla Bin Awang Ajak, k/p 048690 K; k/p Norezam Binti Budin, k/p 257250 K.

9 OKTOBER, 2001 (HARI SELASA)

JABATAN PENTADBIRAN & TENAGA MANUSIA - Awangku Zulmen Bin Pg Hj Ahmad, k/p 272002 K; k/p Muhamad Hamizan Bin Mohd Zainin, k/p 264113 K; Norisah Binti Haji Bini, k/p 263580 K; Shahroon Bin Jumat, k/p 271109 K; Haji Wahab Bin Haji Jaina, k/p 078323 K; Muhamad Khirul Azmi Bin Haji Saleh, k/p 267989 K; **KEMENTERIAN PENDIDIKAN** - Yugit Bin Daun, k/p 038709 K; Haji Mohamad Bin Haji Jumat, k/p 124900 K; Dk Jonainah Binti Pg Manshor, k/p 069656 K; Hj Mohamad Bin Hj Mataras, k/p 120482 K; Dz Salma Bte Pg Hj Ahmad, k/p 053061 K; Hj Mohamad Khirul Anuar Bin Hj Omar, k/p 06502 K; Wasini Bin Haji Shahadan, k/p 120632 K; Dayang Siti Norana Bte Hj Awg Metusin, k/p 128849 K; Latifah Binti Haji Suhaili, k/p 061820 K; Muhamad Alipullah Bin Haji Abdullah, k/p 276907 K; Nuhari Bin Awg Saleh, k/p 271089 K; Hajah Napisa Binti Haji Muhamad, k/p 265339 K; Sabtu Bin Haji Wahid, k/p 071830 K; Pg Hajah Zabaidah bte Pg Kahar, k/p 026079 K; Masrina Binti Haji Abd Karim, k/p 258823 K; Abdul Hamid Bin Haji Yahya, k/p 274990 K; Ak Hami Osmera Bin Pg Haji Osman, k/p 250530 K; Hajah Mardiana Binti Haji Yahya, k/p 269166 K; Sarahah Binti Haji Awang Saleh, k/p 270059 K; Sazali Bin Haji Muhammad, k/p 114316 K; Dayang Siti Norana Binti Hj Awg Metusin, k/p 128849 K.

JABATAN PENERBANGAN AWAM - Siti Kartini Binti Mohammad, k/p 259141 K; Ak Md Tahirudin Bin Pg. D.P. Hj Metusin, k/p 255823 K; Mohammad Khairul Bin Damit, k/p 277004 K; Haji Sukaimi Bin Haji Muhammad, k/p 269954 K; Rina Anak Sumbang, k/p 064960 K; **JABATAN PENGANGKUTAN DARAT** - Asmady Bin Haji Abdullah, k/p 067950 K; **JABATAN PENJARA** - Abdul Hadi Bin Haji Ali/Peri, k/p 279320 K; Haji Bahrom Bin Haji Buntar, k/p 128253 K; Zunaiddah Binti Besar, k/p 116883 K; Badariah Binti Haji Duraman, k/p 116094 K; Kwa Kien Sin, k/p 255995 K; **JABATAN PERCETAKAN** - Minah Binti Yusof, k/p 042580 K; Junaidi bin Awang Ibrahim, k/p 269842 K; Marinah Binti Hj Ghani, k/p 268506 K; Ak Mohamad Faizal Pg Jay, k/p 281670 K; **JABATAN PERHUTAN** - Muhammed Saffwan Bin Abdullah Bibi, k/p 129802 K; **JABATAN PERIKANAN** - Masdie Bin Haji Pungut, k/p 261945 K; Abd Halim Bin Durahim, k/p 113105 K; **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM** - Hajah Norzanah Binti Awg Haji Ahmad, k/p 060032 K.

10 OKTOBER, 2001 (HARI KHAMIS)

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM - Mejanun @ Noralqiqah Binti Haji Idris, k/p 255684 K; Maryah Binti Haji Sumari, k/p 262145 K; Nor Hardi bin Hj Mohammad, k/p 264552 K; Rohani Binti Iml, k/p 284636 K; **JABATAN PERTANIAN** - Muhamad Zallidi bin Abu Bakar, k/p 266145 K; **KEMENTERIAN KESIHATAN** - Norinrasari Binti Hj Mohd Zahari, k/p 262267 K; Mariani Binti Haji Matayissen, k/p 270959 K; k/p Sembran Bin Tuah, k/p 075516 K; Shuhif Bin Salleh, k/p 260042 K; Murah Bin Hj Timbang, k/p 051429 K; Awg Muhammadi Bin Awg Haji Mukiah, k/p 267030 K; Dayang Suriati Binti Haji Khamis, k/p 258866 K; Zaki Bin Amat Daud, k/p 123737 K; Artini Binti Hassan, k/p 251276 K; Awang Roslan Bin Awg Mohammad, k/p 125781 K; Dy Saadah Bte Yaakub, k/p 048179 K; Zauyah Binti Haji Mohammad @ Haji Dal, k/p 061111 K; Asmin Bin Haji Baba, k/p 266046 K; Norzalim Bin Haji Ibrahim, k/p 110963 K; Saedah @ Sakdiah Bte Haji Bakar, k/p 069187 K; Jali Bin Md Nor, k/p 111132 K; Norlida Binti Hj Abd Rahman, k/p 272442 K; Siti Radiah Binti Haji Adil, k/p 250196 K.

Osman Bin Hj Duraman, k/p 123247 K; Sumardi Bin Omar, k/p 118251 K; **IBU PEJABAT POLIS DIRAJA BRUNEI** - Muhamad Khairul Arifin bin Abdullah, k/p 126724 K w/c 1725; Mohd Yusof bin Abdullah @ Billy Anak Ujang, k/p 318073 K; Mohamad Saiful Bakri bin Awg Haji Bakar, k/p 274856 K; Dayang Afniyah Binti Abdullah, k/p 075670 K; Abdul Aziz Bin Haji Merali, k/p 276244 K w/c 3802; Zamliah Binti Haji Idris, k/p 019763 K; Ak Mustafis Bin Pg Arshad, k/p 117793 K; Zakeria Bin Jaiper, k/p 080701 K; Suli Bin Awang Dahlia, k/p 266110 K w/c 3611; Haji Daimun Bin Pengaraha Haji Basri, k/p 271562 K; Sahrien Binti Haji Omar, k/p 272441 K w/c 3616; Ibu Yazid Bin Haji Ali, k/p 257650 K; Asri bin Ibrahim, k/p 272797 K; Hj Juilhi Bin Junaidi, k/p 260732 K; Pawish Anak Datu, k/p 127265 K; Daud Bin Haji Lait, k/p 115394 K; Hj Jasmin Bin Hj Moris, k/p 262246 K W/C 3117; Siti Roosnah Binti Haji Maidin, k/p 057708 K; Haji Ismaidee Binti Hj Ismail, k/p 255556 K; Ak Safajaya bin Pg Hj Ali, k/p 254619 K; Zaman Bin Hj Untong, k/p 072886 K W/C 1744.

11 OKTOBER, 2001 (HARI SABTU)

IBU PEJABAT POLIS DIRAJA BRUNEI - Ak Sharani Bin Pg Nordin, k/p 263769 K; Jebrin Bin Jais, k/p W/C 2620; Muhamad Nor Idris bin Abdul Molti, k/p 122587 K; Bahrin Bin Jaludin, k/p 266325 K; Mohamad Jeffry Bin Yusoff, k/p W/C 3190; Mumri Bin Gapar, k/p 266096 K; Dina Anak Sedau, k/p 256632 K W/C 3627; Azeman Bin Taim, k/p 256825 K; Hj Mudin Bin Hj Ali, k/p 259653 K; Mohammad Arifin Bin Hj Norsalam, k/p 274477 K; Haji Hassan Affendi Bin Haji Putra, k/p 260989 K; Ak Kamarudin Bin Pg Hj Md Tahir, k/p 127737 K; Rata Anak Siangin, k/p 121631 K; Norzaini Binti Haji Abd Karim, k/p 258154 K; Abdul Sukor Bin Haji Abd Latif, k/p 115529 K W/C 3452; Jupprinda Bin Haji Bakar, k/p 269688 K W/C 3693; Razulain Bin Haji Abd Samad, k/p 262464 K; Mohammad Armazionon Bin Abu Bakar, k/p 120018 K; **JABATAN PERKHIDMATAN POS** - Awg Hj Saifulzal bin Hj Awg Hamid, k/p 128307 K; Mormah Binti Nalik, k/p 069929 K; Md Noor Bin Hj Yusoff / Yusuf, k/p 076236 K; **JABATAN PUSAT SEJARAH** - Dz Zahra binti Pg Ahmad, k/p 255736 K; **JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI** - Muhamad Said Bin Haji Rosli / Rusli, k/p 261638 K; Muhamad Sukri Bin Othman, k/p 250318 K; Noraini Binti Haji Ghani, k/p 250175 K.

Hajah Sarimah Binti Haji A. Tamir, k/p 069924 K; Haji Muhamad Ali Tahkin Bin Haji Sungguh, k/p 261787 K; Hj Norlida Binti Hj Yusof, k/p 057263 K; Hassan Bin Haji Samsu, k/p 265982 K; Suhardi bin Abdullah, k/p 281246 K; Shaltzin Bin Akim, k/p 258179 K; Muhamad Yusoff Bin Hj Saleh, k/p 266945 K; Ak Muhamad Shahrin Bin Pg Hj Ismail, k/p 265654 K; **JABATAN SURAHJANYA PERKHIDMATAN AWAM** - Muhamad Hasli Bin Haji Ladis, k/p 263488 K; Ellymawati Binti Umar / Abdullah, k/p 276910 K; Sahrimoi Himadri Bin Haji Sharbin, k/p 269908 K; **JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA** - Khairul Somarin Bin Abdul Latip, k/p 128320 K; **JABATAN TELEKOM** - Ali Mutalib Bin Moksin, k/p 123036 K; Daud Bin Haji Ibrahim, k/p 114446 K; Zainal Abidin Bin Tuah, k/p 050812 K; **JABATAN TANAH** - Erwan Bin Sawal, k/p 271306 K; Darussanna Bin Haji Abu Manaf, k/p 263257 K; Madihah Binti Haji Ja'afar, k/p 062738 K; **JABATAN UNIT PETROLEUM, JPM** - Awang Abdul Aziz Bin Pg Hj Mohammad Taha, k/p 117390 K; Sawdi Bin Haji Jamaie, k/p 306506 K.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

JUALAN LELONG
ADALAH dengan ini diberi Notis iaitu bahawa Jualan Lelong bagi tiga (3) buah kenderaan akan diadakan pada 24 Oktober, 2001, hari Rabu, Jam 9.00 pagi bertempat di Kawasan Bahagian Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang -
Jualan Lelong ini ada mempunyai beberapa syarat :
i. Pembeli yang berjaya akan dikehendaki membayar secara tunai bagi memudahkan dan memudahkan barang-barang yang cibaikan tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
ii. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
iii. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tujuh (7) hari dari perlongan ini akan dirampas dan dilelong semula.

Keterangan Benda	Tempat Lelong	Tarikh/Masa
1. TOYOTA COROLLA SWAGON	Kawasan Bangunan Bahagian Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang,	
2. TOYOTA COASTER BUS 26-SEATER	Jabatan Penerbangan Awam	Hari Rabu 24 Oktober, 2001 jam 9.00 pagi
3. TOYOTA COASTER MINI BUS		



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

PENGUMUMAN

ADALAH dimaklumkan kepada nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk menangkap ikan bahawa lesen-lesen perikanan bagi tahun 2002 hendaklah dibaharu mulai 1 Oktober, 2001 hingga 31 Disember, 2001. Untuk maksud ini nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk menangkap ikan bolehlah mendapatkan lesen-lesen mereka di tempat-tempat dan waktu-waktu seperti berikut :

	Tempat	Hari/Waktu
1	Pejabat Perikanan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan.	Isnin - Khamis - Sabtu 8.00 - 11.30 pagi 1.30 petang - 3.00 petang.
2	Stesen Perikanan Muara	Isnin - Khamis - Sabtu 8.00 - 11.30 pagi 1.30 petang - 3.00 petang.
3	Pusat Perikanan Belait	Isnin - Khamis - Sabtu 8.00 - 11.30 pagi 1.30 petang - 3.00 petang.
4	Pejabat Perikanan Tutong	Isnin - Khamis - Sabtu 8.00 - 11.30 pagi 1.30 petang - 3.00 petang.
5	Pejabat Perikanan Temburong	Isnin - Khamis - Sabtu 8.00 - 11.30 pagi 1.30 petang - 3.00 petang.

Sayugia diingatkan kepada nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk menangkap ikan bahawa lesen-lesen yang sah adalah dikehendaki di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan Perikanan, Penggal 61. Sesiape yang didapati sabit kesalahannya kerana mengusahakan penangkapan ikan tanpa lesen-lesen berkenaan yang sah akan diambil tindakan di bawah akta tersebut.

Adalah juga diingatkan kepada semua pemohon supaya akan membawa :

1. Salinan kad pengenalan pemohon dan pembantu;
2. Bagi pemohon baru hendaklah disertakan satu keping gambar warga yang berukuran pasport bagi setiap pemohon dan pembantu;
3. Salinan Lesen Buruh dan Borang Bur 500/Bur 555 serta pasport pekerja asing (bagi pemohon yang menggunakan pekerja asing).

**PENGAMBILAN PENUNTUT-PENUNTUT BARU
PENGAMBILAN KE-13 BAGI MENGIKUTI
KURSUS NTC 3 HEAVY CONSTRUCTION
MACHINERY MECHANICS DI PUSAT
LATIHAN MEKANIK, KG. TUNGKU,
GADONG SESI JANUARI 2002**

Nama Kursus	Kelayakan/Masuk	Tempoh Kursus
BDTVEC NTC3 in Heavy Construction Machinery Mechanics	Tamat Pengajian Tingkatan Tiga atau Kelulusan yang sebanding dengannya. Lulus Ujian Bertulis.	(18 bulan 3 Semester)
	Lulus temu duga	

Perhatian :

PEMOHON-PEMOHON hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang sedang dalam perkhidmatan sama ada dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau syarikat-syarikat swasta mestilah mendapatkan kebenaran daripada pihak yang berkenaan dan borang permohonan mestilah dihadapkan melalui Ketua Jabatan/Majikan masing-masing dengan menyertakan surat sokongan.

Borang permohonan dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Pusat Latihan Mekanik, Kampong Tungku, Gadong.

Semua borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke Pusat Latihan Mekanik, Kampong Tungku, Gadong bersama salinan sijil-sijil persekolahan tidak lewat dari hari Rabu 17 Oktober, 2001 jam 4.00 petang.



**JABATAN BANDARAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran : BBSB/LTN/10/2001

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
 2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pengirim. Dengan menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terdapat di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710 dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam. Nama Tawaran : PENYEWAAN RUANG KEDAI DI BANGUNAN LETAK KERETA BERTINGKAT JALAN CATOR, BANDAR SERI BEGAWAN (BEKAS RUANG POS PENGAMBILAN ABDB). Bilangan Tawaran : BBSB/LTN/10/2001. Tarikh tutup : hari Isnin 8 Oktober, 2001 jam 2.00 petang. Bayaran memasuki tender ialah sebanyak \$100.00 dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran hendaklah dibayar di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran, Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Burmiputra, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
 3. Syarat-syarat tawaran :-
 - i. Pemborong-pemborong mestilah menyatakan kadar sewa bulanan kerana menggunakan ruang tersebut.
 - ii. Pemborong-pemborong yang berjaya adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjelaskan segala tuntutan air dan api elektrik yang digunakan.
 - iii. Pemborong-pemborong yang berminat bolehlah melihat keadaan ruang berkenaan.
 - iv. Pemborong-pemborong yang berjaya akan menjalankan Perkhidmatan Kedai bagi tempoh tiga (3) tahun mulai tarikh perjanjian ditandatangani.
 4. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak akan dilayan.
 5. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.
- Perhatian : Pemborong-pemborong yang menghantar tawaran hendaklah menyertakan bersama salinan Sijil Perniagaan (Business Names of Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Syarat-Syarat Tawaran:

- DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Bangunan Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan semasa waktu bekerja.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan, dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan diberikan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710.
 - a) Tawaran yang mempunyai rujukan bilangan tawaran KK/49/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin, 8 Oktober, 2001.
 - b) Tawaran yang mempunyai rujukan bilangan tawaran KK/TK/91/2001 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin, 8 Oktober, 2001.
 3. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
 4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran yuran tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.30 petang.
 5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
 6. Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :
- Sijil Perniagaan yang masih Sah Laku.

TAWARAN-TAWARAN BIASA

Bilangan Tawaran : KK/49/2001 : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR HIV KITS UNTUK VIRAL SEROLOGY LAB, SCIENTIFIC LAB SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR THREE (3) YEARS TERM CONTRACT. Yuran Tawaran: \$200.00.

TAWARAN-TAWARAN KECIL

Bilangan Tawaran : KK/TK/91/2001: THE MANAGEMENT AND OPERATION OF CAR PARK OF RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL. Yuran Tawaran: \$100.00.



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

No. Projek : JTB/NE/IS/DESIGNS/2001/3

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal. Tawaran ini adalah bagi EXPANSION OF DESIGNS TO MDFS.
2. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan : JTB/NE/IS/DESIGNS/2001/3 - EXPANSION OF DESIGNS TO MDFS tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 22 Oktober, 2001 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Spesifikasi tawaran boleh didapati daripada Unit Pendaftaran Pemborong & Pengeluaran Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Perkhidmatan Korporat, Jabatan Telekom Brunei, Tingkat 2, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam setelah menjelaskan pembayaran yuran tawaran berjumlah \$100.00 (tidak dikembalikan). Sebarang pertanyaan mengenai tawaran berkenaan boleh juga di e-mel ke datacenter@telecom.gov.bn.
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau terentu.
5. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

KENAICKAN HAD KIRIMAN WANG

DIMAKLUMIKAN kepada pegawai dan kakitangan jabatan ini bahawa had perkhidmatan kiriman wang ke negara-negara yang disenaraikan adalah seperti berikut :

NEGARA	HAD ASAL	HAD BARU
THAILAND	\$ \$ 400.00	\$ \$ 3,000.00
FILIPINA	\$ \$ 400.00	\$ \$ 3,000.00
SINGAPURA	\$ \$ 400.00	\$ \$ 2,000.00



**JABATAN
PELABUHAN-PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JP/SH 14/2001

Nama Tawaran : MENYEWA, MENGURUS DAN
MENJALANKAN PERKHIDMATAN KANTIN
JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN, MUARA

Syarat-Syarat Tawaran :

1. DOKUMEN tawaran bolehlah didapati di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa waktu pejabat dibuka dengan menyertakan bayaran sebanyak \$20.00 (tidak dikembalikan).
2. Tawaran hendaklah dikembalikan di alamat berikut : Pengerusi, Jawatankuasa Sebutharga, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Muara BT 1728, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Selasa 9 Oktober, 2001 jam 2.00 petang.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang telah ditetapkan.)
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihartar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembangunan Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
- Cagarau tawaran bagi : i) Kelas VI - \$5,000.00/\$10,000.00 ii) Kelas V - \$1,000.00 iii) Kelas IV - \$500.00 iv) Kelas III - \$200.00; v) Kelas II - \$100.00; vi) Lukisan - \$100.00.
- Cagarau tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemberong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar cagarau adalah seperti yang ditetapkan di iklan tawaran.
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemberong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemberong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar dokumen tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
- Tawaran-tawaran mestilah dihartar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2001/T/3032 : JPPK/LTN/32/2001/NSC/1 : PROPOSED RENOVATION TO 'F' QUARTERS BLOCK NO. F11 & F12 AT JALAN ABU BAKAR BERAKAS GARISON - ELECTRICAL INSTALLATION NOMINATED SUB-CONTRACT. Wang cagarau : \$200.00. Wang Bayaran Tawaran : \$20.00 (tidak dikembalikan). Kelas : II, III dan IV. Kategori : 7a & 7b. Tempoh Penyiapan Kerja : In-Line With Main Contract.

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 22 Oktober, 2001. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi daripada Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan Blok 150, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 19 Oktober, 2001, hari Jumaat jam 10.30 pagi.
- b) Wang bayaran tawaran 'Tender Fees' dan 'Tender Deposit' hendaklah dibayar secara tunai di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
- Waktu bagi menerima bayaran : Isnin - Kamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi 2.00 petang - 3.30 petang dan Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
- c) Wang bayaran Tawaran 'Tender Fees' dan 'Tender Deposit' pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang dilkankan.
- d) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- e) Tawaran-tawaran hendaklah dihartar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatkan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang dilkankan. Contoh-contoh atau katalog asal yang berkaitan dan bersesuaian dengan jenis tawaran yang dilkankan mestilah dihartar ke Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 150, Kementerian Pertahanan, Garison Bolkiah BB 3510, Negara Brunei Darussalam sehingga hari Jumaat tidak lewat jam 4.00 petang pada minggu yang sama.

DIBUKAKAN kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dalam kelas III, IV & V di kategori 4(a) sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang hari Sabtu : 6 Oktober, 2001. Tarikh Tutup hari Isnin 8 Oktober, 2001.

BIL : JKR/DBSBM 040/2001 : MEMBAIKI DAN MENGECHAT SEMULA 20 UNIT BLOK 1 DI KONDOMINIUM SEJAHTERA ANGGEREK DESA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

No. Projek : 2001DBSBM/KEW 05. Cagarau Tawaran : \$500.00. Bayaran Dokumen : \$125.00.

DIBUKAKAN kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dalam kelas III, IV & V di kategori 4(a) sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang hari Sabtu : 6 Oktober, 2001. Tarikh Tutup hari Isnin 8 Oktober, 2001.

BIL : JKR/DBSBM 041/2001 : MEMBAIKI DAN MENGECHAT SEMULA 16 UNIT BLOK 2 DI KONDOMINIUM SEJAHTERA ANGGEREK DESA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

No. Projek : 2001DBSBM/KEW 06. Cagarau Tawaran : \$500.00. Bayaran Dokumen : \$125.00.

DIBUKAKAN kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dalam kelas II & III di kategori 3 sahaja.

Hingga Jam: 2.00 petang hari Isnin 4 Oktober, 2001. Tarikh Tutup hari Isnin 8 Oktober, 2001.

BIL : JKR/DBSKB040/2001 : PEMBEKALAN AIR PEDALAMAN - FASA VI (KG. BIADONG ULU).

Nombor Projek : AWB17/0031. Cagarau Tawaran : \$100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$25.00.

DIBUKAKAN kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dalam kelas II, III dan IV dan kategori 4(C).

Hingga Jam: 2.00 petang hari Khamis 18 Oktober, 2001. Tarikh Tutup hari Isnin 22 Oktober, 2001. (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGANAN).

BIL : JKR/DOR/SRM 059/2001 : PEMOTONGAN RUMPUT DAN PENGUTIPAN SAMPAH DI SEPANJANG JALAN ZON 9, DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH DUA TAHUN.

Cagarau Tawaran : \$200.00. Bayaran Dokumen Tawaran : \$50.00 (tidak dikembalikan).


**JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**
**BANCI MAJIKAN/PEKERJA, KADAR GAJI PENDAPATAN
DAN JAM-JAM BEKERJA BAGI TAHUN 2001**

SUKACITA dimaklumkan bahawa Jabatan Buruh sedang mengadakan Banci Majikan/Pekerja, Kadar Gaji Pendapatan dan Jam-Jam Bekerja bagi tahun 2001.

Sehubungan dengan itu, diminta kerjasama majikan-majikan yang berdaftar dengan jabatan ini supaya akan dapat memberikan maklumat terkini bagi semua pekerja-pekerja di bawah tanggungan mereka sehingga 30 Oktober, 2001.

Bahagian Kajian dan Perancangan ingin mengingatkan kepada semua majikan bahawa Banci Majikan/Pekerja, Kadar Gaji Pendapatan dan Jam-Jam Bekerja adalah mengikut Peruntukan Akta Maklumat Pekerjaan 1974 Bab 99 Seksyen 3 (1). Banci ini dimestikan bagi semua majikan-majikan kecuali yang menggaji pekerja asing bagi tujuan perkhidmatan persendirian rumah tangga (amah). Bagi yang belum mendapatkan borang, bolehlah mengambilnya di Tingkat 5, Bahagian Kajian dan Perancangan, ibu pejabat Jabatan Buruh atau di cawangan daerah yang berhampiran.

Borang-borang yang lengkap hanya akan mula diterima selepas 30 Oktober dan hendaklah dikembalikan sebelum atau pada 30 Oktober, 2001. Bagi majikan-majikan yang menggunakan disket, setiap satu disket hendaklah mengandungi maklumat-maklumat bagi satu syarikat sahaja dan dikembalikan berserta dengan 'printout'nya sekali. Borang-borang hendaklah dikembalikan terus ke Bahagian Kajian dan Perancangan ataupun ke cawangan-cawangan Jabatan Buruh, Kuala Belait atau Tutong.

Dalam usaha untuk melancarkan proses penerimaan, jabatan ini menasihati majikan-majikan untuk mengembalikan borang atau disket mereka pada masa yang ditetapkan iaitu mengikut jadual di bawah :-

	Jenis Industri	PJB (Bagi Rujukan Majikan)	Tarikh Penerimaan
1	Perdagangan Jual Borong dan Kedai	5160, 5161, 5162, 5163, 5164, 5165, 5166	31 Oktober - 5 November, 2001
2	Periombongan, Kuari dan Industri Pembuatan	5123, 5127, 5130, 5131, 5133, 5134, 5135, 5137, 5138, 5139	6 - 10 November, 2001
3	Pembinaan	5150	12 - 15 November, 2001
4	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	5110, 5116, 5117	
5	Minyak dan gas	5120	
6	Kilang Papan dan lain-lain industri pengolahan kayu	5132	17 - 22 November, 2001
7	Hotel, Restoran dan Kedai Kopi	5167, 5168	
8	Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	5170, 5172, 5174, 5177	
9	Perkhidmatan Kewangan, Insurans dan Perdagangan	5180, 5183, 5187, 5189	24 - 29 November, 2001
10	Perkhidmatan Masyarakat, Sosial dan Persendirian	5190, 5191, 5193, 5194, 5195, 5197, 5198	

* Jika Awal Ramadhan jatuh pada 18 November, 2001

Bahagian Kajian dan Perancangan menasihati supaya majikan-majikan akan mengisi segala maklumat dengan lengkap dan berpaduan kepada buku panduan yang diberikan. Mana-mana borang-borang atau disket yang tidak lengkap akan dikembalikan.

Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan-majikan, di bawah Seksyen 8, Bab 99, Akta Maklumat Pekerjaan 1974, barang siapa yang gagal menghantar maklumat ini sebelum atau pada 30 November, jika sabit kesalahan boleh didenda sebanyak Dua Ribu Lima Ratus Ringgit (\$2,500.00) dan penjara enam (6) bulan dan jika lama berluran boleh didenda sebanyak Lima Puluh Ringgit (\$50.00) sehari. Bagi sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Kajian dan Perancangan melalui nombor telefon 02-383006 sambungan 5301/5303 atau e-mel lesenburuh@buruh.gov.bn


**KELALAIAN DAN KECUAIAN
MENGAKIBATKAN KEMALANGAN**

RBC hidang makanan untuk pesakit RIPAS

Oleh Haji Ahmad HS

KIRA-KIRA 420 orang pesakit Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) berasa bertuah kerana mereka dapat merasa masakan Penyajian Diraja Brunei (RBC) yang telah memulakan penyajian kepada pesakit RIPAS.

Perkhidmatan RBC itu berjalan selama lima tahun dengan menghidangkan sajian makanan baru kepada pesakit-pesakit di wad Rumah Sakit RIPAS, Pusat Neurologi di Kampong Kiarong dan Kampong Rimba, sebanyak empat kali sehari meliputi minum pagi, makan tengah hari, minum petang dan makan malam.

Menurut Pengurusan Penyajian Makanan Rumah Sakit RIPAS, Awang Haji Madali Tahlil, pihak RBC akan membuat empat penghantaran makanan setiap hari dan menu makanan disediakan dalam dua cita rasa iaitu Eropah dan Asia dan menunya akan ditukar setiap dua minggu.

Beliau berkata, walaupun pihak RBC telah mengambil tanggungjawab daripada kerajaan dalam penyajian makanan dan juga kebersihan, pihak rumah sakit masih bertanggungjawab dalam memantau kuantiti dan keselamatan makanan yang disediakan.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Kesihatan telah mengarahkan seorang pakar pemakanan untuk memastikan kawalan makanan itu terjamin.

Menurut Awang Haji Madali, makanan itu dibawa dari RBC ke rumah sakit menggunakan dua buah trak khas RBC. Sebelum dihidangkan kepada pesakit, terlebih dahulu akan dipanaskan semula supaya makanan tersebut terasa lebih enak dan segar.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan dan RBC telah memeterai perjanjian bagi penyajian makanan pada 8 Ogos lalu di Kelab Rekreasi Diraja Brunei.

Perjanjian itu setentunya akan meningkatkan mutu dan perkhidmatan yang terdapat di Rumah Sakit RIPAS dalam menuju wawasannya sebagai pusat rawatan yang terkini dan berkualiti.



PARA pesakit Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mulai awal bulan Ogos lepas menerima sajian makanan daripada Penyajian Diraja Brunei (RBC). Gambar atas kelihatan seorang pesakit di rumah sakit itu menerima layanan daripada pegawai dan kakitangan RBC. — Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PENYAJIAN Diraja Brunei (RBC) sentiasa memastikan kualiti makanan yang disajikan kepada para pesakit adalah terjamin kebersihannya. Gambar atas, para pegawai dan kakitangan RBC dilengkapi dengan pakaian khas semasa bertugas menyusun makanan sebelum dihidangkan kepada para pesakit. — Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Kolostrum makanan anak damit paling sesuai

IBU-IBU yang melahirkan anak seharusnya tidak memberikan minuman lain selain susu ibu sekurang-kurangnya lapan hingga 12 kali sehari, kata Pegawai Pemakanan Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Dayang Roshimah binti Haji Kamal.

Selain itu tambahnya,

Katanya, susu yang mula-mula dikeluarkan oleh ibu dinamakan kolostrum, mengandungi anti-bodi yang amat tinggi bagi anak damit melawan penyakit. Kolostrum dihasilkan dari peringkat tujuh hingga sembilan bulan kehamilan.

A untuk mata dan seba-

gainya.

"Pemberian susu ibu tidak bergantung pada waktu-waktu yang ditetapkan seperti pemberian susu formula, malah ianya diambil setiap kali dikehendaki oleh anak damit berkeraena. Kadungan susu ibu berlainan mengikut waktu dan masa dia disusukan dan ianya merupakan salah satu kelebihan bagi anak-anak damit untuk sihat," jelas beliau ketika menyampaikan ceramah mengenai Kebaikan Susu Ibu di Seminar Penyusuan Susu Ibu Daerah Belait yang diadakan di Rumah Sakit Suri Seri Begawan di sini.

Menurut beliau, anak damit yang diberikan susu ibu lebih pintar dan mempunyai IQ yang tinggi sekurang-kurangnya 10 peratus daripada anak damit yang diberikan susu formula.

Dalam pada itu, tambah beliau, susu ibu mu-

ketua jabatan itu akan membuka minda mereka bagi menyediakan tempat yang selesa untuk orang awam atau pelanggan yang ingin menyusukan anak damit ketika mereka berkunjung ke jabatan ma-

sing-masing serta menyediakan ruang atau bilik khas bagi kakitangan wanita yang ingin memerah susu mereka semasa bekerja dan tempat penyimpanan susu tersebut.

"Dengan adanya kemudahan ini, akan memberikan galakan kepada kakitangan wanita di jabatan mereka untuk turus memberi penyusuan susu ibu apabila wanita tersebut sudah mula bekerja," tambah beliau.

Beliau berharap, para suami yang menghadiri seminar itu akan lebih memahami kebaikan penyusuan susu ibu kepada anak damit dan isteri mereka serta masalah yang kadang kala dihadapi oleh para ibu yang sedang menyusukan anak mereka.

"Dengan pengetahuan yang diperolehi, insya Allah mereka dapat membantu isteri mereka dan seterusnya berperanan sebagai pendorong kepada isteri mereka supaya memberi penyusuan susu ibu kepada anak damit mereka," ujar beliau.



SEBAHAGIAN peserta yang menghadiri Seminar Penyusuan Susu Ibu yang diadakan di Lobi Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait. — Gambar Ihsan See Hwa Daily News.



PEGAWAI Pemakanan Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Dayang Roshimah binti Haji Kamal menyampaikan ceramah mengenai kebaikan susu ibu. — Gambar Ihsan See Hwa Daily News.

BERITA LUAR NEGERI



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Hashmemite Kingdom of Jordan, Tuan Yang Terutama Pehin Dato' Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55, Dato' Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyampaikan surat perintikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II di Istana Radhean, Jordan pada 10 Julai, 2001.



PESURUJAYA Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato' Paduka Awang Haji Abdulilah bin Haji Mohd. Jaafar telah menyembahkan wakil perantikannya ke hadapan majlis Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Sultan Selahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj Ibin Al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 6 September, 2001.



SURUHANJAYA Tinggi Negara Brunei Darussalam di United Kingdom telah mengadakan Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 di Hotel Dorchester, London. Gambar atas, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Dato' Paduka Awang Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid dan Penasihat Pertahanan, Leftenan Joharie bin Haji Matussin bersama sebahagian tetamu yang hadir di majlis berkenaan.



PERWAKILAN Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva telah mengadakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 di Hotel Inter-Continental, Geneva. Gambar atas, Wakil Tetap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar dan isteri bersama Pengarah Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Tuan Vladimir Petrovsky dan isteri ketika hadir di majlis berkenaan.



KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu telah mengadakan Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam. Majlis itu juga dihadiri oleh Duta-duta Besar ASEAN, para pegawai serta isteri mereka. Gambar atas, Kuasausaha Sementara Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Tehran, Yang Mulia Awang Mahmud bin Haji Ahmad (di tengah) bersama para pegawai dan kakitangan kedutaan berkemasan ketika menghadiri majlis tersebut.



HARI GURU

Firman Allah

Dan Kami tidak mengutus kamu melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahui.

(Surah Saba' : 28)

PUISI

DULU SEKARANG

Ibu Kota Darussalam
Bandar Seri Begawan
segalanya berubah
kerananya ia diubah
penghuninya yang peka
pertumbuhan perkembangannya
kemajuan keindahannya
budaya kemasyarakatan bangsanya
ekonomi politik negaranya
sentiasa hidup bergerak
melayani peredaran zaman
berpijak menjunjung
bumi dan langit
di sekitarnya.

Dulu,
apa juar jenis bangunannya
rumah, kedai, panggung, dewan atau
pejabat
boleh dihitung dengan jari
manusianya
hampir semua dikenali.

Sekarang,
tersusun bangunan tinggi-tinggi
tersegarang megah
jalan raya rata
dipenuhi kereta
kawasan halaman taman kota
dipagar indah pokok bunga-bunga
dihiasi gemerlap lampu berjuta.

Manusianya susah dikenali payah
difahami
purna pilihan kehendak selera sendiri
sendiri
pakaian sama laki-laki bini-bini
berjalan-jalan atau berurusan
berhibur atau tugas
kerana diri atau negara
bangsa dan agama.

Sooryassin

LAGU SI ANAK YATIM

Rembesan air mata
menggenangi kelopak matamu
yang tidak pernah mengenal
apa itu duka
sebenarnya.

Titisan laksana air sungai
yang tiada berhulu
dan tiada bermuara
mengalir lelu di pipi gebum
dulunya air mataku ju
yang jatuh seperti air hujan
mengalir ke lorong kenestapaan abadi
atas berhijrahnya ayah yang dicintai
bapa mertua yang dikasihi
ibu mertua yang disayangi
ke kampung abadi
silis berganti
bagai nyanyian duka
di lorong sepi.

Ah, dalam kembara singkat
yang dipanggil kehidupan ini
kau terpanggil juga menyanyikan lagu
anak yatim
tanpa perlu pamitan
dendangan korus berlirikan kesedihan.

Kini tangisanmu adalah sungai nestapa
yang mengalir longlai ke lautan
samudera
yang terhampar luas dengan kekosongan
dik kehilangan hadiah paling berharga
walau timbangan berlian seluruh
maya pada
sekubit tiada sama nilainya
seorang ayah yang mati syuhada.

Aduhai, sesungguhnya
kematian adalah sebuah lagu
yang terlalu perit untuk didendangkan.

SONETA SEPTEMBER

Tiada sedu tangismu, kekasih, cuma di
mata air mengalir
hatiku turut merasakan getirnya.

Pun kita bicara banyak-banyak dengan
renungan bisu
cuma antaranya yang kufaham
September ini kita berpisah lagi.

Nasib, kekasihku, betapakah?
dari awal perpisahan ini nasib
tiada ketahuhan bila sudahnya.

Betapa walang hati ini mengenangkan
aku terbang bersama burung dewangga
luas
engkau merayap bersama haiwan rimba
raya, sedang
hati genderung untuk bersamamu di
bulan purnama.

Ah, manisku, kita sendiri kan tahu
setiap September lagi duet kita bisu!

Hamim Al-Bunuti

TERIMALAH RINDUKU

Aku menatapmu berserta sepasang mata
di dalam jiwa bening
makin lama aku merenungi
semakin tebal cintaku
pada-Mu, ya Tuan
siapakah engkau?
kata-Mu: "Melainkan Kau"
bukankah aku
"Selain aku"
tiada ada di mana
sekirannya bersangkutan
tentang kau
dan aku selain-Mu
dekatlah di mana tiada serupa
Engkau.....

Adi Misere.

Dari muka 12

"Semua itu amalan yang baik, bukan semestinya bila kita sudah senang dan kaya baru hendak bersedekah, kita boleh bersedekah bila-bila masa dan ketika." Ustaz Badaruddin ketika memberi Kuliah Subuh dalam bab sedekah. Haji Ladin yang duduk di sebelahnya mengangguk-anggukkan kepala.

"Kita kena yakin pada diri sendiri, jangan cepat putus asa. Usaha hendak dilipatgandakan sambil kita berserah kepada Allah," Ummi memberi perangsang kepada persatuan wanita yang meminta khidmat nasihatnya mengenai rahsia kejayaannya dalam perniagaan.

Semua itu tinggal keangan bagi Ummi semasa hidup bersama suaminya. Tapi kini semuanya sudah berubah. Segala-galanya di bawah ketentuan Allah. Setiap yang hidup akan mati. Setiap yang bermula akan berakhir, begitulah kehidupan ini.

Hidup ini mesti diteruskan walau apa cara sekalipun, anak-anak perlu dididik dan dibesarkan dengan sempurna.

Ummi memulakan usaha dengan menjual kuih-muih di pasar malam. Usaha ini dimulakan dengan modal yang sedikit hanya lebih kurang \$500.00. Dia begitu gigih dalam usahanya itu tanpa mengenal jemu.

Ummi belajar dari bawah, dia mengikuti kelas bimbingan perniagaan dan juga seminar-seminar untuk menjadi usahawan berjaya.

Anak-anak Ummi faham kedudukan mereka, mereka juga membantu ibu mereka berniaga di pasar malam. Berkat usaha dan doa, perniagaan Ummi bertambah maju. Kini dia bergiat pula dalam perniagaan sajian dan restoran.

Ummi reda dengan ketentuan Allah. Berkat

kesabaran dan ketekunan Ummi kini menjadi usahawan yang berjaya dalam perniagaan. Dia menjadi kebanggaan penduduk kampung. Ummi kini berjaya mendidik anak-anaknya dalam kehidupan dunia dan akhirat.

"Kita kena yakin pada diri sendiri, jangan cepat putus asa. Usaha hendak dilipatgandakan sambil kita berserah kepada Allah," Ummi memberi perangsang kepada persatuan wanita yang meminta khidmat nasihatnya mengenai rahsia kejayaannya dalam perniagaan.

Semua itu tinggal keangan bagi Ummi semasa hidup bersama suaminya. Tapi kini semuanya sudah berubah. Segala-galanya di bawah ketentuan Allah. Setiap yang hidup akan mati. Setiap yang bermula akan berakhir, begitulah kehidupan ini.

Hidup ini mesti diteruskan walau apa cara sekalipun, anak-anak perlu dididik dan dibesarkan dengan sempurna.

Ummi memulakan usaha dengan menjual kuih-muih di pasar malam. Usaha ini dimulakan dengan modal yang sedikit hanya lebih kurang \$500.00. Dia begitu gigih dalam usahanya itu tanpa mengenal jemu.

Ummi belajar dari bawah, dia mengikuti kelas bimbingan perniagaan dan juga seminar-seminar untuk menjadi usahawan berjaya.

Anak-anak Ummi faham kedudukan mereka, mereka juga membantu ibu mereka berniaga di pasar malam. Berkat usaha dan doa, perniagaan Ummi bertambah maju. Kini dia bergiat pula dalam perniagaan sajian dan restoran.

Ummi reda dengan ketentuan Allah. Berkat



Roslynn Ali

"Selain mesra, pelanggan kita juga harus meningkatkan dan menjaga mutu barang dan masakan kita, kita jangan terlalu tamak dengan mengejar keuntungan saja tapi lupa tanggungjawab sebagai ibu dan ayah kepada anak-anak," pesan Ummi kepada mereka yang mahu berjinak-jinak dalam perniagaan.

"Rumah tangga penting, perniagaan tidak akan berjaya jika rumah tangga kita kucar-kacir atau gagal. Oleh itu kita bertawakkallah kepada Allah dengan nawaitu kita yang baik, insya-Allah kita berjaya dalam perniagaan dan rumah tangga," itulah kata-kata penutup Ummi ketika memberi kursus kepada peniaga-peniaga baru.

Ummi bersyukur, anak-anaknya walaupun kini sudah berjaya dalam pelajaran namun mereka tidak lupa daratan, mereka hidup dengan merendah diri dan sentiasa bertakwa kepada Allah. Azlan kini menjadi doktor, dua orang anak Ummi sedang melanjutkan pelajaran di seberang laut, sementara yang bongsu kini sedang menunggu keputusan periksaan 'A' level.

Hidup bagi Ummi kini satu ibadah, apa pun yang dilakukannya sentiasa dengan ikhlak bukan untuk mengharapkan balasan atau pujian. Ummi, satu nama yang sinonim dengan penduduk kampung. Sebut saja nama Ummi, mereka pasti tahu itulah ibu tunggal yang telah berjaya mengharung kehidupan, berjaya mendidik anak dan berjaya sebagai manusia yang berguna.

"Asal aku tidak ganggu orang sudah, semua yang aku buat ini demi untuk membesarkan anak-anakku," kata Ummi kepada kawan-kawannya. Biasalah orang yang berstatus ibu tunggal sentiasa ada mata yang mengekor, mata yang menggoda dan mata yang sakit melihat kejayaan orang lain.

"Yang penting nawaitu kita, orang tidak menghantar beras ke rumah kita, kita kebulur orang tak tahu, bila kita berjaya orang sakit hati, ini sudah menjadi budaya orang kita, suka melihat orang lain jatuh tersungkur." Itulah yang pernah Ummi alami ketika menghadapi detik-detik bergelar ibu tunggal dahulu, tapi sekarang syukur alhamdulillah, semua itu dapat diatasi dengan menanamkan semangat yakin diri dan bertawakkal kepada Allah. Hadirin memberi tepukan gemuruh kepada Ummi ketika dianugerahkan sebagai tokoh usahawan yang berjaya. Ummi lambang kejayaan ibu tunggal yang berjiwa waja.

**PERJALANAN
beribu batu hendaklah
dimulakan dengan langkah
pertama, kegagalan bukan
bermakna gagal
semuanya. Jadikanlah
kegagalan itu sebagai
pengajaran untuk kita
menempuh kehidupan
yang lebih mencabar.
Itulah dunia kehidupan.**



ستیاسو برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رچاشر تیلیبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja, Tuan Yang Terutama Tuan Hor Namhong dan isteri bergambar ramai bersama para duta besar ASEAN di Kemboja dan isteri masing-masing sempena Malam ASEAN 2001. - Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ulang Tahun ASEAN Ke-34

KEMBOJA, 8 Ogos. - Kedutaan besar negara-negara ASEAN dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja telah mengajurkan Sambutan Malam ASEAN 2001 sempena memperingati ulang tahun ke-34 penubuhan ASEAN yang diadakan di Hotel Inter-Continental.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kem-

boja, Tuan Yang Terutama Tuan Hor Namhong dan isteri menjadi tetamu kehormat di majlis itu.

Seramai 250 orang yang terdiri daripada menteri-menteri kabinet, para pegawai kanan kerajaan, diplomat asing, perwakilan pertubuhan antarabangsa dan sektor swasta menghadiri majlis itu yang dipengerusikan oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Kemboja, Tuan Yang Ter-

utama Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mahmud selaku Pengurus Jawatankuasa Tetap ASEAN di Kemboja.

Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Yunus antara lain berkata, dalam tempoh 34 tahun, ASEAN telah membentuk iklim kerjasama, keharmonian dan persahabatan di kalangan ahli-ahlinya yang telah menyumbang kepada kestabilan serantau. Walau bagaimanapun keadaan

dunia terus berubah. Pembangunan terus mengambil tempat, di samping pelbagai cabaran yang terhampar di hadapan.

Beberapa atur cara yang memaparkan ciri-ciri kebudayaan negara-negara ASEAN khususnya pakai-an tradisi dan pakaian perkahwinan telah dipersem-bahkan oleh para perwakilan ASEAN dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para tetamu.

Kerajaan tubuh dua pusat strategi kewangan

Oleh
Abdullah Asgar

KAMPONG RIMBA, 4 September. - Kementerian Kewangan telah menubuhkan dua pusat strategi kewangan bagi mengemaskinikan kewangan bertujuan bagi menempuh perkembangan global khususnya dalam sistem kewangan.

Antara strategi tersebut ialah penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei (BIFC) yang bertujuan menjadikan negara ini sebagai pusat kewangan kepada sektor perkhidmatan terutama sekali sektor kewangan, bank, sekuriti dan insurans.

"Ianya akan menjadi pemudahkan dan pendorong dalam urusan perniagaan bukan saja kepada penduduk dan rakyat negara ini malah kepada pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha luar negeri," jelas beliau.

Kedua ialah perlaksanaan kerjasama dengan pihak swasta projek 'Integrated Computerised Electronic Accounting and Information System' (TAFIS) yang dibuat secara berperingkat-peringkat dan diharapkan boleh meningkatkan sistem perakaunan dan kewangan kerajaan dan juga meningkatkan usaha sama dengan sektor swasta bagi mendapatkan teknologi terkini.

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin menjelaskan perkara itu ketika berucap sebelum merasmikan Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Kementerian Kewangan di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Katanya, penubuhan

BIFC juga akan dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan, di samping membolehkan peralihan kaparkaran dan teknologi di bidang kewangan kepada anak-anak tempatan.

"Ianya akan menjadi pemudahkan dan pendorong dalam urusan perniagaan bukan saja kepada penduduk dan rakyat negara ini malah kepada pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha luar negeri," jelas beliau.

yang memainkan peranan di dalam mencapai kesepatan pembangunan dan kemajuan sesebuah negara ialah sumber tenaga manusia yang berkualiti dan mengamalkan ciri-ciri yang murni dan terpuji termasuk Rukun Akhlak dan Etika Kerja.

"Meskipun dewasa ini,

kita berbangga dengan kecanggihan teknologi, namun secanggih mana pun teknologi yang digunakan tidak dapat menjamin matlamat dan wawasan perkhidmatan awam kita, sekiranya sumber tenaga manusia kaku dan lesu untuk mengerakkan organisasi maju ke hadapan," katanya.

Kumpulan 605 yang mewakili Jabatan Kastam dan Eksais Diraja menjadi juara dalam konvensyen kali ini.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin.

yang memainkan peranan di dalam mencapai kesepatan pembangunan dan kemajuan sesebuah negara ialah sumber tenaga manusia yang berkualiti dan mengamalkan ciri-ciri yang murni dan terpuji termasuk Rukun Akhlak dan Etika Kerja.

"Meskipun dewasa ini,

kita berbangga dengan kecanggihan teknologi, namun secanggih mana pun teknologi yang digunakan tidak dapat menjamin matlamat dan wawasan perkhidmatan awam kita, sekiranya sumber tenaga manusia kaku dan lesu untuk mengerakkan organisasi maju ke hadapan," katanya.

Kumpulan 605 yang mewakili Jabatan Kastam dan Eksais Diraja menjadi juara dalam konvensyen kali ini.

PELITA BRUNEI Akbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

- Jabatan manakah yang menganjurkan pameran sempena Persidangan APEC 2000 dan Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001, yang bertemakan Keharmonian Hidup Masyarakat Brunei Di Bawah Konsep Melayu Islam Beraja yang diadakan pada 9 November, 2000?
 - Jabatan Penerangan
 - Pusat Da'wah Islamiyah
 - Dewan Bahasa dan Pustaka
- Apakah tajuk cerpen keluaran PELITA BRUNEI 22 November, 2000?
 - Maafkan Mama
 - Izinkan Mama Lena
 - Doa Untuk Mama
- Bilakah tarikh Majlis Perasmian 45 MBPS International Internet Access di antara Negara Brunei Darussalam dengan Uunet yang berlangsung di Stesen Kabel Dasar Laut, Jalan Tungku Link?
 - 5 November, 2000
 - 7 November, 2000
 - 9 November, 2000

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Alai Pintar

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 12 September, 2001.
- C 2. B 3. MISTERI TULISAN.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN PELITA BRUNEI 12 SEPTEMBER, 2001.

MOHD. IZZAT BIN HAJI RASHID,
NO. 8, SIMPANG 501, JALAN KOTA BATU,
KAMPOONG PELAMBAYAN,
UMUR : 10 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM.

NORHUSNA FAIZAH BINTI MOHD. SALLEH,
NO. 19, JALAN 1, KAMPOONG
PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, BC 2715,
UMUR : 7 TAHUN
SEKOLAH RENDAH DATO MARSAL.

RASIDAH BINTI HAJI ALIAS,
NO. 40 C, KAMPOONG BOLKIAH 'A',
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BK 1125.
UMUR : 12 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 494

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 494,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menerima laporan Majlis Penasihat Perniagaan APEC 2001 (ABAC) daripada Awang Timothy Ong, seorang ahli ABAC. — Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Merangsang pertumbuhan ekonomi APEC

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 24 September - Pemimpin-pemimpin perniagaan di rantau Asia Pasifik telah menyertai kepada semua ekonomi-ekonomi APEC untuk memerangi ketidaktentuan sekarang ini di dalam dunia ekonomi, dengan langkah-langkah yang tegas bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan mempercepatkan reformasi kerwangan.

Mereka juga menyertai APEC untuk meningkatkan usaha-usaha dalam mencapai target jangka panjang yang bebas dan perdagangan dan pelaburan terbuka di rantau Asia Pasifik menjelang 2010 bagi ekonomi membangun dan 2020 bagi ekonomi sedang membangun.

Dalam masa yang sama, mereka mengingati APEC betapa pentingnya pada pendekatan yang seimbang bagi globalisasi seperti pembukaan pasaran gabungan, pembangunan kapabiliti ekonomi dan kebolehan akses di kalanngan semua ahli-ahli APEC.

Seruan dan sarana itu terkandung dalam laporan Majlis Penasihat Perniagaan APEC 2001 (ABAC) bagi pemimpin-pemimpin APEC yang bertajuk 'Pembangunan Umum Melalui Pasaran Terbuka, Membina Kapasiti dan Penyertaan Sepenuhnya'.

Menyertai Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menerima laporan itu bagi Negara Brunei Darussalam di pejabat Yang Berhormat disampaikan oleh Awang Timothy Ong, seorang ahli ABAC.

Menurut Awang Timothy, satu kejayaan Persi-

dang APEC bulan depan di Shanghai sangatlah penting sekarang. Dengan rantau yang menempuh ekonomi yang tidak menentu, forum seperti APEC yang berjalan bagi tindak balas pada cabaran rantau ini memainkan satu peranan yang kritikal.

ABAC merupakan suara rasmi sektor swasta dalam APEC, ia ditubuhkan oleh pemimpin-pemimpin APEC pada tahun 1995.

Majlis tersebut mengandungi tiga pemimpin perniagaan daripada setiap ekonomi APEC yang di-

lantik oleh pemimpin masing-masing.

ABAC bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat belas perniagaan kepada pemimpin-pemimpin APEC dan hal-hal yang bersangkutan kerjasama ekonomi serantau.

BOLEH DIDENDA \$8,000 DAN PENJARA 12 BULAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 September. - Majlis Keselamatan Jalan Raya sukacita mengingatkan kepada pengguna-pengguna jalan raya supaya akan lebih berhati-hati dan sentiasa beringat-ingat apabila memandu di kawasan jalan yang dikawal oleh lampu berhenti.

Majlis Keselamatan Jalan Raya, Negara Brunei Darussalam membuat kenyataan itu berikutan kejadian kemalangan jalan raya yang berlaku di persimpangan Jalan Penghubung Mentiri, Muara dan Jalan Subok, Sungai Akar yang melibatkan pegawai-pejawat dan ketua-ketua kontinjen Kapal Asia Tenggara, Nippon Maru serta orang awam pada 23 September, 2001.

Sehubungan itu, Majlis Keselamatan Jalan Raya dalam siaran akhbarannya telah menyarankan kepada pemandu-pemandu kenderaan akan penuh berhati-hati dan mengikuti peraturan-peraturan jalan raya. Sekiranya pemandu-pemandu tidak mematuhi peraturan-peraturan jalan raya, terutamanya lampu-lampu isyarat (traffic light) maka pemandu-pemandu tersebut boleh dihadak di mahkamah mengikut Akta Lalulintas Jalan Raya di bawah Bab 68, Seksyen 28 (i) iaitu memandu dengan cuai dan membahayakan dan boleh dikenakan denda hingga \$8,000.00 dan penjaraka selama 12 bulan untuk kesalahuan pertama dan jika didakwa pada kali kedua dan berikutnya akan didenda sebanyak \$20,000.00 dan dipenjarakan selama tiga tahun.

* Lampu isyarat merah bermakna pemandu tidak boleh melimpasi garisan berhenti yang telah disediakan dan hendaklah memberhentikan kenderaan mereka sehingga lampu isyarat hijau menyala.

* Lampu isyarat hijau bermakna

pemandu bolehlah mulakan perjalanan dengan mengambil kira akan keselamatan pengguna-pengguna yang lain. Dan ini tertakluk kepada arahan daripada pegawai-pejawat polis atau pegawai yang diberi kuasa yang terlibat dalam pengawalan lalu lintas.

* Lampu isyarat 'amber' (kuning telur) bermakna kenderaan ditegah untuk melimpasi garisan berhenti kecuali dalam keadaan apabila kenderaan telah menghampiri garisan berhenti dan lampu isyarat mula terpancar, maka pemandu bolehlah meneruskan perjalanan kerana adalah tidak selamat untuk memberhentikan kenderaan sebelum garisan

Majlis Keselamatan Jalan Raya seterusnya menyarankan agar pemandu-pemandu dan pengguna-pengguna jalan raya akan lebih berhati-hati apabila berada di jalan raya demi untuk keselamatan dan kesejahteraan semua.

Kementerian Perhubungan gubal tiga undang-undang baru

JERUDONG, 11 September. - Kementerian Perhubungan telah menggubal tiga undang-undang baru yang berkaitan industri telekomunikasi dan infokomunikasi sebagai lanjutan pada gubalan yang dibuat tahun lalu bagi transaksi perniagaan dan rasmi dan transaksi pesanan elektronik.

Undang-undang pertama ialah Order 2001 bagi 'Authority for Information Communication Techno-

logy (Aiti)', adalah satu rang undang-undang bagi penubuhan sebuah pengawal bebas untuk industri ICT dan telekomuni-

kasi. Strategi masa depan arah tuju dalam IT telah pun jelas di dalam Strategi Pelan IT Brunei Darussalam, 'IT 2000 dan Masa Depan'.

.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah menjelaskan perkara itu sebelum merasmikan Forum Multimedia ASIA (AMF) Ke-12 di Empire Hotel and Country Club.

Jelasnya, kedua ialah Telekomunikasi Order 2001 - undang-undang baru menggantikan Akta Telekomunikasi Brunei Darussalam 1984 dan yang ketiga ialah 'Telecommunication Succession Order 2001' - satu undang-undang baru bagi membolehkan pengoperasian Jabatan Telekom Brunei (JTB) untuk menjadikan satu telco korporat baru.

"Inisiatif-inisiatif baru yang lain sekarang dalam perlaksanaan bagi menyediakan perkhidmatan kerajaan 'on line' dengan sambutan antarabangsa yang cemerlang melalui kabel dasar laut dan satelit.

Forum dua hari itu di-

sertai oleh ahli-ahli AMF dan Sekretariat AMF di mana JTB menjadi ahli ke-47 pada 1999.

Antara yang menganggotai AMF ialah Telekom China, Telekom Korea, Pertubuhan Telefon Thailand (TOT), Kuasa Komunikasi Thailand (CAT), Panggilan Jauh Telefon Filipina (PLDT), NTT Communications, Telekom Malaysia, Indosat Telekom dan Indonesia.

AMF merupakan satu forum terbuka kepada semua ahlinya yang mana peluang ini harus direbut oleh JTB bagi mendapatkan sesuatu darinya.

Selepas pembukaan rasmi, majlis diteruskan dengan penyampaian kerjasama kerja oleh penceramah JTB yang bertajuk 'ICT In Brunei' oleh Ketua Rangkakarya Bahagian Kejuruteraan dan Pembangunan Infrastruktur, Awang Md. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Selain itu, lima kertas kerja yang lain juga telah disampaikan oleh penceramah yang terdiri daripada ahli-ahli AMF.



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan di dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS) bergambar ramai di Majlis Perjumpaan Muhibah yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Jabatan Perkhidmatan Bomba. — Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Perjumpaan muhibah BAS

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS. - Pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS) telah mengadakan Malam Perjumpaan Muhibah bagi kalangan pegawai-pegawai pentadbir yang berlangsung pada 15 September yang lalu di Dewan Serbaguna, Jabatan Perkhidmatan Bomba di sini.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussof dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa perjumpaan seperti itu menandakan semangat kerjasama dan kemauan dalam usaha yang berke-

kerluan untuk berinteraksi secara positif dan kesibukan menjalankan tugas sehari-hari.

Majlis tersebut diserikan lagi dengan bacaan Syair Perjumpaan Muhibah 2001 karya Ibnu Abdil Rahim.

Sementara di ruang legar dewan serbaguna itu telah berlangsung jualan produk-produk kampung daripada keenam-empat daerah. Melalui jualan tersebut diharapkan dapat mempromosikan produk-produk keluaran sesebuah daerah seperti pelbagai jenis kuih asli serta kraf tangan di samping ubatan kampung.

bajikan.

Perjumpaan itu juga dihasratkan untuk meraikan lagi hubungan antara pegawai-pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Brunei ke arah membentuk hubungan kerja yang lebih erat serta untuk saling kenal-mengenali antara satu dengan yang lain.

Menurut beliau juga, perjumpaan yang diadakan setakat ini jelas menunjukkan bahawa ianya relevan dan dapat memenuhi

MBUTAN HARI GURU KALI KE-11

Haji Jait dan Abdullah Asgar
gambar oleh Halim HS,
Tengah dan Abdullah HAD

September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei berangkat ke Majlis Sambutan Hari Guru Persidangan Antarabangsa, di sini.

iba baginda telah dijunjung oleh Menteri Penorman Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato'ng Abdul Aziz dan Menteri Hal Ehwal Ugama Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Haji Awang Mohd. Zain, selaku Pengurus Bersekutu ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi sambutan. Ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bandaraya Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Mahamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Mat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda.

dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diberikan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Khairi Waddien serta guru-guru yang telah meninggal dunia.

Al-Quran telah dibacakan oleh johan qari urian bagi Kementerian Pendidikan, Awang Samihon.

anakan titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menggunakan penganugerahan kepada tiga penerima Anugerah Guru Berjaya.

Anugerah Guru Berjaya telah diberikan kepada Md. Daud bin Serudin; anugerah bagi bidang Pengajaran dan Pembelajaran diberikan kepada Cikgu Awang Samihon dan sementara anugerah bagi bahagian Pelajaran oleh Cikgu Dayang Zaleha bin POJPS Haji

ma kasih kepada warga pendidik itu diserikan dalam sambutan nasyid, koir, Marhaban Hari Guru dan Marhaban Hari Guru bagi meningkatkan lagi semangat

mun ini bertema 'Guru Taqwa Mencorak Negeri'. Tujuan maksud meluas kepada seorang guru yang mempunyai utama mekanisme pendidikan.

rmaksud pengamal profesi keguruan mempunyai yang kuat serta beristiqamah, yakin terhadap pengetahuan jitu dan bijak merancang dan melaksanakan mengikut lunas-lunas ajaran Islam.

Guru merupakan tanda penghormatan dan penghargaan tertinggi dan ikhlas kepada para guru atas sumbangan mereka di bidang pendidikan.

ekat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berulang kali bersama pegawai-pegawai hadir.

g diraikan setiap tahun, sehingga kini telah menjadi tokoh guru yang telah menabur jasa dan khidmat kepada masyarakat di negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda sejurus tiba di Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-11 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima junjung ziarah para guru yang berperanan memajukan pendidikan negara. Juga kelihatan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato' Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku Pengurus Bersama Sambutan Hari Guru (atas). Sementara gambar kiri atas dan bawah, baginda berkenan beramah mesra bersama para guru.



SAMBUTAN Hari Guru dihadiri oleh para pembesar negara dan ratusan guru-guru (atas). Sementara gambar kanan, para penerima Anugerah Tokoh Guru iaitu Cikgu Awang Haji Md. Daud bin Serudin, Cikgu Awang Samihon bin Haji Kachi dan Cikgu Dayang Zaleha binti POJPS Haji Abdul Manan bersama anugerah masing-masing.



Mengukuhkan organisasi penerangan antara Brunei Darussalam - Kesultanan Oman

Oleh Sahari Akim

JERUDONG, 19 September. - Memorandum Persefahaman antara Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman di bidang penerangan bukan sahaja diharatkan akan meningkatkan kerjasama kedua-dua belah pihak, malah lebih luas dari itu kerana informasi adalah merupakan tonggak perhubungan antara kerajaan dan orang ramai serta antara kerajaan dengan kerajaan.

Melalui rakyat kedua-dua buah negara akan dapat mempelajari mengenai kebudayaan, sejarah, pencapaian dan sebagainya di mana dalam jangka panjang ia akan memantapkan lagi hubungan kedua-dua belah pihak.

Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap di Mesyuarat Pertama Pegawai-pejawai Kanan Di Bawah Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kesultanan Oman Mengenai Kerjasama Di Bidang Penerangan, berlangsung di Empire Hotel and Country Club.

Menurut Dato Paduka, matlamat bersama ialah untuk menjalin kerjasama erat dan setia kawan antara kedua-dua organisasi penerangan yang akan menjadi saluran lebih efektif ke arah mengukuhkan lagi hubungan antara kerajaan dan rakyat yang dipisahkan oleh kedudukan geografi.

Pada masa yang sama tambah Dato Paduka, kerjasama di bidang penerangan akan dapat merealisasikan serta menterjemahkan aspirasi pucuk pimpinan ke arah yang lebih bererti agar kedua buah negara serta rakyat meneroka dan mewujudkan kerjasama di pelbagai bidang bagi kepentingan bersama.

Menyentuh perkembangan teknologi baru, Dato Paduka berkata, ia membawa bersama prasarana yang berguna tetapi pada masa yang sama ia juga membawa cabaran-cabaran baru yang perlu dihadapi.

Jelas Dato Paduka, perkembangan internet merupakan antara cabaran yang dihadapi dalam penyebaran maklumat yang tidak terbatas di mana selain akan mengubah gaya hidup dari sebelumnya ia juga boleh dilihat sebagai pedang dua mata.

"Menyedari akan hakikat ini, kita perlu belajar memanfaatkannya dan mendidik rakyat kita, terutamanya generasi muda ke arah penggunaan yang berfaedah. Kita boleh berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan bagaimana kerajaan kita boleh menangani isu tersebut sebaik mungkin," tegas Dato Paduka.

Di majlis itu Dato Paduka juga menyentuh mengenai kesan perkembangan teknologi penyiaran yang memberi impak kepada budaya dan cara kehidupan masyarakat di mana nilai yang dikongsi sama itu memerlukan kerjasama dalam menyebarkan maklumat bagi membantu mewujudkan perseimbangan kepada masyarakat.

Dato Paduka seterusnya berkata, pemusatan infoteknologi (ICT) akan menguji keberkesanannya dalam menangani cabaran-cabaran persejagat di bidang digital.

Ketika ini sudah terdapat radio internet, transmisi digital dan banyak lagi teknologi baru yang menakjubkan yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya serta memerlukan kerjasama antara kedua-dua belah pihak.

Sementara itu Setiausaha Rendah di Kementerian Penerangan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah Shuwein bin Amer Al-Hosni dalam ucapannya pula antara lain menyentuh bidang kerjasama antara kedua-dua buah negara yang begitu luas meliputi televisyen, radio dan media.

Menyentuh mengenai rangkaian kerjasama televisyen, Tuan Yang Terutama berkata, Kerajaan Kesultanan Oman berusaha untuk mendapat perkhidmatan satelit ke rantau Asia dan beberapa bahagian dunia yang lain.

Memorandum Persefahaman bagi kerjasama di bidang Penerangan antara kedua-dua buah negara telah ditandatangani di Muscat, Oman empat tahun yang lepas iaitu pada 21 September, 1997.

Mesyuarat pertama di negara ini adalah merupakan langkah awal ke arah merealisasikan MOU tersebut akan memperkembangkan kerjasama di bidang penerangan.

Antara program yang boleh diterokai termasuklah pertukaran rancangan televisyen dan radio dan terbitan televisyen bersama, pertukaran berita, pertukaran lawatan pegawai-pejawai penyiaran dan penerangan dan pembenaran.

MOU tersebut juga akan menjadi jambatan antara masyarakat, di samping sebagai asas hubungan antara dua rantau di mana Negara Brunei Darussalam berpusat di Asia Tenggara, manakala Kesultanan Oman berpusat di Timur Tengah.

Kedua-dua belah pihak bukan sahaja boleh berkongsi berita dan kepentingan dua hala tetapi juga mengenai maklumat-maklumat yang berkaitan rantau berkenaan.



MESYUARAT Pertama Pegawai-pejawai Kanan Di Bawah Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair; Pengarah Penerangan; Pengarah Radio dan Televisyen Brunei dan pegawai-pejawai kanan kerajaan, sementara Kerajaan Kesultanan Oman diwakili oleh Setiausaha Rendah Kementerian Penerangan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah Shuwein dan rombongan. Mesyuarat berlangsung di Empire Hotel and Country Club. - Gambar oleh Abdullah HAD.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah telah merakam Setiausaha Rendah Kementerian Penerangan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah Shuwein bin Amer Al-Hosni dan rombongan di Majlis Makan Tengah Hari di atas Kapal Tanjung Bekarang yang menyusuri Sungai Brunei sambil menikmati suasana pemandangan sekitar Kampong Ayer dari hujung Kampong Burong Pinggal Ayer hingga ke Kampong Boikiah dan Kawasan Kota Batu. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Delegasi Kesultanan Oman lawat RTB

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 September. - Delegasi Kesultanan Oman menyaksikan secara dekat peranan dan fungsi Jabatan

Radio dan Televisyen Brunei (RTB), di sini.

Pengarah RTB, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail serta pegawai-

pegawai kanan yang lain mengalukan ketibaan rombongan delegasi berkenaan.

Semasa lawatan itu,

rombongan juga berkesempatan mendengar taklimat mengenai infrastruktur RTB dan dibawa mewati

ke beberapa bahagian ter-

Oleh
Samie Haji Jait

masuk Bilik Berita dan Rangkaian Radio.

Rombongan yang diketuai oleh Setiausaha Rendah, Kementerian Penerangan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah Shuwein bin Amer Al-Hosni berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Pertama Komiti Teknikal Bersama Kerjasama Dalam Bidang Maklumat.

Mesyuarat berkenaan adalah susulan daripada Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani oleh Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman, empat tahun lepas.

Turut sama dalam rombongan itu ialah Ketua Pengarang Agensi Berita Oman, Nasser bin Sulaiman Al-Sibani.



ROMBONGAN Kesultanan Oman yang diketuai oleh Setiausaha Rendah, Kementerian Penerangan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah Shuwein ketika membuat lawatan ke Radio Televisyen Brunei (RTB). - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ketika menerima kunjungan muhibah rombongan perwakilan Kesultanan Oman yang diketuai oleh Setiausaha Rendah Kementerian Penerangan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah Shuwein Amer Al-Hosni. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

MOU kerjasama di bidang penerangan ditandatangani

JERUDONG, 19 September. - Mesyuarat Pertama Pegawai-pegawai Kanan di bawah Memorandum Persefahaman Bagi Kerjasama Di Bidang Penerangan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman berakhir dengan majlis penandatanganan yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club.

Menandatangani bagi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, sementara Setiausaha Rendah Kementerian Penerangan Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Sheikh Abdullah Shuwein Amer Al-Hosni mewakili Kesultanan Oman.

Mesyuarat yang berlangsung di negara ini telah me-

Oleh Haji Ahat HI

ngenal pasti bidang-bidang kerjasama masa depan dalam bidang penerangan dan penyiaran.

Kedua-dua negara bersetuju bekerjasama dalam bidang latihan, pertukaran rancangan-rancangan radio dan televisyen serta bahan-bahan berita yang berhubung kait antara kedua-dua negara.

Kedua-dua negara juga bersetuju mengenai program pertukaran bagi pegawai-pegawai penerangan dan media cetak yang terdiri daripada para wartawan.

Mesyuarat berkenaan adalah susulan daripada Memorandum Persefahaman yang ditandatangani oleh kedua-dua negara di Muscat, Oman pada tahun 1997.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan pegawai-pegawai kanan ketika meraikan rombongan Kesultanan Oman di Majlis Makan Malam yang berlangsung di Kelab Polo Jerudong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Delegasi Oman diraikan

JERUDONG, 18 September. - Mesyuarat Pertama Pegawai-pegawai Kanan di bawah Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Di Bidang Penerangan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman telah berlangsung di negara itu.

Dalam perbincangan itu, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diwakili oleh Setiausaha Rendah Kementerian Pe-

Oleh
Haji Ahmad HS

usaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair; Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin; Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dan beberapa orang pegawai kanan Kesultanan Oman.

Para perwakilan kedua-dua negara telah diraikan di Majlis Makan Malam di Kelab Polo Jerudong yang diberikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.

Sementara itu bagi pihak Kesultanan Oman diwakili oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan beramah mesra berserombongan pegawai kanan Kesultanan Oman yang berkesempatan membuat lawatan ke Jabatan Penerangan.

Kunjungan muhibah

Oleh Haji Ahat HI

Al-Riyami.

Rombongan tersebut berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Pertama Pegawai-pegawai Kanan di bawah Memorandum Persefahaman (MOU) antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman.

Rombongan tersebut kemudian mengadakan lawatan ke Jabatan Radio dan Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan di Lapangan Terbang Lama, Berakas.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah menandatangani bagi pihak kerajaan dan Setiausaha Rendah Kementerian Penerangan Kesultanan Oman, TYT Sheikh Abdullah Shuwein Amer Al-Hosni mewakili negaranya bagi MOU di bidang penerangan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Pegawai kanan Oman lawat Jabatan Penerangan

PEGAWAI-PEGAWAI kanan Kesultanan Oman yang menghadiri Mesyuarat Pertama di bawah Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Di Bidang Penerangan meneruskan atur cara mereka dengan membuat lawatan ke Jabatan Penerangan di Berakas pada 20 September lalu.

Rombongan yang diketuai oleh Duta Besarnya ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Ahmed Moh'd Masoud Al-Riyami telah diberi taklimat mengenai peranan dan tanggungjawab Jabatan Penerangan oleh Pengarah Penerangan Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin.

PRIHATIN TERHADAP MANGSA KEMALANGAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan sesuatu kepada Menteri Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz mengenai mangsa yang terlibat dalam kemalangan (kanan).

Gambar-gambar oleh Harun HR dan Masri Osman



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan melawat seorang peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) yang terlibat dalam kemalangan yang berlaku di persimpangan Kampong Sungai Akar.



SEORANG mangsa menceritakan saat berlakunya kemalangan ngeri yang menimpa mereka dan para peserta SSEAYP yang lain ke hadapan majlis baginda (kiri). Sementara gambar atas dan kanan, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengunjungi beberapa orang lagi mangsa kemalangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan bertanyakan khabar dan melawat dua orang peserta perempuan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara yang terlibat dalam kemalangan jalan raya di Kampong Sungai Akar (atas dan kanan). Juga kelihatan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain.



BERANGKAT TINJAU PERSIAPAN SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninjau persiapan-persiapan yang dilakukan oleh negara ini selaku tuan rumah bagi Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan ASEAN Ke-7 November depan.

Berangkat sama dalam tinjauan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Boikiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan baginda dan Duli Yang Teramat Mulia di Pusat Per-

Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO
dan Ramli Tengah

sidangan Antarabangsa, Berakas di mana persidangan itu akan berlangsung telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan pegawai-pejawai kanan kerajaan.

Sidang kemuncak yang akan berlangsung pada 5 hingga 6 November depan akan dihadiri oleh ketua-ketua negara ASEAN dan rakan dialog.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Boikiah menerima penerangan ringkas mengenai persiapan negara di Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN Ke-7 oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (atas) dan daripada Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia menerima penerangan ringkas mengenai venue-venue Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan ASEAN Ke-7 yang akan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (gambar kiri dan kanan).



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia melawat beberapa venue utama Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan ASEAN yang dijangka akan membincangkan pelbagai perkara yang berkaitan perkembangan serantau dan antarabangsa (gambar atas dan kanan).



Sempena penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan



BENDERA BESAR KEBANGSAAN ... Salah satu mercu tanda ibu negara yang baru didirikan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bandar Seri Begawan terus popular

Dari muka 14

Baiduri dan kerja-kerja pemeliharaan dan pembersihan Bangunan Pasar Gadong dan persekitarannya.

- Menyewakan melalui proses tawaran terbuka bekas Pejabat Pengambilan Rekrut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Terminal Bas menjadi kedai runcit, bilik-bilik ais di Pasar Gadong dan terkini Dewan Serbaguna di Bangunan Letak Kereta Bertingkat diserahkan pengurusannya kepada sebuah syarikat tempatan sebagai tempat bersukan dan riadah.

Projek-projek seumpamanya akan terus dipergiatkan lagi kerana usaha sama antara lembaga dengan pihak swasta adalah merupakan satu peralihan paradigma dan menjadi satu agenda yang sangat penting.

PENINGKATAN TUGAS

Lembaga Bandaran BSB bukan lagi seperti dulu. Walaupun masih membuat kerja-kerja rutin seperti kebersihan dan pemungutan sampah, kerja-kerja landskap dan taman, tugas-tugas pemeliharaan, kawalan bangunan dan cukai, namun dari segi pengurusan lembaga sudah kompleks dan rumit dengan memerlukan perancangan yang rapi dalam melaksanakan ekspektasi pelanggan.

Lembaga bukan saja menyediakan dan meningkatkan kemudahan dan keselesaan warga kota atau hanya membuat peraturan supaya kegiatan dan perkembangan bandar tersusun dan indah, malah mempunyai tanggungjawab perkhidmatan yang lebih besar kepada pelanggan sebaik mungkin seperti moto 'yang senang disenangkan, yang susah dimudahkan'.

Yang lebih penting sekarang ialah

bertanggungjawab untuk mewujudkan iklim yang menggalang perkembangan dan kegiatan ekonomi dan komersil di Bandar Seri Begawan.

USAHA MEMBINA MERCU TANDA BSB

Lembaga Bandaran BSB terus sama-sama berganding bahu untuk mempromosikan Tahun Melawat Brunei 2001. Salah satu aset yang ada dalam kawasan BSB ialah Taman Peranginan Tasik yang mana kedudukannya di tengah-tengah bandar menjadikannya unik.

Ketika ini tasik tersebut sedang dalam kerja-kerja pembaik pulih yang mana dijangka siap pada awal tahun depan. Kawasan tersebut memang popular dan menjadi tempat kunjungan setiap hari oleh para pelancong dan orang tempatan.

Lembaga sedang mengadakan perundingan dengan pihak swasta untuk memberikan sumbangan dalam membiasakan lagi keadaan tasik berkenaan dalam bentuk kemudahan-kemudahan awam.

Kerajaan juga sedang membuat perancangan untuk mengubah suai dan seterusnya memajukan kawasan-kawasan dermaga dan bekas bangunan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja destinasi pelancongan dengan menyediakan kedai-kedai kecil termasuk restoran, hasil seni dan kraf tangan tempatan, Pusat Pelancongan dan Maklumat, galeri seni dan sebagainya.

MENGALAKKAN KEGIATAN EKONOMI

Dalam masa yang sama, adalah menjadi dasar lembaga untuk menjadikan BSB sebuah bandar yang terus maju dan membangun dalam pelbagai bidang khususnya kegiatan ekonomi yang ditera-

PENUKARAN NAMA BANDAR BRUNEI JADI BSB AKAN DISAMBUT SETIAP TAHUN

PERISTIWA bersejarah penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan akan dijadikan satu lagi sambutan yang mengisi kalender perayaan setiap tahun di ibu negara.

Sehubungan dengan itu, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sedang rancak menyusun sambutan yang dijangka meriah sempena memperingati ulang tahun penukaran nama Bandar Seri Brunei menjadi Bandar Seri Begawan pada 4 hingga 7 Oktober depan.

Setiausaha Lembaga Bandaran BSB, Awang Mohd. Ramli bin Haji Zulkifli berharap sambutan itu nanti bakal ditunggu-tunggu dalam sama-sama mengenang kembali peristiwa bersejarah negara yang terjadi pada 4 Oktober, 1970 lalu.

Sebelum ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatat kalender perayaan terbesar sempena sambutan Hari Kebangsaan pada bulan Februari dan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setiap bulan Julai.

"Sekarang kita bakal menyaksikan satu lagi program sambutan perayaan yang diadakan setiap bulan Oktober sekali gus menyemarakkan lagi kemeriahan di ibu negara," jelas Awang Mohd. Ramli ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Beliau berharap agensi-agensi yang bertanggungjawab bagi menggerakkan sektor pelancongan ke Negara Brunei Darussalam akan sama-sama berperanan dan mencatat di dalam 'calendar of event' yang baru di Negara Brunei Darussalam setiap tahun.

Atur cara sambutan bermula dengan Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaasin di Kubah Makam Diraja

bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien oleh rombongan yang terdiri daripada ahli-ahli Lembaga Bandaran BSB serta pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan telah disempurnakan sendiri oleh Al-Marhum Sultan Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sendiri pada 4 Oktober, 1970.

Sepanjang empat hari sambutan akan diadakan jualan bazar di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bermula 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Atur cara sampingan yang bakal menarik perhatian orang ramai termasuk perlawanan tarik kalat, pameran dan jualan bahan-bahan landscap serta persembahan pancaragam Pasukan-pasukan Pancaragam



"KITA harap sambutan sempena penukaran Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan menjadi salah satu acara dalam kalender perayaan setiap tahun." ... Setiausaha Lembaga Bandaran, Awang Mohd. Ramli.

Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Jabatan Penjara di sini.

Orang ramai juga akan berpeluang bagi menyertai dalam Perlumbaan Model Kereta Kawalan Jauh di kawasan letak kereta di Jalan Bendahara serta peraduan melukis dan mewarna bagi kanak-kanak.

Acara kemuncak sambutan yang berlangsung pada hari Ahad pula ialah acara senam ria di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien yang mana Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin dijangka akan merasmikannya.



TUGU Peringatan Sempena Penukaran Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan menjadi lambang sejarah di ibu negara.



KEMESRAAN SENTIASA TERJALIN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Perancis, Tuan Yang Terutama Presiden Jacques Chirac bersalaman mesra sejurus baginda tiba di Istana Presiden di Elysee Palace, Perancis. - Gambar oleh Pg. Hj. Bahar PHO (Berita lanjut di muka 4).

Kebawah DYMM dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah UIAM

KUALA LUMPUR, 2 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sains Politik oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Sultan Pahang Darul Makmur yang juga selaku Ketua Perlumbaan UIAM telah menganugerahkan ijazah tersebut ke hadapan majlis baginda di Majlis Konvensyen Khas di kampus utama universiti berkenan di Gombak dekat sini.

Baginda berada di Kuala Lumpur bagi lawatan kerja selama dua hari untuk mengadakan rundingan tahunan dua hala kali kelima dengan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) UIAM, Datuk Dr. Jamil Osman, penganugerahan itu adalah sebagai menghargai sumbangan baginda kepada pembangunan UIAM dan masyarakat Islam secara amnya.

Hadir di majlis itu ialah Penasihat Khas Kebawah DYMM di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Bakri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Mufli Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri

dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pejabat Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng dan Naib Canselor UBD, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Mahmud Saedon.

Majlis bermula dengan titah DYMM Sultan Pahang selaku Ketua Perlumbaan UIAM dan diikuti pengenalan khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh Rektor UIAM, Profesor Dr. Muhammad Kamal Hassan.

Selepas menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah, baginda berkenan membacakan tahniah penerimaan.

Majlis diikuti dengan Majlis Santap Tengah Hari yang dipersembahkan oleh Ketua Perlumbaan UIAM.

Sebelum berangkat balik, baginda berkenan menerima junjung ziarah penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di UIAM dan universiti-universiti di Malaysia.

Baginda sebelum ini telah dianugerahkan Ijazah Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Mufli Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Mufli Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdullah dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri

Eratkan pelbagai kerjasama

Liputan Hj. Jaafar Hj dan Samiee Hj. Jait
dari Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berangkat tiba di sini sempena lawatan kerja selama dua hari pada 1 dan 2 Oktober.

Lawatan tersebut merupakan lawatan kerja tahunan yang diadakan secara bergilir-gilir di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Ini merupakan pertukaran kali kelima semenjak diadakan pada tahun 1997. Pertemuan antara kedua-dua pemimpin Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dicapai semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berangkat turun dari pesawat.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berangkat turun dari pesawat.

Sesungguhnya perjumpaan kerja tahunan antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Perdana Menteri Malaysia itu telah mengerakkan lagi hubungan dan kerjasama yang luas antara kedua-dua buah negara. Hasilnya dapat kita lihat di mana persefahaman dan persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah membawa pelbagai kerjasama. Antaranya kerjasama di bidang ekonomi, pendidikan, kebudayaan, penyiaran dan penerangan,

pengangkutan, pertahanan dan pelbagai lagi kerjasama yang telah, sedang dan akan dijalankan antara kedua-dua buah negara.

Pesawat khas yang membawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat

Luar Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dan Datin Sharifah Aziah; Yang Berhormat Dato' Hishamuddin Tun Hussein, selaku Menteri Pengiring dan YM Tengku Datin Marsilla Tengku Abdullah.

Dari lapangan terbang, rombongan diraja berangkat menuai kenderaan khas ke Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur tempat persemayaman baginda. Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTM Pengiran Isteri sepanjang lawatan dua hari itu.

Berangkat sama ialah anakanda dan adinda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Turut serta dalam rombongan baginda ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Mufti Kerajaan Negara

Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerja Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia mula mengadakan hubungan diplomatik pada tahun 1984. Sejak dari itu, hubungan kedua-dua negara terus mesra dan pelbagai kerjasama telah dapat dijalankan dengan baiknya berlandaskan semangat setia kawan dan persefahaman yang baik yang telah sedia wujud antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Hubungan yang sangat akrab itu berlandaskan kepada banyak persamaan seperti di bidang agama, bahasa, budaya dan sejarah serta adat resam.

Penubuhan Suruhanjaya Bersama Negara Brunei Darussalam - Malaysia semenjak April 1984 telah meningkatkan lagi pelbagai perhubungan yang amat berguna dan bermanfaat bagi rakyat kedua-dua buah negara.



BERGAMBAR KENANGAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika bergambar kenangan bersama YAB Perdana Menteri Malaysia dan isteri di Seri Perdana Putrajaya.

Adakan perjumpaan dengan PM M'sia

KUALA LUMPUR, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan perjumpaan 'empat mata' yang berlangsung di Pejabat Perdana Menteri, Wilayah Persekutuan Putrajaya di sini.

Baginda berada di ibu negara Malaysia bagi lawatan kerja dua hari ke sini berakhir semalam bertujuan bagi mengadakan perjumpaan tahunan dengan Perdana Menteri Malaysia. Pertemuan kali kelima itu diadakan secara bergilir-gilir antara pemimpin Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Perjumpaan kedua-dua pemimpin yang berlangsung selama satu jam banyak menumpukan kepada perbincangan dan berteruk-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala dan serantau.

Baginda dan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengadakan perbincangan mengenai kepentingan bersama ke arah mengerakkan dan meningkatkan lagi hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang antara Kuala Lumpur dan Bandar Seri Begawan.

Baginda juga berkenan menandatangani buku pelawat sambil diperhatikan oleh YAB Dato Seri Dr. Mahathir. Terdahulu dari itu, keberangkatan baginda ke bangunan tersebut dijunjung oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

MAJU BANGSAKU SEJAHTERA NEGARAKU



دربیتکن اوله جباتن فراگعن، جباتن فردان متری دان ڈجیتک اوله جباتن فرچیتکن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

